



Mohamed Hil .
30/11/96 1/2

SIRI PENGETAHUAN AM UTUSAN

WASIAT NASIONALISME MELAYU

Alias Mohamed



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

(Anggota Kumpulan Utusan Melayu)

46M, Jalan Chan Sow Lin,

Kuala Lumpur.

Tel: 413945, 487055 Ext: 192, 194.

CETAKAN PERTAMA 1982

© Alias Mohamed

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari pihak UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

Pengurus Besar:
OTHMAN KARIM

Pengarang:
WAHID KASRAN

Rekabentuk kulit:
SAHAK MAAKIT

Dicetak oleh:
Syarikat Percetakan Tass Sdn. Bhd.

M
959.5
ALI

M
Ealiah

21 FEB 2000
Perpustakaan Negara
Malaysia

*Kepada:
Suryani Senja yang pintar.*

KATA PENGANTAR

Perjuangan orang Melayu belum selesai. Malah, ia hanya baru bermula. Dalam tahun-tahun selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru sehingga sekarang pertanyaan datang berulang-ulang bilakah orang Melayu akan selesai dan berhenti dari menuntut haknya. Dalam tahun-tahun 1960an, orang Melayu dicabar menerusi kuasa politik yang diberi kepada orang bukan Melayu. Pada ketika itu orang Melayu diminta supaya menamatkan "Special Rights" atau "Hak-Hak Istimewa". Selepas Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dalam tahun 1971, tuntutan-tuntutan yang serupa terus kedengaran, kerana kononnya dengan hak-hak istimewa dan Dasar Ekonomi Baru hak-hak orang bukan Melayu akan tercabul.

Selepas hampir dua puluh tahun orang bukan Melayu menyatakan kebimbangan mereka dan menuntut agar hak-hak istimewa dihapuskan, kebajikan mereka, iaitu orang bukan Melayu, bukan saja terus terpelihara, malah terus dibantu dan dijamin oleh kerajaan. Demikian jua, Dasar Ekonomi Baru terus-menerus, baik secara langsung mahupun secara kesan "spill-over", membuka peluang yang tidak pernah sedikit-pun tertutup kepada orang bukan Melayu. Bukan saja keupayaan, peluang dan jaminan untuk meninggikan taraf hidup mereka bertambah besar, malah kuasa politik mereka juga terus berkembang sehingga terkadang-kadang orang Melayu merasa ragu-ragu terhadap kemajuan dan pencapaian mereka. Mereka juga terkadang-kadang merasa bukan nasib mereka dan jenerasi mereka sendiri yang mereka perjuangkan, malah nasib dan jenerasi orang lain.

WASIAT NASIONALISME MELAYU tidak memadai untuk merakamkan resah-gelisah orang Melayu di tanah air mereka sendiri; tidak memadai jika karangan ini bertujuan untuk mengambil hitung segala gelodak dan masalah yang mereka tidak sukai tetapi dinikmati oleh pihak-pihak yang mengatakan hak-hak mereka tercabul dan nasib mereka, baik ekonomi mahupun politik, tidak terjamin. Jelaslah ia memerlukan satu ketika yang lain untuk maksud satu karangan seperti itu.

Demikian juga, tidak memadai bagi karangan ringkas seperti ini untuk merombak segala fail dan rekod dengan maksud untuk mengeneipkan tohmah-tohmah serta andaian dan anggapan mengenai pimpinan UMNO, baik dalam PEMUDA mahupun dalam pimpinan induknya. Harapan kita semata-mata untuk mengeneipkan penafsiran mengenai kepimpinan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh UMNO dari masa ke semasa. Dan seperti biasa, penafsiran terpaksa tertakluk kepada bukti-bukti yang sentiasa pula muncul tahun demi tahun. Ahli-ahli politik, akhbar dan majalah banyak sekali memainkan peranan untuk menumbukkan sesuatu penafsiran yang reflektif pada satu-satu zaman atau satu-satu masa. Oleh yang demikian, adalah kebiasaan bagi seseorang untuk menafi dan menidakkan sesuatu penafsiran, kerana bukan saja ia ingin melihat sesuatu penafsiran itu disesuaikan dan diterima oleh dirinya sendiri mengikut selera penafsirannya, akan tetapi juga kerana bukti-bukti yang baru tidak diperolehi pada waktu penafsiran itu dibuat.

Perjuangan PAS, misalnya, tidak digemari oleh seseorang yang tertunjang di dalam hatinya perasaan yang degil untuk membuka fikiran kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar kepimpinan PAS dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dalam masa-masa awal penubuhannya. Oleh sebab itu kita sering berhadapan dengan hujah-hujah bahawa PAS itu Islam dan Islam itu PAS dan UMNO ialah sekular dan sekular itu anti agama dan penyokong materialisme. Jenerasi selepas PKMM tentulah tidak ingin melihat PAS sebagai sebuah parti yang tidak menggunakan Islam dan agama sebagai pegangannya, walaupun perbuatan seumpama itu terkadang-kadang tidak digalakkan oleh agama Islam dan segala-gala yang ada kaitan dengannya. Demikian jua, bagi jenerasi ini PAS tetaplah Islam dan tidak mungkin lagi parti mereka menjadi alat kepada komunis yang memakai jubah Islam.

Adapun yang sedang berlaku dalam gerakan politik orang Melayu sekarang, perjuangannya belum selesai. **WASIAT NASIONALISME**

MELAYU hanyalah satu rakaman kecil terhadap tindak-tanduk dan perjuangan mereka dalam proses dan usaha meletakkan hak istimewa orang Melayu pada tempatnya yang sesuai dan betul.

Sebagai penghargaan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin UMNO dan para akademik Melayu kerana peluang yang mereka beri kepada saya untuk memberi ceramah yang saya kumpul untuk dijadikan sebuah buku ini. Yang lebih penting ialah penyertaan mereka dalam proses untuk meletakkan hak istimewa orang Melayu pada tempatnya yang konkrit. Sumbangan dan susah-payah mereka untuk menganjurkan seminar dan ceramah menjadikan mereka para peserta yang aktif dan dedicated dalam proses tersebut.

Syarikat Utusan Melayu (M) Berhad, yang sudah lama terkenal sebagai pejuang kemerdekaan dan orang Melayu itu, memainkan peranan tidak kecil dalam usaha untuk merakamkan buku ini sebagai satu lagi catatan penting dalam proses nasionalisme orang Melayu di Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada syarikat ini.

*Kuala Lumpur,
26 Mac 1982.*

Alias Mohamed

KANDUNGAN

Mukasurat:

1	Nilai-nilai kepimpinan dalam politik	1
2	Dasar Ekonomi Baru: Beberapa masalah politik dan penyelesaian	17
3	Dasar Ekonomi Baru: Antara politik kekuasaan dan cita-cira rakyat	31
4	Menilai semula peranan pergerakan pemuda UMNO	60
5	Asas-asas Perjuangan Parti Islam Se Malaysia (PAS) 25 tahun: Nasionalisme, Sosialisme dan Islam	93



NILAI-NILAI KEPIMPINAN DALAM POLITIK

"But independent Malaya chose to treat membership of the Cabinet as a reward for loyalty to party chiefs and acceptability to the Prime Minister. Once appointed, no amount of dereliction of duty could affect the position of a Minister. On the other hand, even if the Minister performed well, failure to remain on good terms with the Prime Minister meant removal from the Ministry. "The result was that mediocre men were left to run the country. The capable ones never got into the Government and even if they did, they did not stay long. As Cabinet after Cabinet was formed and the same pattern continued, the whole nation gave up hope that the Government would ever be made up of the truly able. The people became cynical and respect for the Ministers was minimal".

(Dr. Mahathir Mohamad: Singapore: 1970)

Jika kita mahu mewujudkan satu penilaian kepimpinan politik *contemporary* yang objektif maka, bersetuju atau tidak, kita tidak akan dapat mengelak dari mengembalikan semula ingatan dan status quo kepimpinan dalam tempoh 10 tahun pertama selepas merdeka. Untuk tujuan tersebut dan dengan tidak perlu kita mencari alasan-alasan yang lain, maka kata-kata Dr. Mahathir 10 tahun yang lalu yang saya petik di atas itu harus dijadikan pengkalan tempat bertolak perbincangan

ini. Perbincangan ini tidak menjanjikan satu penyelesaian yang komprehensif dalam usaha sektor parti politik seperti UMNO untuk meneroka dan mewujudkan asas-asas baru dalam nilai-nilai kepimpinan politik. Jika dalam proses kita membicarakan persoalan ini saya muncul dengan beberapa cadangan atau saranan, maka hal yang demikian itu adalah satu kebetulan.

PIMPINAN POLITIK ZAMAN PENJAJAHAN: SATU KES KAJIAN (CASE-STUDY)

Salah satu dari tugas pentadbiran penjajah untuk mengekalkan pemerintahan di negara-negara yang diperintah ialah mewujudkan *public policy* yang tidak melibatkan penyertaan rakyat. Apa jua bayang-bayang politik aktif (*active politics*) yang wujud, ia diwujudkan demikian rupa supaya maklumat-maklumat mengenai matlamat pemerintah tidak sampai dan digelapkan dari pengetahuan orang ramai. Yang demikian dasar-dasar yang hendak dibentuk oleh penjajah adalah yang telah dicerna oleh jentera pentadbiran penjajah dengan membenarkan hanya penyertaan yang paling minimum, supaya nilai-nilai yang hendak diterapkan ke atas masyarakat pribumi itu tidak memungkinkan timbulnya potensi-potensi protes dan anti kerajaan yang serious. Sistem yang hendak ditegakkan oleh penjajah itu sendiri bergantung sangat kepada sikap *apathy* orang ramai, kepada paras umum kepuasan sosial rakyat dan kepada penerimaan yang pasif rakyat jelata terhadap prinsip-prinsip *authoritarianism* pemerintah. Sistem ini boleh bertahan selagi tidak ada golongan inteligenesia yang boleh mencetuskan kancah dan ketidakpuasan hati rakyat. Bahawa penjajah telah berjaya menegakkan sistem tersebut selama hampir 100 tahun di Tanah Melayu menunjukkan dengan jelas bagaimana rakyat pribumi telah dipengaruhi dan diyakinkan oleh unsur-unsur *benevolent authoritarianism* yang ditanam oleh penjajah. Sistem ini juga berjaya kerana perhatian dan prioriti Inggeris dilencung kepada kaum imigran yang tidak mempunyai hak yang sah atau *legitimate* di negara ini. Tiadanya tentangan orang Melayu yang keras terhadap Inggeris juga adalah kerana kewaspadaan Inggeris terhadap potensi-potensi kekacauan sekiranya orang Melayu diberi gambaran lebih awal terhadap penyertaan orang Cina dalam pentadbiran negara yang hendak ditubuhkan itu. Dari satu segi sistem seperti ini boleh memungkinkan timbulnya tindak-balas dari masyarakat

pribumi, tetapi di Tanah Melayu, dengan dasar *benevolent authoritarianism*, tindak-balas seperti itu lambat muncul. Memang ada orang-orang Melayu yang diterapkan dalam sistem birokrasi penjajah dan ada sekolah-sekolah yang menerima anak pembesar-pembesar Melayu, tetapi nilai dan *world-view* golongan yang mendapat didikan awal di sekolah-sekolah yang disponsor oleh penjajah itu tidak mewakili sikap dan pandangan orang Melayu terbanyak.

Keadaan ini berlanjutan sehingga selepas Perang Dunia Kedua dan sesudah UMNO ditubuhkan dalam tahun 1946. Sungguhpun kita harus akui dengan jujur bahawa beberapa buah pertubuhan politik telah wujud di Tanah Melayu sejak tahun-tahun 1930an, dasar Inggeris yang syak terhadap kebangkitan rakyat pribumi menyebabkan penyertaan orang Melayu dalam gerakan-gerakan radikal tersebut tidak menyeluruh, dan oleh sebab itu tidak berkesan. Satu contoh yang baik ialah munculnya parti-parti politik radikal Melayu sendiri termasuk Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Parti-parti seperti ini gagal, pada dasarnya, bukanlah kerana kecondongan "kirinya" dan projeksi-projeksi organisasi politik tersebut mengenai *republicanism* yang ia wakili, akan tetapi yang lebih essensi ialah kegagalannya untuk mendapat sokongan rakyat terbanyak terhadap perjuangannya. Yang pokok dalam persoalan ini ialah faktor yang ada sangkut-paut dengan kepimpinan pertubuhan-pertubuhan politik seperti itu sendiri, iaitu sikapnya yang berubah-ubah terhadap kedudukan kaum imigran. Adalah menjadi kenyataan yang jelas bahawa beberapa buah parti politik Melayu yang radikal ketika itu pernah menyertai dan mewujudkan perikatan dengan parti-parti politik kaum imigran, sama ada yang dipimpin oleh orang-orang Cina yang mendapat didikan Inggeris mahu pun keturunan Serani. Adalah menjadi kenyataan juga bahawa parti-parti Melayu yang dianggap "kiri" ketika itu pernah mengambil bahagian dalam menjayakannya, walaupun sementara, rancangan Malayan Union. Sikap dan pendirian parti-parti tersebut sedikit-sebanyak telah menyebabkan massa rakyat terumbang-ambing, dan dalam keadaan seperti inilah Inggeris terus berjaya menakutkan orang Melayu dengan dasar-dasar *benevolent despotism*.

Dari satu segi, sikap olang-aling yang dilambangkan oleh setengah-setengah parti politik kiri Melayu tidak seharusnya wujud dalam sebuah masyarakat pra-merdeka di mana kedudukan kaum imigran belum lagi bertapak dengan kukuh sebagai satu kaum yang *legitimate*. Lainlah halnya jika keadaan masyarakat ketika itu sama

dengan keadaannya sesudah pengubalan Perlembagaan 1948. Bahawa adanya pendirian seperti itu di kalangan parti-parti politik kiri Melayu sekali lagi menunjukkan dengan nyata bagaimana pemimpin-pemimpinnya gagal untuk mewujudkan satu perspektif nasional yang berpengaruh dan *pervading* mengenai perjuangan gagasan politik mereka. Implikasi dari kegagalan ini sangat terang. Pertama, rata-rata pemimpin-pemimpin Melayu dalam politik kiri adalah dari kategori *mediocre*. Kedua, oleh kerana sifatnya yang "sederhana" dalam ertikata pemahaman politik, sebagaimana yang terbukti dari pendirian mereka terhadap Malayan Union, maka mereka tidak dapat mewujudkan satu *atmosphere* nasional dari dasar-dasar yang diperjuangkan, yang sekiranya mampu untuk menyaingi tuntutan-tuntutan dari tenaga-tenaga politik yang lain, seperti UMNO dan parti-parti politik bukan Melayu.

Suasana politik selepas perang di Tanah Melayu menunjukkan bahawa, dengan dasar-dasar Inggeris yang pro-urban itu, kaum imigran telah berjaya menonjolkan satu peranan yang rasaksa, walaupun *artificial*, seolah-olah mereka memperjuangkan tuntutan-tuntutan yang *legitimate*. Kaum imigran memajukan rancangan ini dengan dua strategi, yang tidak ada pada pimpinan parti politik kiri yang kita bincangkan di atas. Strategi pertama ialah dengan mewujudkan pimpinan-pimpinan daripada golongan yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kontak dan pemahaman yang baik mengenai pemikiran Inggeris yang ada kaitan dengan masa depan mereka (kaum imigran) di Tanah Melayu. Oleh itu tidak sukar bagi mereka menerapkan pengaruh di kalangan pentadbir-pentadbir Inggeris. Impak dari pengaruh mereka mudah di rasa oleh Inggeris walaupun dengan tekanan yang sangat minimum. Tetapi sebagaimana yang terbukti, kaum imigran tidak berjudi dengan masa depan mereka. Oleh sebab itu mereka menggunakan tekanan yang paling maksimum yang disokong oleh latar-belakang pendidikan yang baik. Strategi kedua ialah sensitiviti dan persepsi mereka yang tajam terhadap masalah-masalah yang ada sangkat-paut dengan survival mereka di Tanah Melayu. Kedua-dua strategi ini merupakan *ground work* yang berkesan sehingga apabila Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu selepas Perang, mereka dapati suasana yang timbul ialah satu tenaga politik kaum imigran yang dominan. Keyakinan Inggeris ini telah diperkokoh oleh adanya gerakan politik anti Jepun orang-orang Cina yang kemudian bergabung dalam Parti Komunis Malaya (PKM). Jadi suasana seperti itu, di mana

pemimpin-pemimpin Melayu dalam politik kiri gagal untuk mewujudkan suasana nasional yang berpengaruh, adalah mudah bagi Inggeris untuk memperakui peranan kaum imigran sebagai legitimate.

UMNO 1946-1957

UMNO muncul di tengah gelanggang politik tanah air lama sesudah parti-parti politik kiri Melayu mula-mula ditubuhkan di Tanah Melayu. Apabila ombak kedua nasionalisme Melayu mula mencari tapak baru dan mendapatkan kemerdekaan dari Inggeris sesudah gagal dengan Jepun, parti-parti politik kiri Melayu sedang menghadapi krisis identiti. Penyertaannya dalam beberapa front politik kiri kaum imigran dan pendiriannya yang tidak menyakinkan terhadap Malayan Union, menyebabkan satu dimensi lain muncul dalam perjuangan politik orang Melayu. Ini ialah kemunculan UMNO.

Sungguhpun pengharaman Inggeris ke atas parti-parti politik kiri boleh menjadi alasan yang munasabah kepada kelumpuhan setengah-setengah gerakan politik Melayu, namun yang menjadi pokok ialah kemampuan satu-satu pimpinan politik itu untuk meneruskan dan mengekalkan survival walaupun dalam keadaan-keadaan yang amat kritis. Bahawa parti-parti politik kiri Melayu gagal untuk berbuat demikian menunjukkan dengan jelas *qualitative nature* kepimpinan politik parti-parti berkenaan. Hal ini mengingatkan kita kepada dua strategi kepimpinan yang telah kita bincangkan di atas — iaitu soal-soal mengenai *mediocrity* dan sensitiviti dan persepsi dalam pimpinan politik kiri Melayu ketika itu. Secara tidak langsung pimpinan yang *mediocre* inilah yang mematangkan keadaan bagi kemunculan UMNO. Keuntungan pada UMNO pada masa itu bukan saja kerana pemimpin-pemimpinnya terdiri dari tokoh-tokoh yang berpendidikan yang lebih baik, yang mewarisi *world-view* yang berbeza dengan pemimpin-pemimpin lain dalam politik kiri tetapi juga, seperti pemimpin-pemimpin kaum imigran, mempunyai hubungan yang agak dekat dan rapat dengan kalangan birokrat Inggeris. Didikan dan hubungan ini telah menolong mewujudkan satu nilai yang tersendiri dalam pimpinan UMNO. Sungguhpun nilai dan persepsi pemimpin-pemimpin UMNO seharusnya berbeza dengan nilai dan persepsi pemimpin-pemimpin parti politik kiri Melayu terdahulunya, pemimpin-pemimpin UMNO telah berjaya mengekalkan hubungan dan mewujudkan dialog dengan

Inggeris sehingga rancangan Malayan Union terpaksa diganti dengan Perjanjian Persekutuan 1948. Pertanyaan yang menarik di sini ialah di sekitar sistem dan peraturan politik di Tanah Melayu sekiranya parti-parti politik kiri Melayu berjaya memainkan peranan yang dominan dan berjaya mewujudkan dialog yang berkesan dengan Inggeris bermula dalam tahun 1946 itu. UMNO mungkin tidak muncul dan peraturan politik juga mungkin tidak berdasarkan Perlembagaan 1948 dan Perlembagaan Merdeka. Kemungkinan-kemungkinan ini masih spekulatif sifatnya, tetapi ia tetap menyediakan satu platform yang amat baik untuk perbincangan mengenai nilai kepimpinan. Hal ini menjadi lebih nyata apabila kita memikirkan bahawa pada beberapa tempat dalam sejarah kepimpinan politik orang Melayu sebelum merdeka, pemimpin-pemimpin Melayu telah menyediakan asas-asas kepimpinan yang menolong membuka peluang kepada kontroversi di sekitar "jus soli", kuasa politik, peluang-peluang ekonomi, pelajaran dan sebagainya. Persoalan-persoalan ini tidak segera dipertikaikan tetapi tahun-tahun bermula dalam tahun 1969, orang Melayu mula mempersoalkan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin mereka membuat penentuan-penentuan mengenai masa depan mereka. Kesemua ini memberi alasan kepada orang Melayu pada masa ini dan akan datang untuk memeriksa semula dengan kritis tentang nilai-nilai kepimpinan dalam parti politik yang diberi kuasa untuk memerintah negara dan mendokong aspirasi rakyat. Pada akhir tahun 1960an tugas ini dilakukan dengan serious oleh Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad dan beberapa orang pemimpin muda yang mendapat kepercayaan Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Untuk kembali kepada peranan UMNO 10 tahun sebelum merdeka, kita telah menyaksikan bahawa kejayaan parti itu selepas 1946 lebih banyak bergantung kepada kemampuannya untuk menyaingi parti-parti politik kiri Melayu, terutama dalam ertikata kepimpinan, *flexibility*, superioriti keintelektualan, yang kesemuanya bertunjang pada latar-belakang pendidikan dan persepsi yang tajam terhadap tenaga-tenaga politik (political forces) yang timbul ketika itu. Akan tetapi dari segi yang lain, hal ini bukanlah bermakna superioriti pimpinan UMNO ketika itu benar untuk sepanjang masa dalam sejarah UMNO; ia hanya benar pada ketika itu dan apabila *juxtaposition* UMNO diletakkan seimbang dengan pimpinan parti-parti politik kiri Melayu yang lain. Kebenaran ini terbukti apabila tercetus peristiwa 1969. Lagi pun, kejayaan UMNO 10 tahun sebelum merdeka adalah

berdasarkan kepada kemampuan-kemampuannya yang terhad. Misalnya, sikap dan pendirian pemimpin-pemimpin UMNO dalam masalah-masalah yang ada hubungan dengan masa depan mereka lebih banyak dicorakkan oleh dasar-dasar Inggeris sendiri dalam hubungan antara pemerintah/penjajah dan massa rakyat atau pribumi. Oleh kerana politik di zaman penjajahan tidak terbuka kepada orang ramai, kecuali beberapa orang pemimpin pribumi yang "English-oriented", maka skop atau bidang penahaman terhadap apa juga tenaga-tenaga politik yang timbul tidak terkeluar daripada ruang yang telah sedia dipengaruhi oleh idea-idea Inggeris mengenai pemerintahan. Dato' Onn yang bertanggungjawab menubuh dan memimpin UMNO juga tidak terkecuali dari terkurung dalam kaedah dan *approach* Inggeris. Kegagalan pimpinan Dato' Onn dalam UMNO, kemudian I.M.P. dan akhirnya Parti Negara, menunjukkan dengan nyata bagaimana Inggeris berjaya menyuntik fikiran rakyat, sehingga pemimpin-pemimpin Melayu terpaksa mengalami beberapa *experiment* yang gagal. Cadangan Dato Onn, misalnya, untuk membuka UMNO kepada orang-orang bukan Melayu adalah refleksi dari hasrat Inggeris sendiri yang merancang untuk memberi tempat yang legitimate kepada kaum imigran.

Sungguhpun Inggeris gagal untuk mempengaruhi masyarakat Melayu dengan rancangan mereka mengenai pembinaan awal pemerintahan, pentadbir-pentadbir Inggeris berjaya merealisasikan rancangan mereka dalam bentuk yang lain, iaitu dengan menggalakkan penubuhan Perikatan, UMNO - MCA, yang kemudian diperkembangkan untuk mencakup MIC dalam *tripartite coalition*. Kejayaan Inggeris ini hanya menandakan titik-titik awal kegagalan orang Melayu dalam menentukan masa depan mereka yang lebih terjamin dan bebas dari cabaran-cabaran perkauman. Kepada kita, apa yang lebih penting dari perkembangan awal percubaan pemimpin-pemimpin UMNO untuk membentuk sebuah kerajaan sendiri ialah kegagalannya untuk memecah tembok *public apathy* dan *social contentment* di kalangan rakyat. Sehingga di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman pun, tradisi *non-mobilisation* orang-orang Melayu mengenai soal-soal untuk memberi hak dan kedudukan *constitutional* yang *legitimate* kepada kaum imigran terus dilanjutkan. Bahawa orang Melayu rata-rata bersetuju dengan pimpinan-pimpinan mereka membuktikan dengan terang paras masyarakat yang sampai kepada mereka mengenai *racial contract* yang diwujudkan antara Melayu dengan bukan Melayu. Ia juga menunjukkan bahawa maklumat mengenai perkongsian ras yang sampai

kepada orang-orang Melayu adalah bersifat *artificial* dan tidak berkemampuan untuk bertahan lebih lama. Pengalaman-pengalaman sengketa perkauman di negara ini condong untuk menyokong hujjah-hujjah tersebut. G. P. Means misalnya menyetujui dengan "*non-synchronous mobilisation of public for political action*" sebagai punca besar kepada ketegangan politik. Ini bermakna apa juga maklumat dan "*approach*" mengenai tindakan politik yang diperkongsikan di kalangan pemimpin tidak semestinya diperkongsikan pula dengan dan di kalangan rakyat jelata. Di sinilah bermulanya bibit-bibit kritis dalam pimpinan politik UMNO dalam tahun 1969.

TAHUN 1946: TAHAP GENTING DALAM SEJARAH ORANG MELAYU

Selalunya apabila timbul sengketa dalam parti maka anggota-anggota parti diingatkan supaya mengembalikan semangat tahun 1946, di mana hampir seluruh orang Melayu dalam pertubuhan-pertubuhan kedaerahan buat pertama kalinya bergabung untuk menubuhkan UMNO dan menentang rancangan Malayan Union. Yang sebenarnya, tahun 1946 yang kita pahatkan dalam sejarah UMNO sebagai titik-tolak cita-cita kemerdekaan dan yang signifikannya selalu dikaitkan dengan Malayan Union itu, adalah tahap yang amat genting dan kritis dalam sejarah orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Terdapat satu interpretasi yang sangat penting dan kemudian menjadi asas dalam nilai kepimpinan negara 10 tahun sebelum merdeka dan tahun-tahun sesudahnya. Interpretasi tersebut ialah anggapan pentadbir-pentadbir Inggeris bahawa golongan kiri Cina merupakan tenaga politik yang paling dominan selepas perang. Keyakinan ini diperkokohkan dengan adanya perkembangan di kalangan masyarakat bukan Melayu yang berpendidikan tinggi, yang menjurus ke arah kegiatan-kegiatan untuk mendapatkan kemerdekaan Malaya. Maka apabila Inggeris menubuhkan Malayan Union, andaian mereka ialah golongan-golongan tersebut merupakan sektor politik yang paling berpengaruh sekali di Tanah Melayu. G.P. Means ada menyebut:

Thus, the 1946 proposals for the Malayan Union Constitution were based on the implicit assumption that the left wing Chinese and western-educated non-Malay elites would be the dominant forces in Malayan politics for many years.

Sikap dan pendirian penjajah Inggeris tersebut menimbulkan dua macam implikasi. Pertama, oleh sebab-sebab tertentu Inggeris enggan mengiktiraf hak orang Melayu di tanah air mereka sendiri. Kedua, sama ada mereka tidak memahami atau sengaja tidak mahu memahami peranan pertubuhan-pertubuhan sosial, islah dan politik orang-orang Melayu sejak tahun-tahun 1920an di Tanah Melayu untuk dijadikan asas *legitimacy* bagi penubuhan kerajaan Melayu di Tanah Melayu. Bagi implikasi kedua itu adalah mustahil bagi Inggeris untuk tidak mengakui penubuhan kerajaan Melayu oleh orang-orang Melayu tanpa perkongsian dengan kaum imigran, kerana British Intelligence memainkan peranan yang besar sejak awal kurun ke 20 di Tanah Melayu untuk mendapatkan segala maklumat bagi mengesahkan penubuhan kerajaan pribumi yang sah. Dan bahawa Inggeris memaksakan *approach "inter-racial"* sebagai asas penubuhan kerajaan di Tanah Melayu bukan saja kesilapan penjajah itu, akan tetapi juga, sebagaimana yang telah disebut di atas, kesilapan pemimpin-pemimpin Melayu sendiri - politik kiri Melayu dan pemimpin-pemimpin awal UMNO. Walau bagaimanapun, adalah mustahak kita membuat kesimpulan di peringkat ini bahawa asas-asas pemerintahan dan penyertaan politik dan kaum-kaum di negara ini yang dibina oleh Inggeris adalah kabur dan menyeleweng. Perkembangan di sekitar tahun 1946 itu dan kemudian tahun-tahun menjelang merdeka, telah menyebabkan orang Melayu menghadapi keadaan yang sulit untuk mendapatkan hak mereka yang *legitimate*, seperti *prerogative* untuk menubuh dan tidak menubuh universiti dengan tidak menghadapi sebarang tekanan dan cabaran; untuk menambah bilangan pelajar-pelajar Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi dan universiti-universiti; untuk melaksanakan peraturan-peraturan moral dan budaya dengan tidak melibatkan kepentingan-kepentingan kaum-kaum lain; untuk mewujudkan nilai-nilai keIslaman di semua peringkat pimpinan negara dan dalam segenap sektor kehidupan sosial dan politik; untuk menyertai dalam kegiatan ekonomi negara dengan tidak menyentuh sensitiviti kaum-kaum lain dan sebagainya.

Anggapan Inggeris bahawa politik orang Cina merupakan kuasa yang lebih dominan di Tanah Melayu jika dibandingkan dengan tenaga politik orang Melayu yang mempunyai sejarah anti Inggeris yang lama itu, memberi satu lagi implikasi iaitu adalah merbahaya bagi negara ini untuk terus membenarkan parti-parti politik tertentu Cina menyuarakan tuntutan-tuntutan perkauman, walaupun tuntutan-tuntutan tersebut bersifat simbol atau (*gesture*) semata-mata. Alasan kita ialah jika keadaan ini terus dilanjutkan, maka tidak dapat tidak satu situasi akan timbul di mana segala tuntutan-tuntutan berkenaan dianggap *legitimate* dan golongan-golongan yang menyuarakannya dianggap golongan yang dominan dan mempunyai potensi yang besar untuk memimpin negara dan rakyat dalam membuat keputusan-keputusan yang *vital*. Dalam keadaan di mana pemimpin-pemimpin Melayu sedang melalui proses untuk melahirkan satu *nucleus* pemimpin yang berkalibar, untuk diseimbangkan dengan kaliber pemimpin-pemimpin Cina dan pemimpin-pemimpin di negara-negara jiran dan serantau, adalah mustahak negara tidak terus membenarkan penyiaran maklumat yang *artificial* di kalangan rakyat. Sejarah 1946 telah membuktikan bahawa penyiaran maklumat yang *artificial* mengenai pemimpin negara selama 10 tahun sebelum Merdeka, telah menyebabkan kita terpaksa berada dalam keadaan politik yang sulit dan sentiasa tegang.

PENYERTAAN POLITIK DAN TANGGUNGJAWAB PIMPINAN

Sungguhpun sebahagian besar orang Melayu telah terlibat secara langsung untuk menumbangkan Malayan Union, dalam tahun-tahun menjelang merdeka penyertaan orang Melayu dalam menentukan apa yang telah ditentukan oleh Penjajahan 1948 dan persetujuan-persetujuan Perlembagaan Merdeka, menunjukkan bahawa orang-orang Melayu dalam UMNO misalnya diminta meyakinkan diri terhadap kemenangan pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur tahun 1952. Apa yang terlibat dalam pilihanraya tersebut ialah penubuhan gabungan UMNO-MCA untuk menentang parti-parti pembangkang. Kemenangan UMNO-MCA dalam pilihanraya tersebut dijadikan alasan dan asas oleh pemimpin-pemimpin UMNO ketika itu untuk meneruskan

peraturan dan kontrak komunal tersebut dalam perkembangan seterusnya, dan oleh sebab itu usaha-usaha untuk memperkokohkan Penjajahan 1948 dan penubuhan Perlembagaan Merdeka dengan sendirinya menafikan penyertaan orang-orang Melayu terbanyak dalam penubuhan kerajaan. Keinginan untuk merdeka, walaupun dengan terpaksa memberi beberapa konsesi penting kepada orang bukan Melayu, menjadi perhatian dan tumpuan utama pemimpin-pemimpin UMNO. Ketiadaan penyertaan orang Melayu secara berkesan dalam menentukan survival politik mereka ketika itu menimbulkan satu keadaan *non-synchronous*, yakni ketiadaan kata sepakat mengenai filosofi kepimpinan. Sungguhpun Dato' Onn Jaafar berusaha memainkan peranan yang berkesan menerusi IMPnya, beberapa masalah lain seperti kebimbangan Raja-Raja Melayu terhadap kedudukan mereka dan tuntutan Perikatan, terutama sekali orang-orang Cina, telah mengkabur, jika tidak memesongkan sama sekali, isu-isu mengenai kedudukan orang Melayu di negara mereka.

Walaupun bagaimanapun, bermula dalam tahun 1963, iaitu penubuhan Malaysia, perasaan tidak puas hati orang Melayu terhadap kedudukan mereka telah merebak. Pemimpin-pemimpin Cina di Singapura banyak memainkan peranan dalam provokasi-provokasi mereka terhadap kedudukan orang Melayu dan masa depan politik mereka. Keadaan ini berterusan sehingga tahun 1969.

Pengunduran Tunku Abdul Rahman dari gelanggang politik dalam tahun 1970 menandakan bahawa nilai-nilai 1950an dalam pimpinan politik orang Melayu ditamatkan. Ia juga bermakna pada umumnya orang Melayu menyingkir kaedah-kaedah yang "tertutup" atau tidak berterus-terang berhubung dengan masalah dan survival mereka. Satu perkara yang jelas dari kecondongan ini ialah tuntutan orang Melayu supaya penyertaan dan mobilisasi mereka haruslah menyeluruh dalam soal-soal bagi menentukan haluan dan destini rakyat dan negara. Sungguhpun pemimpin-pemimpin diberi tanggungjawab memandu rakyat, sebelum 1969 ia menunjukkan tanggungjawab tersebut tidak seimbang dengan hasrat rakyat yang dipimpin. Pimpinannya yang *mediocre*, tidak serious, *nonchalant* dan sebagainya menyebabkan rata-rata orang Melayu berfikir masa depan mereka terancam. Pimpinan politik orang-orang Melayu sebelum 1969 juga menunjukkan ia mempunyai tendensi untuk menegur dan menyindirkan pemimpin-pemimpin yang dianggap mewakili hasrat yang radikal, walaupun hasrat itu untuk tujuan-tujuan

kemajuan rakyat di kawasan luar bandar dan untuk mewujudkan perimbangan dalam pimpinan negara. Tugas yang hendak diambil-alih oleh orang-orang Melayu selepas 1969 ialah yang menyedari bahawa dalam politik demokrasi konsensus, pemimpin-pemimpin induk tidak mempunyai peluang yang lebih banyak dari ahli-ahli parti untuk menegur keputusan-keputusan yang pemimpin-pemimpin itu sendiri tidak persetujuan. Pemimpin-pemimpin induk mempunyai kedudukan yang menafikan mereka hak untuk mengkritik keputusan-keputusan yang dibuat oleh badan-badan yang mereka pertanggung-jawabkan sendiri dalam sistem konsensus. Sungguhpun pemimpin-pemimpin Melayu di puncak kuasa tidak mengisytiharkan tanggung-jawab yang dimaksudkan itu sebagai satu dasar atau amalan yang digalakkan, heberapa kes yang telah lalu menunjukkan bahawa Menteri-menteri kerajaan dan pemimpin-pemimpin parti yang undur dan diundur dari *establishment* mempunyai pandangan yang berbeza dari jika mereka berada dalam kerajaan dan parti. Pada umumnya, pandangan-pandangan mereka yang disuarakan di luar kerajaan dan parti adalah selari dengan aspirasi rakyat dan mudah diterima oleh ahli-ahli parti. Ini bermakna amalan lama dan kecondongan setengah-setengah pemimpin untuk membuat keputusan-keputusan dalam kamar pejabat mengikut *instinct* dan kuasa yang ada pada mereka, harus memperhitungkan kesan jangka panjang ke atas masyarakat dan jenerasi akan datang. Ada masanya pragmatisme tidak boleh dipakai dalam semua situasi, keadaan dan masa. Tidak kurang pentingnya ialah ukuran *qualitative* di mana pertubuhan-pertubuhan politik di peringkat bawah akan dapat mewujudkan satu nilai kepimpinan yang progresif. Apa yang perlu terlibat dalam usaha ini ialah kesanggupan seluruh ahli-ahli untuk menerima cerdik pandai dalam struktur parti. Tanpa golongan cerdik pandai adalah sulit bagi mana-mana juga parti politik untuk memainkan peranan memandu dan menegur pemimpin induk secara konstruktif. Demikian juga, tanpa *intellectualism* dalam pimpinan peringkat bawah, komunikasi dan dialog yang hendak diwujudkan dengan pimpinan induk tidak bermakna. Pada masa-masa yang lalu, kecondongan dalam organisasi-organisasi parti di peringkat bawah ialah untuk mengekalkan *incompetency* dalam pentadbiran parti, yakni kehadiran satu sikap untuk menafikan penyertaan cendekiawan dengan alasan-alasan yang bersifat *parochial*. Keadaan ini menyebabkan timbul kegiatan untuk membina pemimpin-pemimpin yang tidak *instrumental* kepada kemajuan organisasi parti dan rakyat dan yang condong untuk

menggunakan parti dan kedudukan sebagai platform untuk memperkokohkan kedudukan. Oleh itu nilai-nilai yang mereka wujudkan dalam situasi sosio-politik seperti itu ialah yang bersifat lokal dan *peripheral*. Yang demikian *infusion* dalam organisasi nasional parti dalam ertikata penyatuan nilai-nilai yang konstruktif-progresif lambat dan tersekat.

Penekanan kita terhadap perlunya organisasi parti memikir dan menerima calon-calon pemimpin yang baik dan bukan mengikut ukuran-ukuran *personal*, seperti kaya, pandai membaca kitab, boleh menjadi Imam, anak kampung jati, orang tempatan, anak-anak Datuk dan Tan Sri, dan sebagainya, adalah berdasarkan kepada perubahan dalam parti-parti politik bukan Melayu dalam negeri dan dalam kerajaan negara-negara jiran. Di negara ini, konfrontasi politik antara satu kaum dengan satu kaum yang lain tidak dapat dielak dan harus dijadikan realiti yang kita tidak boleh berpura-pura akan potensinya. Setiap isu yang ditimbulkan oleh satu kaum memberi kesan untuk menyebabkan satu kaum yang lain menyahut dengan lebih lantang. Dengan "tindakbalas berantai" ("chain reactions") ini adalah sukar bagi apa jua persefahaman yang telah wujud untuk kekal lebih lama. Emosi politik atau *political passions* mudah dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin yang menggunakan satu-satu isu untuk berjihad dan mempertahankan kaumnya. Kita mengakui beberapa sifat atau ukuran yang disebutkan di atas itu perlu untuk seseorang aktivis politik, lebih-lebih lagi untuk menjadi pemimpin Cawangan dan Bahagian. Akan tetapi di negara kita sekarang kecerdasan otak memberi jaminan yang lebih kuat untuk menyelamatkan bangsa dari dipemainkan oleh pemimpin-pemimpin kaum bukan Melayu yang berpendidikan tinggi. Kita telah menyaksikan dalam zaman sekitar tahun 1946 bagaimana pemimpin-pemimpin politik kiri Melayu dikalahkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dalam pertarungan merebut kuasa. Kemudian, bagaimana di sekitar tahun-tahun menjelang 1950an dan menjelang merdeka pemimpin-pemimpin UMNO pula menjadi mangsa permainan politik bangsa-bangsa yang lebih maju dan cerdas. Kita amat beruntung kerana apabila pemimpin-pemimpin yang mengisytiharkan kemerdekaan itu sekali lagi hampir-hampir hilang perhitungan dalam tahun 1969, beberapa orang pemimpin muda yang lebih cergas telah tampil dengan penyelesaian-penyelesaian baru.

PERPECAHAN DALAM ELIT POLITIK

Maklumat-maklumat yang tidak tepat, sama seperti maklumat yang kurang sempurna, yang tersibar lama dalam satu-satu masyarakat boleh menyebabkan timbulnya cara-cara penyelesaian yang tidak tepat dan tidak lengkap. Keadaan boleh menjadi lebih merbahaya jika penyibaran maklumat seperti itu memungkinkan timbulnya golongan-golongan yang bertentangan dalam elit politik. Dalam tangan pemimpin-pemimpin yang tidak serious, yang *apathetic*, yang tidak mempunyai *vision* tertentu terhadap bangsanya, politik menjadi tumpuan penyibaran maklumat-maklumat yang tidak lengkap dan tidak tepat. Sikap pemimpin-pemimpin seperti itu boleh dijangka kerana kecondongan mereka ialah untuk mengelak dari menghadapi kenyataan-kenyataan yang mungkin diperjuangkan oleh golongan-golongan lain dalam kalangan elit politik tersebut. Akan tetapi keadaan ini lambat-laun akan menolong menimbulkan dua golongan yang bertentangan. Golongan pertama ialah yang menguasai kuasa politik yang dianggap tidak berjaya atau gagal untuk mengemukakan penyelesaian-penyelesaian yang *vital* kepada kaumnya. Oleh kerana nilai pentadbiran politik dan pandangannya terhadap satu-satu masalah itu demikian rupa, maka golongan ini memainkan peranan untuk mempertahankan kedudukan mereka dan mengekalkan satu-satu imej tertentu yang ada pada mereka lebih dari peranan untuk memperakui dan menyelesaikan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh kaumnya. Dalam tahun 1960an sikap seperti ini telah menolong mewujudkan golongan kedua, iaitu pemimpin-pemimpin baris belakang yang pada masa itu dikenali dengan gelaran "ultra". Di samping pendidikan mereka yang baik dan merapatkan hubungan dengan masalah-masalah rakyat, golongan kedua ini mewarisi satu sikap yang kritis akibat dari gelodak yang timbul dari berbagai-bagai isu yang disuburkan oleh pemimpin politik yang *nonchalant* dan *apathetic*. Sebagai spektator dan aktivis politik, golongan kedua dapat melihat sendiri masalah-masalah yang timbul dalam perspektif yang lebih baik dan tidak hanya terhad kepada *sanctum* kontrak komunal yang *rigid*, *stereotype* dan *artificial*. Oleh itu *vision* mereka terhadap beberapa masalah penyelesaian juga memerlukan pendekatan yang realistik dan yang berdasarkan kepada bukan saja *indigenous rights* atau hak pribumi tetapi juga *common sense* dalam pembahagian kuasa politik.

Sungguhpun pada peringkat awal kemunculan golongan ini tidak direstui dan malah dihalang oleh pimpinan-pimpinan induk, pada awal tahun 1970an mereka mula diterima menduduki tempat-tempat penting dalam parti dan kerajaan. Terdapat satu perkembangan penting dalam UMNO ketika itu yang menyebabkan kemunculan golongan ini tidak mendapat sambutan baik pada awalnya. Sungguhpun beberapa orang pemimpin induk parti mengakui dengan insaf keadaan-keadaan yang berlaku 10 tahun sebelumnya yang menjadi sasaran golongan kedua itu, mereka telah diikat oleh pangkat, taraf dan kedudukan yang diperolehi menerusi parti untuk menyatakan sesuatu sokongan kepada golongan kedua. Dalam tahun-tahun 1960an, pangkat, taraf dan kedudukan tinggi dalam parti dan kerajaan adalah hasil sokongan mereka kepada pucuk pimpinan. Mereka sedar akibat menegur pimpinan induk. Apa lagi menyokong golongan kedua. Keengganan pemimpin-pemimpin induk untuk bercerai dengan kenikmatan pangkat dan kedudukan inilah yang menyebabkan sesuatu yang lebih hebat dari penggantungan Parlimen tidak berlaku. Dalam pada itupun, keretakan telah mula terlihat. Hal ini berlanjutan sehingga pertengahan tahun 1970an, yang oleh setengah-setengah golongan dianggap sebagai usaha-usaha untuk menyinkir pemimpin-pemimpin lama.

PENUTUP

Tempuh bermula dalam tahun 1969 itu menandakan satu proses penilaian semula nilai-nilai kepimpinan telah berlaku. Dan bermula pada awal tahun 1970an beberapa orang pemimpin muda yang lebih dekat dengan aspirasi rakyat dan pemimpin-pemimpin induk yang baru diterapkan dalam kerajaan. Sebagai satu fenomena baru dalam pimpinan UMNO, percubaan untuk menerapkan pimpinan politik yang lebih cergas tidak mudah dilakukan dengan licin; manifestasi nilai-nilai kepimpinan tahun 1950an masih teguh. Kegagalan untuk mewujudkan nilai-nilai baru dalam pimpinan UMNO adalah didorong oleh dua sebab. Pertama, maklumat-maklumat mengenai perlunya UMNO menerima pemimpin-pemimpin yang mempunyai paras pendidikan yang tinggi tidak tersibar luas. Ahli-ahli parti misalnya mendapati sukar untuk memahami kaitan antara pendidikan tinggi dan pimpinan politik dan negara yang kuat. Kedua, di kalangan pemimpin-

pemimpin kerajaan yang *mediocre* terdapat kebimbangan yang mereka akan kehilangan pengaruh dan kedudukan jika mereka terpaksa bersaing dengan tokoh-tokoh baru dan berpendidikan tinggi dalam partinya. Kedua-dua faktor ini telah menyebabkan wujudnya usaha yang ber-sungguh-sungguh di kalangan pemimpin-pemimpin di peringkat bawah untuk memandang tokoh-tokoh baru dan berpendidikan tinggi itu sebagai ancaman kepada mereka jika tokoh-tokoh tersebut menyertai politik menerusi Cawangan dan Bahagian.

2

DASAR EKONOMI BARU: BEBERAPA MASALAH POLITIK DAN PENYELESAIAN

Pengenalan:

Tidak siapa yang dapat menyangkal bahawa dasar-dasar yang dibentuk dan dilaksanakan oleh Kerajaan yang dipimpin oleh UMNO dan orang-orang Melayu hari ini ialah manifestasi dari perjuangan orang Melayu yang berusia lebih dari seratus tahun. Malahan negara ini telah mengalami perubahan yang amat pesat sejak lebih dari 150 tahun yang lalu.¹ Oleh sebab itu, percubaan untuk menggunakan tahun 1874 sebagai titik-tolak penting dalam menggarap dan menganalisa perkembangan masyarakat Melayu dianggap terkemudian, dan oleh kerana itu tidak mungkin memuaskan jika satu latar-belakang yang cukup *representative* mahu diwujudkan dari perkembangan masyarakat tersebut.² Kajian sarjana menunjukkan bahawa beberapa lama sebelum pengkaji-pengkaji memulakan kajian ke atas masyarakat Melayu orang Melayu sudah sekian lama menyedari nasib mereka apabila memikirkan keadaan mereka di tanah air mereka yang dijajah.³ Menurut Profesor Khoo Kay Kim:

1 Khoo Kay Kim, "Malay Society, 1874-1920s," *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. V, No. 2, September 1974, h. 180.

2 *Ibid.*, h. 179.

3 *Ibid.*, h. 181.

*Hitherto, historians have also depended heavily on official records and these usually contain few details on the lives of the common people. Government officials have always been more concerned with revenue and expenditure, hence with administrative performance and economic growth. Economic development in the Malay society was unimpressive. There was also no major political unrest apart from the rather isolated attempts of orang besar to resist the encroaches of the British administration. The result was that seldom did the need arise for the officials to write lengthy reports and memoranda on the Malays as they so often had to do for the Chinese and Indians whose activities were of such singular importance to the development of the country's capitalist economy.*⁴

Orang Melayu juga telah mempunyai kepakaran berniaga yang lama⁵, berbeza dengan apa yang dikatakan bahawa *the expressed aim to attain advancement in entrepreneurship is therefore not culturally motivated but is seen in the context of possible political implications that may affect adversely their status and identity*.⁶ Jika dakwaan bahawa dalam kebudayaan Melayu itu tidak ada unsur-unsur penggalak kemajuan ekonomi dan hal ini dikaitkan pula dengan peranan parti-parti pembangkang Cina dalam negeri ini hari ini, maka tidaklah hairan mengapa pemimpin-pemimpin dalam parti pembangkang Cina itu seringkali bersuara lantang dan menuduh kerajaan yang dipimpin

4 *Ibid.*

5 Lihat sebagai contoh Syed Hussein Alatas, *The Myth of the Lazy Native*, Frank Cass, London, 1977.

6 Tham Seong Chee, *Malays and Modernization*, Singapore University Press, 1977. Buku ini dengan bangganya menyebut tulisan Zainal Abidin bin Ahmad (ZAABA) dalam Al-Okhwan, 16 Mei 1927, demikian: "Negeri ini sungguhpun negeri Melayu dan bumiputeranya yang jati orang Melayu, tetapi didiami oleh berjenis-jenis bangsa yang telah menolong benar pada membukakannya dan menjadikan kemakmurannya, dan segala hasil-hasil yang dipungut padanya itu bukanlah sekali-kali daripada titik peluh orang Melayu sahaja, tetapi bersama-samalah juga daripada titik peluh orang-orang bangsa lain yang telah meramaikan negeri ini dan mengeluarkan kekayaannya", sebagai pembuka kepada buku tersebut.

oleh orang-orang Melayu itu sebagai "pilih kasih", "tidak adil", "memeras", "perasuah", "tidak efisien", "authoritarian", "diskriminasi" dan sebagainya.⁷ Yang sebenarnya gambaran-gambaran seperti inilah, iaitu yang "mencontengkan arang" ke muka orang-orang Melayu, yang menyebabkan pemimpin-pemimpin masyarakat bukan Melayu memandang serong dan dengan perasaan dan sikap yang curiga kepada langkah-langkah yang bertujuan untuk memperbaiki nasib orang-orang Melayu dalam negara mereka sendiri. Seperti kata Profesor Koo Kay Kim:

So much was taken for granted that impressions were mistaken for facts, hence the general belief that the Malays were a contented people and satisfied with British rule. When opposition erupted against the Malayan Union Scheme in 1946, there was a widespread expression of surprise and scholars themselves hastily looked to the Japanese Occupation for an explanation of the phenomenon.⁸

Dalam sejarah negara peristiwa penentangan orang Melayu terhadap Rancangan Malayan Union adalah satu kejadian krisis perlembagaan yang amat besar ertinya sebelum merdeka, walaupun tidak dengan pertumpahan darah. Tetapi dalam tahun 1969 peristiwa yang hampir serupa meletus, dan kali ini, oleh kerana orang Melayu dianggap berpuashati dengan baltasa, agama, kebudayaan dan kuasa politik semata-mata, ia memakan korban nyawa yang tidak sedikit. Tulisan ini akan mencuba untuk mengkaji semula persoalan-persoalan yang melibatkan bukan saja pertentangan nilai antara Melayu dan Cina, akan tetapi kedegilan golongan-golongan cauvinis yang enggan mengiktiraf cita-cita serta perjuangan orang Melayu. Sungguhpun kerajaan yang dipimpin oleh UMNO dan orang-orang Melayu telah berjaya "menjinakkan" penentangan atau *cultural protest* golongan-golongan bukan Melayu dengan membenarkan mereka menyertai kerajaan (Barisan Nasional) selepas 10 tahun sesudah peristiwa 13 Mei 1969 golongan-

7 Contohnye lihat Lim Kit Siang, *Time Booms in Malaysia*, Democratic Action Party, 1978.

8 Khoo Kay Kim, *Op. cit.*, h. 181.

golongan yang lebih radikal dan chauvinis mula mengembalikan semula ketajaman perbincangan yang melibatkan usaha-usaha kerajaan untuk menumpukan penentangan orang Melayu menerusi Dasar Ekonomi Baru.

INTEGRASI RAS:

Masalah yang dihadapi oleh negara bukan saja banyak tetapi berbelit-belit. Negara mungkin menghadapi masalah ekonomi, sosial dan politik, tetapi yang menjalinkan ini semua ialah keturunan ras. Keturunan ras atau kaum adalah suatu tenaga yang amat "volatile" dan berpengaruh, yang boleh meledakkan sesuatu keadaan ketegangan dalam sekelip mata, tetapi sukar untuk tenaga itu mempengaruhi keadaan sekeliling supaya ia menjadi padu, teguh dan kuat tanpa melibatkan unsur-unsur yang *sacred* atau keramat seperti bahasa, agama dan kebudayaan satu-satu keturunan kaum. Orang Melayu tidak mungkin lagi sanggup menghulur walau seinci dari tapak politiknya jika pemberian ini harus pula bermakna ia melakukan satu 'gadaian' atau 'pajakan', sesudah mengalami kepedihan dan kepahitan dari kesalahan-kesalahan dan kecuaiannya perlembagaan tahun 1948 dan 1957. Pemberian kewarganegaraan kepada orang bukan Melayu dalam tahun 1948, misalnya, telah menyebabkan orang Melayu menghadapi tekanan politik, budaya dan ekonomi sepuluh tahun kemudian, iaitu sesudah merdeka. Kemudian dua puluh tahun sesudah merdeka, pada hari ini, orang Melayu terpaksa mempertahankan diri bermati-matian dan dengan kesulitan-kesulitan yang amat pahit dan siksa untuk mengesahkan (justify) bahawa Dasar Ekonomi Baru itu adalah suatu usaha yang *legitimate*, yang sah dan *legal* dari kacamata politik dan "humanity" dalam usaha untuk memperbaiki nasib mereka di tanah air mereka sendiri. Kesalahan sesaat yang berlaku dalam tahun 1948 kini terpaksa ditanggung oleh orang Melayu keturunan demi keturunan. Parti-parti pembangkang Cina dan malah beberapa buah parti Cina dalam kerajaan sendiri bukan saja mulai lupa terhadap peraturan (arrangements) yang diasaskan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), sebaliknya mereka mula mencabar semula peraturan-peraturan itu dan hakikat yang meledakkan perasaan ketegangan kaum tahun 1969. Bahawa ketegangan ini mula menunjukkan semua imejnya yang merbahaya diakui sendiri oleh Dr. Goh Cheng Teik, seorang Timbalan Menteri dalam kerajaan:

.....It is sad and disturbing to realise that the spectre of minority nationalism seems to be haunting the Malaysian people again. A few party politicians today are trying to nullify the gains made in the last two decades of independence by urging the Malaysian Chinese to unite on a blatantly communal basis and to fight for narrow, racial rights. Perhaps they are merely reacting to the existence of Malay nationalism. Whatever it is, a return to Chinese minority nationalism is definitely not the answer.⁹

Langkah-langkah yang terbaru untuk menafikan hak-hak yang sah bagi orang Melayu dalam bidang politik dan ekonomi ialah kritik-kritik yang tajam terhadap Dasar Ekonomi Baru yang dianggap oleh penentang-penentang tersebut sebagai "pro Melayu" dan "anti Cina", iaitu dengan tujuan dan niat untuk mengapi-apikan masyarakat Cina, di samping untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa terhadap "dasar diskriminasi" kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu di Malaysia. Gerakan ini ternyata telah lalai terhadap realiti sejarah dan hubungan kaum di negara ini. Ia mengingkari perjanjian yang telah membenarkan golongan-golongan tersebut menjadi warganegara. Golongan-golongan ini seolah-olah menafikan realiti politik dalam negara yang menyetujui bahawa:

*If a lasting peace between the main communities was to be preserved, the standard of living of the Malays would have to be raised to a level where they no longer found themselves in a position inferior to that of the Chinese and Indians, either socially or financially.*¹⁰

Persetujuan untuk menaikkan taraf hidup orang Melayu diakui dalam tahun 1969, kerana dasar yang memberi keutamaan kepada orang Melayu adalah selaras dengan semangat perlembagaan negara dan

9 Goh Cheng Teik, *Integration in a Plural Society - The Chinese in Malaysia*, printed by The Straits Echo Press (1951) Sdn. Bhd., 1978, h. 2-3.

10 William Shaw, *Tun Razak: His Life and Times*, Longman Malaysia, Kuala Lumpur, 1976, h. 233.

melengkapi usaha-usaha untuk mengiktiraf kemunduran orang Melayu yang dipaksakan oleh sejarah dan bangsa-bangsa penjajah. *The policy of preference*, menurut Goh Cheng Teik, *which has now been given a structured expression in the form of the New Economic Policy, does not aim at racial domination or supremacy. It merely seeks to overcome the historical backwardness of the Malay race and to lift them to a level which will be able – without further handicap – to compete equally with the immigrant races.*¹¹ Selepas 10 tahun sejak 1969, perkembangan-perkembangan menunjukkan bahawa golongan-golongan radikal Cina yang tidak menyertai MAGERAN telah berusaha meluputkan ingatan orang Cina, terutama jenerasi baru, terhadap peristiwa yang menuntut pemimpin-pemimpin Melayu mengkaji semula kedudukan mereka dalam negara. *Kecondongan golongan tersebut ialah supaya muncul satu golongan orang Cina atau masyarakat bukan Melayu muda yang terus mempersoalkan kesamarataan yang konon tidak diperjuangkan oleh orang Melayu. Mereka juga mempersoalkan bagi pihak jenerasi baru orang Cina sistem politik yang kononnya tidak demokratik dan korap serta condong kepada orang-orang Melayu sahaja.*

Selama ini tanggungjawab integrasi ras dipaksakan ke atas masyarakat Melayu dan kerenggangan yang wujud dikatakan refleksi dari kegagalan pemimpin-pemimpin Melayu untuk mewujudkan persefahaman dan persamaan hak di kalangan kaum. *Parti yang memerintah dikatakan mendokong dasar "pilih bulu" dan melayan hanya orang-orang Melayu, walaupun pengkritik-pengkritik perkauman itu sedar bahawa sesudah 22 tahun merdeka orang Melayu tetap juga berusaha untuk menghambat kelajuan masyarakat Cina mengumpul harta dan negara dan kemudian menibarkan kekayaan tersebut untuk kepentingan kebudayaan Cina. Pada masa-masa yang lalu jalan penyelesaian terhadap masalah perkauman dilihat dari "approach" sehalu dan adalah lazim orang-orang Melayu, terutama dalam UMNO, dibebankan dengan tanggungjawab mencari jalan merombak kekusutan, sementara kaum-kaum lain bukan sahaja menunggu dengan penuh selesa di hujung terowong untuk menerima faedah, tetapi mendapat imej sebagai golongan yang kena "bully". Yang sebenarnya orang Melayu terus-menerus menerima "bala" sebagai "golongan yang menindas", walau-*

11 Goh Cheng Teik, *Op. cit.*, h. 32.

pun di atas kesilapan-kesilapan yang mereka tidak lakukan dan walaupun nikmat keuntungan orang lain yang menerima. Angka-angka mengenai kedudukan pelajaran orang Melayu, taraf ekonomi dan kepakaran dengan sangat jelas menunjukkan bahawa orang Melayu menghadapi masa depan yang tidak lurus. Tetapi apabila keadaan-keadaan ini hendak diperbetulkan orang Melayu terus diberi label "menindas", "tidak sama rata" dan sebagainya. Dalam tahun 1969 apabila berlaku ketegangan kaum UMNO dirayu supaya bersifat lemah-lembut, lebih liberal dan lebih terbuka. Salah satu dari contoh ini berbunyi demikian:

Perhaps the most constructive approach for UMNO as the leader of the Alliance to adopt is to democratize the Alliance Party and its components and to permit grievances, complaints, ideas and talents from the lower and middle layers to move up to the top. In this way, the process of open-ended reassessment is started. The party leaders themselves become objects as well as subjects of this general re-examination. The end result may be the regeneration of the Alliance - although it could also be its further stagnation and decay.¹²

Dalam sejarah pakatan antara kaum di negara ini taktik ini telah acap-kali memerangkap orang Melayu. Dalam tahun 1948 dan 1957 orang Melayu telah menyerahkan hak kewarganegaraan dengan janji mereka akan menguasai hak politik yang lebih besar. "Pertukaran" ini memaksa orang Melayu secara psikologis supaya menerima hak politik orang Cina di negara ini secara *fait accompli*. Dengan lain-lain perkataan, orang Melayu terpaksa berkorban dengan menyerah kuasa politik mereka dalam bentuk pemberian kewarganegaraan kepada orang Cina, padahal yang sebenarnya orang Melayu tidak diberi sebarang apa pun jua sebagai 'barangan' yang ditukar atau 'ganti-rugi'. Dalam bahasa yang terus-terang, orang Melayu memberi kuasa politik percuma kepada orang Cina. Perbalahan mengenai kerusi kepada MCA dalam

12 Goh Cheng Teik, *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, h. 44-5.

tahun 1959 juga satu contoh.¹³ Demikian juga dengan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman. Pada akhir-akhir ini golongan-golongan yang tidak berpuas hati dengan apa yang telah diberi oleh orang Melayu sejak tahun 1948, telah menggunakan dua isu baru. Pertama Universiti Merdeka dan kedua, Akta Penyelarasan Perindustrian. Golongan-golongan Cina yang radikal ini, terutama dalam pembangkang, semacam tidak sedar bahawa jika kerajaan terus mewujudkan Universiti Merdeka dan meniadakan Akta Penyelarasan, dasar-dasar kerajaan untuk mengikis saki-baki ketegangan kaum tahun 1969 itu hampir tidak berguna lagi. Malahan, di atas kesedaran wujudnya ketidak-samarataan pembahagian pendapatanlah, maka dalam tahun 1970 kerajaan mula memikirkan suatu dasar yang dijangka boleh menyelesaikan ketajaman perkauman dan masalah integrasi ras.

CINA DI BANDAR, MELAYU DI KAMPUNG

Sejak pertengahan tahun 1960an, pertambahan bilangan penduduk telah menyebabkan timbulnya masalah-masalah pengangguran yang semakin bertambah. Distribusi pendapatan yang berat sebelah di kalangan kaum-kaum dengan sendirinya mengwujudkan ketegangan sosial yang dijangka mempunyai potensi untuk menimbulkan halangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi dan kesetabilan.¹⁴ Secara purata, pada akhir tahun 1960an pendapatan keluarga Melayu adalah separuh lebih kecil daripada pendapatan keluarga bukan Melayu. Jika dibanding dengan selepas merdeka, di mana purata pendapatan keluarga Melayu ialah dua per tiga daripada pendapatan keluarga bukan Melayu, maka menjelang tahun 1970 pendapatan keluarga Melayu ternyata merosot.¹⁵ Perbezaan pendapatan ada hubungan dengan tempat tinggal mereka. Orang Melayu tinggal di desa-desa dan kawasan-

13 Lihat K.J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya*, University of Malaya, Press, Kuala Lumpur, repr. 1967.

14 Wolfgang Kasper, *Malaysia - A Study in Successful Economic Development*, Foreign Affairs Studies, American Enterprise, Institute for Public Policy Research, Washington, D.C., 1974, h. 2.

15 *Ibid.*, h. 42.

kawasan pendalaman, sementara orang Cina adalah peniaga-peniaga yang tinggal di bandar-bandar dan kota-kota. *Having immigrated as traders, labourers, miners, and cultivators under British rule, the Chinese now live in towns and dominate private business and industry.*¹⁶ Dari segi kedudukan ilmu alam negara ini, orang Cina dapat dilihat bersesak-sesak di negeri-negeri yang kaya di pantai barat semenanjung, sedangkan orang Melayu pula tinggal di Pantai Timur yang potensi pelaburannya kurang.¹⁷

Satu masalah yang ada kaitan dengan persamaan pendapatan ialah soal ketidak-samarataan distribusi kekayaan dan hak milik ke atas perusahaan moden. Angka-angka menunjukkan bahawa hak milik stok dalam koperasi-koperasi di Semenanjung dalam tahun 1970 ialah (a) 62 peratus kepunyaan syarikat-syarikat asing (b) 23 peratus dipunyai oleh orang Cina, dan (c) 1.2 peratus kepunyaan orang Melayu. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk orang Melayu sebanyak 55 peratus, maka ketidak-adilan pembahagian kekayaan boleh dilihat dengan lebih jelas lagi. Di negara ini orang Melayu bukan saja mempunyai jumlah penduduk yang ramai atau merupakan golongan majoriti (walaupun parti-parti pembangkang Cina terus-terus mengelak dari menyebut orang Melayu sebagai golongan majoriti), akan tetapi juga yang lebih penting mempunyai pengaruh yang besar dalam kerajaan dan menguasai kuasa politik. Oleh yang demikian, dilihat dari sudut mana sekalipun anjuran supaya orang Melayu bertanding dengan orang bukan Melayu dalam bidang-bidang ekonomi dan pelajaran menurut ukuran *equal terms* atau menurut *merit* sebenarnya bertentangan dengan kenyataan politik di negara ini. Jika peluang-peluang dalam bidang ekonomi dan pelajaran terus dibuka kepada kaum-kaum lain dengan tidak memperhitungkan kedudukan orang Melayu dalam bidang-bidang tersebut, maka tujuan untuk menyusun semula masyarakat dan mempersempitkan jurang perbezaan antara kaum bukan saja tidak akan tercapai, tetapi yang sebenarnya tindakan seperti itu tidak mempunyai tujuan yang dikatakan itu. Ini bermakna kita terus menggalakkan *status quo*. Inilah yang dikehendaki oleh parti-parti pembangkang Cina seperti DAP yang diperjuangkan sejak 12 tahun yang lalu.

16 *Ibid.*, h. 4.

17 *Ibid.*, h. 41.

Tujuan untuk mengurangkan paras kemiskinan atau menyamakan pendapatan orang Melayu dengan bukan Melayu tidak mudah dicapai. Ini ialah kerana kawasan-kawasan yang diduduki oleh orang Melayu tidak menggalakkan pelaburan secara besar-besaran. Oleh kerana bandar merupakan pusat kegiatan ekonomi dan nadi pelaburan negara maka satu cara untuk memberi peluang kepada orang Melayu meningkatkan paras pendapatan ialah menggalakkan mereka datang ke bandar-bandar. Memang diakui bahawa tidak semua orang Melayu boleh memutuskan hubungan dengan pertanian. Sementara keadaan seperti itu tidak baik kepada kerajaan. Dalam tahun 1971 kerajaan mula melaksanakan dasar untuk memperbaiki taraf hidup di luar bandar secara besar-besaran, iaitu dengan menyediakan kawasan-kawasan luar bandar dengan kemudahan-kemudahan yang serupa sebagaimana yang disediakan di bandar-bandar.

Di samping itu, rancangan pembangunan dan objektif untuk mengubah aktiviti ekonomi mengikut keturunan kaum akan melibatkan keperluan untuk mewujudkan satu masyarakat orang Melayu yang mahir dalam bidang perusahaan dan perindustrian dan setaraf dengan masyarakat-masyarakat yang sudah pun kuat bertapak dalam bidang tersebut. *Rangka penciptaan satu masyarakat orang Melayu seumpama ini haruslah bermakna bahawa rancangan-rancangan serta kaedah-kaedah untuk mengadakan pendidikan teknik dan latihan serta perusahaan, dilakukan di atas rangka bidang yang besar dan dengan keazaman yang kuat. Rancangan ini akan menyusun semula secara total struktur tradisi tenaga kerja negara supaya selari dengan keperluan-keperluan baru yang diwujudkan oleh rancangan-rancangan pembangunan.* Kesemua ini mempengaruhi kerajaan supaya mewujudkan undang-undang baru dengan tujuan untuk mewujudkan persamaan peluang, atau dengan mengadakan konsesi-konsesi yang istimewa, agar lebih ramai orang Melayu dapat diterapkan dalam sistem pembangunan yang sebelumnya menghad dan menafikan penyertaan mereka.

KETIDAKSAMAAN DAN Keadilan Sosial

Pertumpahan darah dalam tahun 1969 tidak syak lagi ialah pertanda perubahan harus dilakukan. Ketidaksamaan dan ketidakadilan sosial di kalangan dan di antara kaum memerlukan tenaga yang kuat dan kemahuan serta keazaman yang berani untuk menentukan bahawa *status quo* tidak berulang lagi. Dalam tahun 1957 dan sepuluh tahun kemudian hampir tidak ada orang bukan Melayu atau pemimpin-pemimpin politik Cina di negara ini yang menggunakan platform politik dan amal untuk mengkritik pentadbiran yang pro Cina dalam hampir setiap bidang, kecuali kebudayaan dan agama Islam. Dalam tahun 1969 pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang ketika itu berusia 10 tahun, hanya berjumlah lebih sedikit 20 peratus, tetapi tidak ada pemimpin-pemimpin Cina yang berani menegur dan menonjolkan "perjuangan samarata". Sejak tahun 1952 minat masyarakat Cina di negara ini yang diperjuangkan oleh MCA ialah untuk mendapatkan kuasa politik yang lebih dari pemimpin-pemimpin Melayu dengan alasan "persahabatan dan kerjasama orang Melayu". Kemudian sejak 12 tahun yang lalu muncul parti-parti politik Cina yang berjuang untuk kononnya mewujudkan keadilan dan persamaan taraf dengan orang Melayu dalam semua bidang. Apabila Singapura dikeluarkan dari Malaysia saki-baki PAP telah bersatu untuk menubuhkan DAP.¹⁸ Pada 29 Julai 1967 parti ini telah mewujudkan "Peristiharan Setapak" yang kemudian menjadi asas kepada perjuangannya dalam Pilihanraya Umum 1969. Di antara tujuannya ialah komitmen atau tanggungjawab "*to the ideal of a free, democratic and socialist Malaysia, based on the principles of racial equality, and sosial and economic justice, and founded on the institutions of parliamentary democracy.*"¹⁹ Sikap serta dasar perkauman Cina dalam batang tubuh DAP dapat dilihat dari manifestonya, di mana parti itu memperjuangkan "*racial equality*" and "*cultural pluralism*" di samping menentang keras "*racial hegemony by one community*". Yang sebenarnya DAP adalah sebuah parti politik Cina yang menentang sebarang usaha untuk memperbaiki taraf hidup orang Melayu.

18 Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, Hodder and Stoughton, London, Second ed., 1976, h. 393-4.

19 *Ibid.*, h. 394.

In effect, the DAP programme presented a frontal attack on the entire structure of Malay special rights which had gradually become incorporated into public policy since before the turn of the century. In place of Malay special rights, the DAP proposed equalitarian policies and 'national integration on the basis of the common economic interest of the have-nots of all races'.²⁰

Dasar DAP mengenai kebudayaan di negara ini bukan saja menafikan kebudayaan Melayu sebagai kebudayaan induk rakyat, malah parti itu secara tersirat mempersoalkan kewujudan orang Melayu sendiri di tanah air mereka. Ia memberi pengiktirafan kepada semua kebudayaan, semua bahasa dan semua kaum-kaum dalam pembahagian kuasa politik. Bagi mereka, jika orang Melayu hendak disetarafkan dengan bukan Melayu dalam bidang pendidikan dan menduduki tempat-tempat di pusat-pusat pengajian tinggi dan Universiti, maka mereka mestilah memasuki sistem pertandingan bebas. Dengan kedudukan ini adalah mudah kita memahami mengapa parti-parti politik Cina seperti DAP terus-menerus mengecam kerajaan apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dalam tahun 1971. Tetapi fikiran dan cita-cita DAP itu bukan tidak mempunyai penyokong. Mark Koding, Ahli Parlimen bagi Kota Kinabalu, pernah menyebut:

DAP has been constantly attacking our national policies which have been accepted by the people of this nation. It has now been joined by Gerakan and MCA. The Associated Chinese Chambers of Commerce of Malaysia has also thrown its weight behind its campaign..... By unfounded, unfair and sensitive attacks, DAP and others have pushed the bumiputras to the wall.²¹

Memang tidak dapat kita nafikan bahawa salah satu dari halangan-halangan yang paling besar yang merjejas dan boleh melambat, malah menggagal, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ialah

20 *Ibid.*

21 Mark Koding, *A Moment of Truth*. Printed by Ampang Press Sdn. Bhd., 1978, h. 8.

adanya golongan-golongan penentang yang dipimpin oleh parti-parti Cina yang berminat untuk memperjuangkan peraturan politik dan ekonomi sebelum 1969. Secara terbuka atau tersembunyi, atau dengan kaedah-kaedah yang halus, golongan-golongan tersebut akan tetap mengancam kesetabilan negara. *Kecuali satu penyelesaian baru boleh diwujudkan pemimpin-pemimpin Melayu dalam UMNO akan terus menghadapi cabaran ini sehingga titik masa akan menentukan konsekuensi-konsekuensi dari sahutan orang Melayu terhadap cabaran seumpama itu.* Perkembangan-perkembangan dari tuntutan masyarakat Cina, terutama golongan muda yang dipimpin oleh DAP, mengenai soal pelajaran, pembahagian dalam monopoli ekonomi dan sebagainya akan secara tidak langsung mempengaruhi orang Melayu untuk memikirkan semula mengenai pendekatan baru kepada ketajaman cabaran. Inilah halangan besar dan ancaman kepada negara. Setiap usaha kerajaan ditentang, walaupun penentang-penentang tersebut terus mempunyai peluang yang besar dan bebas menikmati keuntungan, padahal peluang serta nikmat tersebut tidak begitu terbuka kepada orang-orang Melayu. Kesamarataan dan keadilan sosial yang diperjuangkan oleh golongan-golongan yang menganggap dirinya "tertinggal" selama ini, lebih merupakan slogan yang bertujuan untuk menggelapkan mata kerajaan dan orang ramai, walaupun selama inipun kesamarataan dan keadilan sosial terus mengancam kesetabilan masyarakat Melayu sendiri. Seorang sarjana Melayu dengan tepat sekali mengupas keadaan yang berlaku di negara ini seperti berikut:

The irony of the whole thing is that although we are sovereign, we are not independent politically, economically and socially. We depend too much on too few people, and when this happens, we are at their mercy. We become slaves of tide and victims of circumstances.²²

22 Nik Abdul Rashid, "Law as an Instrument in Restructuring Society and Eradicating Poverty," Fifth Malaysian Economic Convention Growth and Redistribution, Penang May 25-27, *Persatuan Ekonomi Malaysia*, Kuala Lumpur, 1978, h. 24.

Orang Melayu sebagai golongan yang tidak mempunyai kepakaran terpaksa bergantung kepada orang Cina. Dalam proses seperti ini orang Melayu menjadi hamba kepada pasang surut ombak dan mangsa keadaan. Orang Cina patut memahami keadaan yang dihadapi oleh orang Melayu ini.

PENUTUP:

Pendekatan cara lama dan konvensional terhadap hubungan kaum mestilah diubah. Pemimpin-pemimpin Melayu harus meletakkan tanggungjawab yang lebih besar ke atas bahu pemimpin-pemimpin Cina supaya masyarakat Cina boleh dipandu untuk berfikir dan mengubah sikap mereka terhadap orang Melayu. Pada masa-masa yang lalu peranan ini diambil oleh pemimpin-pemimpin Melayu dalam UMNO sahaja. Pemupukan ke arah untuk menumpukan kritikan orang Cina terhadap langkah-langkah untuk memperbaiki taraf hidup orang Melayu mestilah diserapkan di peringkat kelas menengah Cina yang selama ini bersikap chauvinis dan anti Melayu. Pendekatan sosial ini haruslah diperlengkapkan dengan pendekatan politik-ekonomi yang berani. Tujuan ini akan tercapai jika pemimpin-pemimpin Melayu tidak berganjak dengan tuntutan kebudayaan dan pelajaran yang bersifat politik dari kaum Cina. Maxim iaitu "*if you cannot defeat them, join them*" sudah lapuk. Kekuatan dan kejayaan Dasar Ekonomi Baru bergantung kepada sejauh mana orang Melayu sanggup menekankan hak mereka yang *legitimate* dan bersedia menghadapi risiko dari peneakan seumpama itu,

3

DASAR EKONOMI: ANTARA POLITIK KEKUASAAN DAN CITA-CITA RAKYAT

MUKADIMAH

Sejarah kemiskinan orang-orang Melayu sejak beberapa lama telah diberi kedudukan yang baik dalam penyelidikan akademik di negara ini. Dengan tujuan untuk memaparkan satu perspektif yang komprehensif mengenai taraf ekonomi orang-orang Melayu, sejak tahun 1969 orang-orang Melayu khususnya telah muncul dengan pelbagai macam saranan dan idea, sementara orang-orang bukan Melayu, sama ada kaum imigran atau orientalis, telah muncul dengan penyelidikan-penyelidikan yang cuba menggambarkan "keadaan sebenar" kedudukan ekonomi orang-orang Melayu. Sebenarnya dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, saranan serta idea orang Melayu terhadap kedudukan ekonomi desa yang mendapat tempat dalam setengah-setengah penerbitan (buku) dan jurnal, telah menerima responsa yang amat besar di kalangan orang Melayu dalam media massa, dan perbincangan-perbincangan seminar mengenainya, selalunya berusaha menunjukkan kes-kes *legitimacy* yang ada sangkut-paut dengan Article 152 dan 153 Perlembagaan Negara.

Dalam pada itu terdapat 'golongan kedua' dalam *academic ranks* yang berusaha memprojek satu *social scenario* yang 'objektif', tetapi dalam usaha seperti ini apa yang dari segi sejarah dan perlembagaannya berhak kepada orang-orang Melayu selalu sangat dikaburkan dengan prasangka-prasangka dan *stereotype-stereotype* yang menyekutukan orang Melayu dengan *rural mentality*. Pada

umumnya, kajian-kajian taraf sarjana yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik yang terdahulu dari ini saya sebut sebagai kaum imigran dan orientalis-orientalis itu sentiasa mengelak daripada memberi *hak perlembagaan* dan *hak sejarah* kepada orang-orang Melayu. Pencerakinan atau penilaian mereka terhadap orang-orang Melayu ada kecondongan untuk memberi implikasi bahawa, oleh kerana dalam monopoli ekonomi negara orang Melayu merupakan golongan rakyat 'kelas tiga'¹, maka mereka tidak lebih berhak daripada kaum imigran dan bangsa asing (foreigners) dalam menuntut hak ke atas kekayaan negara. Dengan lain-lain perkataan, orang Melayu dianggap sebagai *a condemned race* yang tidak patut atau tidak berhak diperlindungi oleh sejarah atau oleh perlembagaan negara. Penilaian seperti inilah yang menyebabkan timbul konsep "Malayan Malaysia" yang dianjurkan oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, dan kemudian diwarisi oleh parti-parti pembangkang Cina di Malaysia. Satu lagi akibat dari pandangan 'golongan kedua' ini terhadap orang Melayu dan kedudukan ekonomi mereka ialah penyibaran idea yang menentang percubaan-percubaan Kerajaan untuk mengeneppikan persaingan (competition) mengikut "merit" untuk mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi. Pada awal tahun 1970an, apabila Allahyarham Tun Abdul Razak mengambil-alih pucuk pimpinan daripada Tunku Abdul Rahman Putera dan melancarkan Dasar Ekonomi Baru, suratkhbar-suratkhbar dan majalah luar negeri yang dibiaya atau disokong oleh Zionis, telah bersama-sama kaum imigran yang mendapat kerakyatan penuh selepas tahun 1957 di negara ini melaungkan slogan anti 'rejim sosialis Razak'. Ketakutan golongan ini terhadap "*nationalization of the economy*" anihnya diberi 'justifikasi' pula oleh golongan-golongan 'anti-Razak' dalam UMNO sesudah matinya. Malah, Dasar Ekonomi Baru itu dianggap oleh setengah-setengah golongan dalam parti, dan selepas 14 Januari 1976 oleh pucuk pimpinan Parti Islam (PAS), sebagai "*communist-inspired*" atau "*communist-engineered*."

1 Dalam konteks "ownership of wealth" bangsa asing bolehlah kita golongkan sebagai 'kelas satu' dan kaum imigran Cina sebagai 'kelas dua'.

RINTANGAN DALAM DAN LUAR ESTABLISHMENT

Sebenarnya, penentang-penentang yang bersifat perkauman terhadap percubaan sebuah kerajaan yang dipimpin oleh orang-orang Melayu untuk menyekat 'sistem pasar lelong', di mana orang Melayu terpaksa bertanding dengan kaum imigran mengikut *merit*, memang dijangka. Dalam sistem politik yang mendokong prinsip demokrasi berparlimen (walaupun tidak sepenuhnya "Westminster-type"), dan di mana sumber kekuatan ekonominya mempunyai teras dalam prinsip *laissez-faire*, maka penentangan-penentangan mudah bersembunyi di belakang topeng slogan 'anti-socialism', 'anti-dictatorship', 'anti Malay-rule' dan sebagainya. Pada pertengahan tahun 1970an, slogan-slogan seperti ini dibangkitkan apabila Dasar Ekonomi Baru cuba merealisasikan sebahagian dari cita-citanya menerusi PETRONAS, dan dalam tahun 1978, slogan-slogan seperti ini kedengaran lagi apabila *Industrial Coordination Act* (Akta Penyelarasan Industri) cuba memberi penafsiran kepada *Article 153* Perlembagaan Malaysia. Kaum Imigran dan pemodal-pemodal "multinationals" mempunyai alasan mengapa percubaan-percubaan yang *dedicated* terhadap memperbaiki nasib orang Melayu itu diberi cap sosialisme. *Gunnar Myrdal*, misalnya, menyebut:

But such a formulation is not what Westerners mean when they talk about Asian Socialism. What socialism heretofore has connoted, above all, is a commitment to nationalization and, more generally, to state ownership and management of a large sector of the economy².

Tetapi, oleh kerana terkadang-kadang ada golongan-golongan dalam parti pemerintah sendiri yang mempunyai motif-motif tertentu untuk berasa, tidak yakin kepada pusat kuasa (centre of power), maka mereka juga turut mengambil bahagian dalam politik "bandwagon". Di antara tahun-tahun 1975 - 1977, penentangan tokoh-tokoh tertentu UMNO

2 *Gunnar Myrdal, Asian Drama - An Inquiry Into the Poverty of Nations*, Abridged edition, Pelican Books, 1977, halaman 134.

terhadap dasar-dasar Tun Razak, termasuk gagasan Dasar Ekonomi Barunya, adalah jelas. Sementara penentangan golongan-golongan ini terhadap pucuk pimpinan boleh mengkaburkan objektif dalam cita-cita pembangunan luar bandar, dan boleh menabur "confusion" di kalangan orang-orang Melayu sendiri, penentangan kaum imigran yang menguasai modal di negara ini mempunyai implikasi ras dan politik yang tajam. Seperti pentodal-pentodal asing, kaum imigran yang menyertai monopoli ekonomi berasa bimbang langkah-langkah administratif untuk mengawas kegiatan ekonomi mereka akan mengakibatkan nasionalisasi dalam sektor swasta. Oleh sebab itu, mereka sering difatkan "*administrative discretionary controls.... an indication of a socialist or even a 'Marxist' turn of mind.*"³ Andaian seperti ini sebenarnya adalah suatu usaha subversif yang cuba memberi gambaran kepada dunia luar tentang 'kediktatoran' dan 'motif sosialisme' kerajaan yang dipimpin oleh orang-orang Melayu. Implikasi seterusnya ialah merealisasikan peranan mereka sebagai "entrepreneurs" yang selama ini bertanggungjawab menegakkan ekonomi negara dengan membebaskan diri daripada mengiktiraf bukan saja *Article 153*, akan tetapi juga keadaan-keadaan sosio-ekonomi yang meledakkan peristiwa 13 Mei 1969.

BEBERAPA PERSEPSI TENTANG KEMISKINAN ORANG MELAYU

Abdullah bin Abdul Kadir Munshi adalah orang Melayu yang pertama yang menaruh minat dalam pemodenan dan kemajuan bangsanya. Kemudian pada awal kurun ke-20 "Islamic reformers", seperti Syed Sheikh Alhadi, Shaykh Mohd. Tahir bin Jalaluddin, Shaykh Mohd. Salim al-Kalali, dan Haji Abbas bin Mohd. Taha, telah berusaha menyambung kegiatan Abdullah.⁴ Sebelum Perang Dunia Kedua, Zainal Abidin bin Ahmad atau ZAABA menulis beberapa buah rencana dalam akhbar mengenai kemajuan orang Melayu. Dan dalam tahun 1922, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerbit-

3 *Ibid.*, halaman 155.

4 Lihat Syed Hussein Alatas, *The Myth of the Lazy Native*, Frank Cass, London, 1977, halaman 140.

kan naskah kedua sebuah risalah yang bertajuk "Semangat Kehidupan".⁵ Penulis risalah ini ialah Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Daud Pattani. Beliau telah menekankan dengan panjang-lebar tentang kemajuan dan tuntutan agama Islam mengenainya.⁶ Selepas Perang Dunia Kedua, pengasas UMNO, Dato' Onn bin Jaafar, dan pemimpin Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), kemudian Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS atau Parti Islam), Dr. Burhanuddin al-Helmy, telah juga memperkatakan tentang kemunduran orang-orang Melayu.⁷ Selepas Merdeka tahun 1957, isu-isu kemunduran dan kemajuan orang Melayu mula diperbincangkan oleh sarjana-sarjana Melayu dengan lebih serious lagi. Ungku Abdul Aziz misalnya, menulis berkenaan dengan kemiskinan orang-orang Melayu. Dalam tahun 1959 Syed Hussein Alatas menyentuh "Erti Kemajuan Masyarakat" dalam Utusan Melayu.⁸ Katanya:

*Every great change in history, every revolution that occurred, has always been preceded by a great psychological change. There is no change in history which is not preceded by a change in man's conception towards life.*⁹

Sebenarnya dalam tahun 1951 Ungku Aziz telah menulis "*Some Aspects of the Malayan Rural Economy Related to Measures for Mobilising Rural Savings*".¹⁰ Sungguhpun tulisan sarjana Melayu ini tidak menyentuh secara lengkap mengenai "level" kemiskinan, gambaran yang diberikan oleh Ungku Aziz itu secara tidak langsung memberi fahaman tentang tingkat pencapaian petani-petani Melayu ketika itu. Signifikasi tulisan tahun 1951 ini ialah dalam ertikata bahawa ia telah memberi suatu angka tunjuk mengenai idea taraf kemajuan penduduk-penduduk luar bandar. Sejak itu Ungku Aziz

5 *Ibid.*, halaman 140-141.

6 *Ibid.*, halaman 141.

7 *Ibid.*, halaman 166.

8 *Ibid.*, halaman 167.

9 *Ibid.*, f.n. halaman 181

10 Ungku A. Aziz, "Some Aspects of the Malayan Rural Economy Related to Measures for Mobilising Rural Savings", *ECAFE*, Paper E/CN 11/1, 1951.

telah memberi sumbangan yang tidak sedikit kepada kesedaran perlunya kajian-kajian mikro yang memungkinkan wujudnya satu landasan atau perpektif kepada "blueprint" integrasi nasional. Dalam tahun 1956, Ungku Aziz telah menulis rencana "*The Causes of Poverty in Malayan Agriculture*"¹¹ dan "*The Remedy for Rural Poverty*".¹² Dalam rencana pertama itu Ungku Aziz dengan jelas menyatakan bahawa "*Indeed it is my personal opinion that the biggest cause of poverty amongst Malays in the Federation is that such a large proportion of them - about one and a half million people - are dependent on padi farming as their main source of livelihood*".¹³ Angka penduduk estate-estate dan luar bandar pada masa itu diberi oleh Ungku Aziz sebagai berikut: dari jumlah 2,427,834 penduduk luar bandar dan estate-estate, bilangan penduduk luar bandar ialah 2,153,216, iaitu 89 peratus dan bilangan penduduk estate 52,768 orang (2.4%). Kesemua jumlah penduduk luar bandar dan estate yang berjumlah 2,427,834 orang itu (iaitu 59.8% dari jumlah semua penduduk luar bandar dan estate - 4,908,086 orang) ditakrif oleh Ungku Aziz sebagai "*Malaysians*".¹⁴ Oleh kerana Ungku Aziz juga memberi angka penduduk luar bandar dan estate di kalangan orang Cina dan India dan lain-lain keturunan, maka maksud "*Malaysians*" di sini tentulah orang-orang Melayu yang tinggal di luar bandar dan estate-estate.

Di Malaysia sebahagian besar dari konflik dan antagonisme antara komuniti mempunyai sumber yang lama dan berakar-umbi dari pertentangan antara nilai-nilai desa dan nilai-nilai kota. Pertentangan konflik nilai ini telah dilihat oleh sarjana-sarjana dan setengah-setengah ahli politik sebagai tunas pertentangan kaum. Orang Melayu misalnya telah lama melihat sempadan politik dan ekonomi mereka direncui oleh kaum imigran dan bangsa asing. Oleh kerana dalam bidang ekonomi orang Melayu melihat kaum imigran sebagai golongan yang

11 Ungku A. Aziz, "The Causes of Poverty in Malayan Agriculture", dalam Lim Tay Boh (ed.), *Problems of Malayan Economy*, Fourth edition, Donald More, Singapore, 1965.

12 Ungku A. Aziz, "The Remedy for Rural Poverty", dalam Lim Tay Boh (ed.), *ibid.*

13 Ungku A. Aziz, "The Causes of Poverty in Malayan Agriculture", *ibid.*, halaman 22.

14 *Ibid.*, halaman 26.

lebih maju, maka dengan sendirinya mereka merasa kuasa politik yang ada dalam tangan mereka itu ditolak-ansurkan dengan akibat yang buruk pula kepada sumber kekuasaan politik dan ekonomi yang terpenting iaitu pelajaran. Ungku Aziz pernah mengulas mengenai pelajaran demikian:

*Secondary schools are largely to be found in the urban centres. The kampong boy must content himself with a local vernacular school that offers a very limited type of education. Of course he can try to stay in a town and attend a good secondary school. But this means a lot of expense that will not have to be faced by people who are already living in a town. This is a tremendous handicap to the sons and daughters of farmers.*¹⁵

Sungguhpun tulisan Ungku Aziz tersebut sebelum Merdeka, keadaan yang hampir serupa masih lagi wujud sesudah lebih dari dua puluh tahun tulisan itu mula-mula tersiar. Dalam percubaannya untuk memperbetulkan keadaan yang tidak seimbang di kalangan kaum-kaum pada waktu itu, Ungku Aziz mengemukakan tiga cadangan.¹⁶ Pertama *reform*, kedua penyusunan semula (rekonstruksi) dan ketiga revolusi. Revolusi dalam kategori memperbaiki semula keadaan masyarakat desa, Ungku Aziz, bukanlah bermakna "*streams of blood flowing in the gutters, dark clouds of smoke in the sky, chaos and anarchy. In fact some of the greatest revolutions in history of mankind have been peaceful ones.... We must not restrict the meaning of the word revolution to drastic political changes. We must learn to apply it to the economic and social spheres of our life as well.*"¹⁷ Beliau menakrifkan pembangunan desa atau luar bandar itu sebagai:

*the planned process which uses any form of action or communication designed to affect the environment, techniques, institutions and minds of the rural people in such a manner as to raise their level of living and improve their way of life.*¹⁸

15. Ungku A. Aziz, "The Remedy for Rural Poverty", *Ibid.*, halaman 24.

16. *Ibid.*, halaman 29-30.

17. *Ibid.*, halaman 30.

18. *Ibid.*, halaman 28.

Dalam tahun 1968, ketika membicarakan mengenai keefektifan implementasi dasar pembangunan di Malaysia, Ungku Aziz berkata: *"In between the will and the welfare lies a long period of English, frustration and disappointment"*.¹⁹ Di samping menegur kerajaan, Ungku Aziz sebenarnya mengemukakan satu kes yang besar mengenai kemunduran orang-orang Melayu dalam sektor pertanian. Mewujudkan satu dasar adalah satu hal sedangkan implementasi atau perlaksanaannya adalah perkara yang lain pula. Kebimbangan Ungku Aziz pada waktu itu terhadap kelambatan atau kecuaiian dalam pelaksanaan dasar-dasar pembangunan luar bandar mempunyai sebab-sebabnya yang tertentu. Pertama, oleh kerana langkah-langkah kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar tidak mengusik kedudukan penduduk-penduduk kaum imigran di kawasan-kawasan bandar, maka keyakinan dalam teguran Ungku Aziz ialah terhadap ketidak-arifan sikap kerajaan untuk mempercepatkan perubahan taraf hidup orang-orang Melayu melalui apa yang dicadangkan sebagai reformasi, rekonstruksi dan revolusi. Kita jangan lupa bahawa pada masa itu kerajaan yang memerintah ialah Kerajaan Perikatan atau Alliance yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman. Pandangan sarjana-sarjana Melayu, yang boleh dibilang dengan jari pada masa itu dan dipimpin oleh Ungku Aziz, ialah bahawa dasar-dasar kolonial mengenai sektor pertanian tidak lagi boleh dilanjutkan di bawah Kerajaan Perikatan. Sarjana-sarjana ini memang menaruh minat yang besar terhadap pengiktirafan kerajaan mengenai kemunduran orang-orang Melayu di luar bandar, akan tetapi pada masa yang sama juga mereka telah menyetakan rasa kekecewaan mereka terhadap bukan saja dasar-dasar yang bersifat *ad hoc* malahan juga kepada dasar-dasar yang memang tidak ada. Martin Rudner, misalnya:

Malay rural interest welcomed the attention accorded agriculture but complained of the absence of a definite agricultural development programme in the First FYP. Regret was also expressed at the Alliance failure to under-

19. Ungku A. Aziz, "Agricultural Development and Economic Development in Malaysia", dalam *The Structure and Development in Asian Economies*, proceedings of a conference held by Japan Economic Research Centre in September 1968, Centre Paper No. 10, The Japan Economic Research Centre, Tokyo, December, 1968.

take even the modest reforms proposed by the Rice Committee Report (1956) to curb some of the more blatant evils of absentee landlordism in the rice-bowl of north-west Malaya. However the landed gentry dominating the United Malays National Organization (UMNO), senior partner in the Alliance, preferred to look elsewhere than to institutional reform for a remedy for rural backwardness. Instead, the UMNO squirearchy indicated their faith in the classic formula of social amenities and economic infrastructure came to denote Alliance strategy. Virtually, the only challenge to this conventional wisdom came from the Universiti of Malaya, where economist Ungku Aziz strenuously attacked the persistent disregard for impoverished, land-hungry subsistence cultivators in policy calculations, insisting instead on comprehensive institutional reforms coupled to a massive programme of public investment aimed at raising rural productivity.²⁰

Sebenarnya kemunculan Ungku Aziz dalam kertas saya ini bukanlah secara kebetulan. Sumbangannya kepada komitmen terhadap kemajuan petani-petani sudah lama bertunjang. Minatnya ialah terhadap proses-proses eksploitasi yang dilakukan oleh kaum imigran ke atas orang-orang Melayu desa. Brien K. Parkinson, misalnya, mengakui bahawa "E.K. Fish, for instance, has emphasized the economic and structural impediments to rural economic growth in Malaya, while Ungku A. Aziz has concentrated rather more upon the historical evolution of the rural Malays by the other ethnic groups....."²¹ Dalam sebuah rencana lain yang ditulis dalam tahun 1957, "Facts and Fallacies About the Malay Economy,"²² Ungku

20 Martin Rudner, "The Malayan Quandry: Rural Development Policy Under the First and Second Five Year Plans," dalam David Lim (ed.), *Readings on Malaysian Economic Development*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.

21 Brien K. Parkinson, "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays," dalam David Lim (ed.), *Ibid.*, halaman 332.

22 Ungku A. Aziz, "Facts and Fallacies About the Malay Economy in Retrospect with new Footnotes", University of Malaya, Singapore, 1957 dan juga dalam jurnal *Ekonomi*, Vol. III, No. 1 (December, 1962).

Aziz telah mendedahkan tentang bilangan orang Melayu yang kecil dalam sektor perusahaan di samping berterus-terang mengenai kelemahan kuasa beli (purchasing power) orang-orang Melayu. Dalam "*Fundamental obstacles to Rural Development With Special Reference to Institutional Reforms*",²³ Ungku Aziz membuat kesimpulan demikian: penduduk-penduduk luar bandar telah mengalami kejatuhan yang terus dalam taraf hidup dan kemerosotan dalam kehidupan mereka. Sungguhpun kajian ini adalah mengenai kedudukan petani-petani luar bandar di Asia Tenggara, keadaan yang serupa dianggap berlaku juga di Malaysia.

Idea-idea dan pandangan Ungku dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup rakyat luar bandar sebelum 1969 kadang-kadang tidak digemari oleh Jabatan Perdana Menteri. Satu contoh ialah usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan entrepreneur-entrepreneur Melayu diberi cap oleh Ungku Aziz sebagai "synthetic capitalism" atau kapitalisme palsu.²⁴ Alasannya ialah kapitalis-kapitalis Melayu hanya akan menjadi alat kepada, atau digunakan oleh, gergasi-gergasi Cina dalam perdagangan yang menguasai teras operasi, yang demikian memungkinkan potensi yang menggagalkan rancangan "*Malay entrepreneurs*" itu. Lebih-lebih lagi "*There is evidence to show that Chinese capitalists have already put up money through Malay proxies in the lumbering and the public transport sectors where permits are limited to the Malay population*".²⁵

Penerapan sumbangan, idea serta fikiran Ungku Aziz yang saya rakamkan dalam kertas ini bukanlah untuk menjadikan kertas ini satu lagi versi *Jejak-Jejak Pantai Zaman*.²⁶ Yang paling mustahak

23 Ungku A. Aziz, "Fundamental Obstacles to Rural Development With Special Reference to Institutional Reforms", paper presented to a symposium organized by the Institute for International Economic Studies in Stockholm and the Bank of Sweden Tercentenary Fund at the University of Stockholm, 22-25 September, 1969. Lihat juga Ungku A. Aziz, *Three Papers On Rural Development*, Faculty of Economic and Administration, University of Malaya, 1969.

24 Lihat David Lim, *Economic Growth and Development in West Malaysia 1947-1970*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1973, halaman 207.

25 *Ibid.*, halaman 207-208.

26 Ungku A. Aziz, *Jejak-Jejak di Pantai Zaman*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

jika kita hendak meneliti akar-umbi kemiskinan orang-orang Melayu ialah dengan menubuhkan semula isu-isu kemiskinan itu. Ada dua sebab besar mengapa saya berbuat demikian. Yang pertama ialah mencari teras dalam "rationale" Dasar Ekonomi Baru. Kedua meneroka bidang-bidang atau "premise" sektorial dalam perencanaan dasar. Dalam tulisan-tulisan Ungku Aziz mengenai ekonomi desa unsur-unsur "rationale" dan "premise" sama ada yang tersurat mahu pun yang tersirat dalam Dasar Ekonomi Baru itu boleh dilihat dengan jelas. Yang penting barangkali dalam sumbangan Ungku Aziz kepada pengilhaman Dasar Ekonomi Baru ialah idea-idea beliau yang sistematik. Di sinilah letaknya perbezaan antara sumbangan Abdullah Munshi, Syed Sheikh Alhadi, Shaykh Mohd. Tahir Jalaluddin, Shaykh Mohd. Salim, Haji Abbas Taha dan sarjana-sarjana Melayu kontemporari serta Zaaba di satu pihak dan Ungku Aziz di satu pihak yang lain.

DASAR EKONOMI BARU: POLITIK ATAU EKONOMI?

Apakah yang kita mengertikan dengan DEB? Mula-mula apa yang dimaksudkan dengan 'dasar' atau dalam Bahasa Inggeris "policy" itu harus diberi penaktifannya dulu. Menurut *Kamus Dewan*, 'dasar' diberi makna sebagai 'asas', atau 'teras' atau 'panduan' (pendapat, falsafah, aturan dan lain-lain).²⁷ Sementara 'asas' pula diberi makna sebagai 'dasar pemikiran' atau 'dasar cita-cita'.²⁸ Makna 'teras' pula ditakrifkan demikian: 'isi yang terpenting (terbaik)' atau 'sesuatu yang menjadi asas atau dasar (bagi sesuatu)', atau 'intisari'.²⁹ Bagi 'panduan' pula *Kamus Dewan* memberi makna begini: 'pedoman', 'petunjuk', 'pemimpin'.³⁰

Pada pokoknya, 'dasar' yang dimengertikan dengan takrif-takrif yang di atas ialah suatu panduan atau pegangan mengenai sesuatu

27 T. Iskandar (ed.), *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, halaman 218.

28 *Ibid.*, halaman 44.

29 *Ibid.*, halaman 1239.

30 *Ibid.*, halaman 806.

idea atau gagasan yang tersusun rapi. Apabila pengertian 'dasar' ini dikawinkan dengan 'Ekonomi Baru', maka nyatalah apa yang disebut sebagai 'Ekonomi Baru' itu mempunyai pedoman atau intisari yang wujud sebagai rel-rel bagi memudahkan seseorang atau kumpulan atau kerajaan melaksanakan cita-cita tujuan yang terkandung dalam intisari tersebut. Tetapi mengapakah 'ekonomi baru'? Adakah ini bermakna ada 'ekonomi lama' atau 'dasar ekonomi lama'? Yang kedua pula apakah ukuran 'lama' dan 'baru'? Untuk menjawab dua soalan ini kita harus meneliti sejarah formulasi Dasar Ekonomi Baru.

Sebetulnya perencanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bermula sesudah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Lebih tepat jika dikatakan bahawa perencanaannya adalah akibat dari peristiwa tersebut. Menurut R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, ".....the NEP's main characteristic was an expansion of government direction of the economy in order to increase and reallocate certain values and goods, an estimate political process. Its ultimate goal was also political - national unity."³¹ Dalam beberapa segi DEB hanya menyambung dasar-dasar pembangunan yang telahpun bermula sejak pelancaran Rancangan Lima Tahun Pertama (RLTP). Rancangan ini mempunyai sejarah perencanaannya dari *Report of a Mission of the International Bank for Reconstruction and Development (IBRD)* dalam tahun 1954 lagi. Misi tersebut ditugaskan untuk meneroka bidang-bidang dengan tujuan untuk mempergiatkan pembangunan ekonomi dan sosial.³² Inti dari tema Laporan IBRD ialah penciptaan "*the private enterprise character of the Malayan economy.*"³³ Laporan ini juga telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya menumpukan tenaganya ke arah penggalakkan pembangunan menerusi sektor swasta. Akan tetapi rancangan belanjawan lima tahun yang dicadangkan oleh Laporan IBRD itu tidak menunjukkan bahawa ia adalah "*a substantial departure from past patterns of colonial investment in Malaya.*"³⁴

31 R. S. Milne and D.K. Mauzy, *Politics and Development in Malaysia*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1978.

32 Martin Rudner, *Nationalism, Planning, and Economic Modernization in Malaya: The Politics of Beginning Development*, Sage Publications, Vol. 3, London, 1975, halaman 35.

33 *Ibid.*, halaman 35.

34 *Ibid.*

Jadi apabila Kerajaan Perikatan berkuasa sesudah Pilihanraya 1955, Parti itu mendapati bahawa rancangan belanjawan yang dicadangkan oleh IBRD itu tidak mencukupi untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan yang dijanjikan dalam Manifesto Parti 1955 itu. Kegagalan ini menyebabkan belanjawan dan rancangan pembangunan di bawah RLTP dipinda. Dari segi jumlah belanjawan RLTP Malaya (1956 – 1960) mendapat \$1,138.5 juta. Tetapi oleh kerana peruntukan-peruntukan di bawah rancangan ini tidak memberi tekanan yang berat kepada sektor pertanian, maka orang-orang Melayu tidak memberi tekanan berat kepada sektor pertanian, maka orang-orang Melayu telah merasa keciwa.

*Rural Malays complained strongly of the lack of consideration given agriculture, its meagre planned allocation, the failure to expand the Cooperative Department, and the refusal to implement the most compelling recommendations of the 1956 Rice Committee.*³⁵

Orang-orang Melayu melihat rancangan tersebut sebagai penghalang besar kepada pembinaan intelektual. Peruntukan untuk jalan-jalan luar bandar tidak diberi tekanan yang wajar oleh RLTP. Keduanya, orang-orang Melayu tidak puas hati terhadap layanan RLTP kepada pelajaran dan kesihatan yang mereka anggap sebagai tidak diberi keistimewaan, padahal bidang-bidang ini adalah penting untuk memperbaiki taraf hidup rakyat luar bandar. Orang-orang Melayu yang radikal telah membidas RLTP itu sebagai usaha untuk memberi keuntungan yang lebih besar kepada kuasa penjajah kerana belanjawan lima tahun itu telah memberi prioriti yang tinggi kepada promosi perindustrian getah yang dimonopoli oleh Inggeris dan kaum imigran. Martin Rudner mengulas kegagalan RLTP seperti berikut:

By late 1958, it had become quite apparent that the First FYP approach had failed to prevent the continued decline of Malay fortunes. With the onset of the general election campaign, rural UMNO candidates pressed the government for positive measures to alleviate agricultural distress.

35 *Ibid.*, halaman 37.

*Yet when the gesture did come, it was too little too late, and the Alliance sustained important losses in the 1959 General Election, especially on the rural east coast.*³⁶

Kegagalan RLTP dan kekecewaan Perikatan dalam Pilihanraya 1959 telah memberi pelajaran kepada pemimpin-pemimpin Melayu dalam parti itu supaya rancangan-rancangan pembangunan bagi masa depan rakyat bersendikan luar bandar.

Responsa kerajaan Perikatan kepada kejayaan parti-parti pembangkang khususnya Parti Islam atau PAS dalam tahun 1959 ialah adanya kesedaran untuk memperluas atau memperkembangkan komitmen kepada pembangunan luar bandar dalam Rancangan Lima Tahun Kedua (RLTK) (1961 – 1965) dengan menerapkan satu rancangan baru yang diberi nama Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan atau *National Rural Development Plan*. Tekanan dalam RLTK dalam dasar-dasar pembangunan luar bandar adalah terhadap bidang pertanian. Perbelanjaan untuk sektor pertanian telah bertambah tiga kali ganda dari jumlah yang dibelanjakan untuk sektor yang sama dalam rancangan pembangunan terdahulunya. Jumlah pelaburan kasar dalam RLTK ialah lebih dua-pertiga daripada belanjawan bagi RLTP, iaitu sebanyak \$5.050 juta. Akan tetapi sungguhpun RLTK memberi peruntukan yang besar kepada rancangan-rancangan luar bandar, di kalangan perangka-perangka dasar kelihatan keyakinan yang tidak bersungguh-sungguh terutama dalam usaha untuk "*transformation of backward agrarian areas into high income agriculture*".³⁷ Yang sebenarnya ada perhitungan politik yang cuba menonjolkan "impartiality" atau tolak-ansur dalam merealisasikan antara dua cita-cita besar iaitu sama ada *rural bias* atau *urban bias*. Penekanan yang terlalu berat terhadap dasar-dasar pro luar bandar dianggap akan menimbulkan reaksi politik di kalangan penduduk-penduduk bandar terhadap Perikatan. Refleksi dari keadaan dan situasi seperti ini terlihat dalam kes Abdul Aziz Ishak, bekas Menteri Pertanian dan Koperatif. Pada

36 Martin Rudner, "The Malayan Quandary: Rural Development Policy under the First and Second Five-Year Plans", *op. cit.*, halaman 80-81.

37 Martin Rudner, *Nationalism, Planning, and Economic Modernization in Malaysia: The Politics of Beginning Development*. Sage Publications, Vol. 3, London, halaman 55.

awal tahun 1960an Abdul Aziz Ishak telah menyatakan hasratnya "to promote a more aggressive co-operative movement to combat rural exploitation."³⁸ Beliau juga cuba mewujudkan *rural reform* melalui koperasi sebagaimana yang pernah dianjurkan oleh Ungku Aziz.³⁹ Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri pada waktu itu lebih condong untuk mengubah nasib rakyat di luar bandar dengan mengadakan rancangan-rancangan koperasi. Tetapi sebaliknya Kerajaan Perikatan telah memilih struktur sosio-ekonomi agraria yang bersifat tradisional.⁴⁰

Akan tetapi pada umumnya RLTK diterima dengan sambutan yang baik oleh orang-orang Melayu. Parti Islam pada waktu itu telah meminta Kerajaan supaya melaksanakan dasar-dasar yang termaktub dalam rancangan pembangunan luar bandar. Parti Sosialist Front mengecam dasar-dasar RLTK kerana mengeneipkan langkah-langkah untuk menggalakkan integrasi antara kaum menerusi rancangan pembangunan.⁴¹ Menurut Parti itu:

*The biggest mistake of this Second Five-Year Plan is that the Government is using public money..... to expand on projects which would eventually give a chance to private capitalists to reap the most from our profits..... simply because the Government is for the capitalists; it is Government which is advocating for free enterprise for the benefit of people with capital.....*⁴²

Sementara langkah-langkah kerajaan Perikataan adalah sejajar dengan aspirasi rakyat, ia seolah-olah tersepit pula di antara dilemma untuk merialisasikan cita-cita rakyat luar bandar dan dilemma untuk mewujudkan akomodasi dari tuntutan-tuntutan usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga kaum imigran yang seharusnya menerima

38 Martin Rudner, "The Malayan Quandary: Rural Development Policy Under the First and Second Five-Year Plans", *op. cit.*, halaman 81.

39 *Ibid.*

40 *Ibid.*

41 Martin Rudner, *op. cit.*, halaman 55.

42 Sidang Dewan Rakyat, 9 Februari 1961, disebut oleh Martin Rudner, *Ibid.*

sokongan golongan pedagang asing yang menanam modal di negara ini. Di satu *extreme* yang yang lain pula kerajaan menghadapi parti-parti pembangkang yang pada setiap masa hanya menunggu peluang untuk mengecam kerajaan apabila saja peluang terbuka. Akan tetapi sungutan setengah-setengah parti pembangkang mengenai dasar-dasar pembangunan yang 'capitalist bias' itu sukar untuk ditangkis. Dalam tahun 1960an tekanan ekonomi dari parti-parti kaum imigran yang bergabung dengan UMNO merupakan satu faktor penting dalam perencanaan dasar-dasar pembangunan. Ini adalah satu fenomena terpenting di negara ini apabila "*trustees of political power*" berada dalam tangan orang-orang Melayu yang harus pula bergantung kepada keteguhan ekonomi orang-orang Cina untuk menentukan kemenangan Perikatan dan mengekalkan perimbangan kuasa di kalangan parti-parti yang bergabung. Sungguhpun Rancangan Lima Tahun Pertama Malaysia (1966 - 1970) cuba menyedari hakikat ini dan dasar-dasarnya tetap memberi penekanan kepada kemajuan atau pembangunan luar bandar ("*the overall growth strategy was still primarily based on the continued development of the agricultural sector of the economy*").⁴³ kerajaan mengambil masa tiga belas tahun dari mula pelancaran Rancangan Lima Tahun Pertama (1956), lapan tahun dari pelancaran Rancangan Lima Tahun Kedua (1961) dan tiga tahun dari tarikh pelancaran Rancangan Lima Tahun Pertama Malaysia (1966), untuk menyedari bahawa peraturan politik dan pentadbiran yang diberi nama *pragmatism* itu tidak boleh dipakai untuk selama-lamanya. Jika diambil dari tarikh Merdeka pada 31 Ogos 1957, maka *sistem pragmatis*, atau dalam istilah perencanaan pembangunan luar bandar disebut oleh Ungku Aziz sebagai *ad hoc* itu, hancur tidak sampai dua-belas tahun dikira sehingga meletusnya peristiwa 13 Mei 1969. Dengan lain-lain perkataan, *rationale* Dasar Ekonomi Baru adalah terletak bukan saja kepada 'impracticality' apa yang dinamakan 'pragmatism' itu, akan tetapi juga kepada ketidak-bijaksanaan andaian atau sikap untuk bergantung kepada 'economic power' yang dipegang oleh orang-orang seperti Tan Sri Lee Yan Lian.⁴⁴

43 B. L. Johns, "Import Substitution and Export Potential - The Case of Manufacturing Industry in West Malaysia", dalam David Lim (ed.), *op. cit.*, halaman 157.

44 Lihat pandangan Perdana Menteri Datuk Hussein Ono mengenainya dalam *Far Eastern Economic Review*, 26 Januari 1979.

sebagai sumber yang boleh diharapkan oleh orang-orang Melayu untuk mengekalkan kuasa politik mereka.

Sungguhpun DEB boleh dianggap sebagai hanya melanjutkan dasar-dasar yang terkandung dalam Rancangan-Rancangan Lima Tahun terdahulunya, yang lebih penting ialah penekanan terhadap perlunya orang Melayu menjadi "*full partners in all aspects of the economic life on the nation*".⁴⁵ Asas yang paling penting dalam tujuan untuk membolehkan orang Melayu mengambil bahagian cergas dalam semua aspek kegiatan ekonomi negara ialah bahawa menurut Census Report tahun 1970 pendapatan purata keluarga Melayu ialah \$179, sedangkan pendapatan orang Cina \$387 dan keluarga India \$310.⁴⁶ Walaupun rancangan-rancangan kerajaan negeri dan Pusat sendiri wujud untuk membasmi kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu, penambahan bilangan penduduk di luar bandar yang pesat telah mengakibatkan kesulitan-kesulitan ekonomi yang buruk. Misalnya 90 peratus dari jumlah semua keluarga di mana jumlah pendapatan ialah di bawah \$100 sebulan datangnya dari keluarga-keluarga luar bandar, di mana orang Melayu terdiri daripada 65 peratus dari jumlah bilangan penduduk. Dari situasi seperti ini kedudukan antagonisme antara kaum adalah jelas, dan jika antagonisme ini hendak dipertumpukan maka taraf kehidupan orang Melayu harus ditingkatkan sejajar dengan kaum-kaum lain.

Pada dasarnya, DEB telah dirancang begitu rupa supaya dua bidang penting yang boleh mempertajamkan pertentangan kaum dapat dielak. Pertama ialah dengan menurunkan tingkat kemiskinan dengan menaikkan pendapatan serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua kaum. Kedua, dengan menyusun semula masyarakat supaya identifikasi ras dengan kegiatan ekonomi tidak

45 *Second Malaysia Plan, 1971-1975*, Government Printers, Kuala Lumpur, 1971, halaman 1.

46 William Shaw, *Tun Razak - His Life and Times*, Longman, Kuala Lumpur, 1976, halaman 232. Lihat juga Ungku A. Aziz, "Footprints in the Sands of Time - The Malay Poverty Concept Over Fifty Years From Zaaba to Aziz and the Second Malaysia Five-Year", C.L. Robless, "The Feasibility and Internal Consistency of the New Economic Policy", dan Syed Waem Ahmad, "Savings Strategy, New Economic Policy and the Restructuring of Society: Perspectives and Implications", dalam Stephen Chee and Khoo Siew Mun (ed.) *Malaysian Economic Development and Policies*, Conference Proceedings Series No. 3, Malaysian Economic Association, 1975.

memungkinkan pertentangan kaum. Dasar Ekonomi baru juga yang dipancarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971 – 1975) itu melihat bahawa untuk menghapuskan pandangan bahawa orang Melayu selalunya diidentifikasi dengan kegiatan ekonomi luar bandar atau ekonomi pertanian, cara-cara atau kaedah-kaedah tertentu, termasuk proses undang-undang, harus diwujudkan supaya satu nukleus orang Melayu yang bergiat dalam lapangan perusahaan dan perdagangan boleh dicipta. Masyarakat yang dilihat oleh DEB bukan saja di dasar atau hanya dipuncak piramid kegiatan ekonomi perdagangan, akan tetapi juga di semua stratum atau tingkat dalam kegiatan ekonomi negara.

Kepada kita memang amat jelas sekarang bahawa DEB mempunyai serampang dua mata yang tajam. Pertama mata politik dan kedua mata ekonomi. Stephen Chee ada menyebut:

The 1969 post-election racial riots provided the backdrop for the rethinking about strategies for national unity in the Malayan plural society..... Although the proximate cause of the Kuala Lumpur riots was the rude taunting of Malay by-standers by Chinese and Indian celebrants during an opposition victory parade, the underlying reasons for the virulence of the subsequent conflagration were generally seen to be Malay dissatisfaction with the slow pace of their economic improvement, anger at the non-Malay challenge to the primacy of Malay political leadership, and frustration at nonfulfillment of Malay cultural aspirations. Since 1971, the government has been attentive to the goals of Malay nationalism.⁴⁷

Sejak sepuluh tahun yang lalu gagasan-gagasan mengenai dasar ekonomi negara memang telah banyak berubah. Hal ini adalah suatu responsa atau sebagai menyahut tuntutan-tuntutan politik yang sentiasa berubah-ubah. Bukan saja perubahan ini diperlicinkan oleh ketidak-seimbangan

47 Stephen Chee, "Introduction: The Political Economy of Multiracial Development", dalam Stephen Chee and Khoo Siew Mun (ed.), *op. cit.*, halaman 1.

sosio-ekonomi di kalangan rakyat, akan tetapi juga diperlukan oleh satu fenomena baru dalam masyarakat berbilang kaum iaitu tuntutan-tuntutan yang keras terhadap promosi syiar agama Islam dan perlunya ada *continuity* dan *extension* dalam nasionalisme Melayu. Untuk mewujudkan situasi atau keadaan seperti ini tidak mudah. Ia memerlukan suatu pandangan yang jauh, perombakan ke atas dogma *pragmatism*, penghancuran nilai-nilai politik dan ekonomi yang konservatif, statis dan *defeatist*, dan pembinaan semula bukan saja semangat 1946 malah merenung balik apa yang saya suka namakan sebagai "Semangat Abdullah" tahun 1838. Atau, kalau mahu, undur selangkah lagi untuk mara dua langkah ke hadapan (untuk meminjam strategi ketenteraan), ke zaman Empayar Agung Melaka ketika orang Melayu merupakan komuniti *maritime*. Lagipun, apa salahnya kita merenung-renung kembali kepada sejarah silam orang-orang Melayu jika dengan berbuat demikian pimpinan politik orang Melayu boleh diperbaiki dan diperkokohkan. Kesemua ini memerlukan intelek yang tinggi, dedikasi yang kental dan azam yang tidak mudah digoncang. Dalam konteks sekarang segala perubahan-perubahan yang dicadang haruslah bermula dari pucuk pimpinan yang tidak gentar kepada "time bombs" parti-parti pembangkang kaum imigran yang selalu merujuk kepada Socialist International dan "zionist diseg" dalam perestuan (*blessing*) pimpinan mereka. Akan tetapi seperti kata Ungku Aziz, perubahan yang hendak dilakukan tidak seharusnya bermakna "*streams of blood flowing in the gutters*." Atau dalam kata-kata Allahyarham Pendita Zaaba: "Tetapi orang-orang Melayu yang sebenar-benarnya bersungguh-sungguh hendak menghasilkan jalan keselamatan bagi kaum Melayu ini (jika ada orang-orang Melayu yang demikian) hendaklah jangan gentar daripada sekalian itu."⁴⁸ Sekali lagi maksud "jangan gentar" di sini bukanlah bermakna "*dark clouds of smoke in the sky*", kerana Pendita dan nasionalis Melayu ini bukanlah seorang pelopor *anarchy*. Walau bagaimanapun, jika kata-katanya yang keramat ini boleh dijadikan panduan kepada kita, maka anjuran supaya pemimpin-pemimpin Melayu berkumpul dan berfikir mengenai survival bangsa mereka haruslah diterima sebagai wasiat yang keramat. Dalam tahun 1927, Zaaba menulis:

48 Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendita Zaaba Dalam Kenangan* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, halaman 197.

Tetapi jikalau orang-orang Melayu tiada membuat seperti ditunjukkan ini, sekurang-kurangnya dua kurun (200 tahun) lagi bangsa Melayu ini baharu dapat melayakkan dan memadankan dirinya dengan kehendak-kehendak kemajuan. Bahkan dalam dua kurun itu entahkan alah dan terhapus langsung bangsa Melayu ini dibuat oleh bangsa-bangsa lain yang cergas, rajin, pandai berniaga dan sebagainya ini. Jika tiada terhapuspun tetapi tiadalah syak yang bangsa-bangsa lain ini pada masa itu telah sampai ke atas kemuncak bukit. Maka sia-sialah sahaja jika kita menanti-nanti mengharapkan mudah-mudahan ada keluar orang-orang ajaib yang bersifat kelebihan sendiri daripada perhimpunan kaum Melayu ini pada medan kebangsaan atau siasat negeri, atau pekerjaan atau fikiran.....⁴⁹

Anjuran untuk merenung kembali kepada teguran-teguran atau fikiran-fikiran mengenai kemajuan bangsa oleh pelupur-pelupur survival orang Melayu seperti ini sebenarnya ada konotasi sejarah yang penting, selain dari implikasi politik yang dapat kita rumuskan dari fikiran-fikiran itu. Profesor Khoo Kay Kim, misalnya, mengesahkan bahawa tulisan-tulisan nasionalis Melayu Sebelum Perang mendorong pengkaji-pengkaji Melayu dan bukan Melayu untuk mencari sumbangan atau fikiran nasionalis-nasionalis tersebut kepada survival orang Melayu.⁵⁰

POLITIK PARTI PEMBANGKANG

Dalam essei ini saya akan menyentuh serba-sedikit mengenai peranan Democratic Action Party (DAP atau Parti Tindakan Demokratik) dalam usahanya untuk menggagalkan cita-cita DEB.

49 *Ibid.*, halaman 197-198.

50 Khoo Kay Kim, "Allahyarham Ibrahim Bin Haji Yaacob", kertas yang dibaca di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka di Malam Kenangan Haji Ibrahim Bin Haji Yaakob, anjuran Gapena dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 21 Mac 1979, pukul 8.30 malam.

Tidak lama dulu Parti ini telah menerbitkan sebuah buku yang bernama "Time Bombs in Malaysia" yang mempersoalkan dengan panjang-lebar tentang "penyelewengan" DEB.⁵¹ Dalam perbincangan saya di atas saya cuba memaparkan *rationale* DEB dan mengapa kerajaan yang dipimpin oleh orang-orang Melayu perlu mewujudkan dasar-dasar yang terkandung dalam DEB itu. Saya juga telah tunjukkan bahawa masalah kemiskinan orang Melayu bukanlah fenomena tahun 1970an atau dengan lebih tepat lagi satu perkembangan akibat kekacauan perkauman tahun 1969. Yang lebih penting dalam perbincangan ini ialah bahawa sejarah kemiskinan orang Melayu telah berakar-umbi sejak tahun 1838 lagi, apabila *Hikayat Abdullah* mula-mula memaparkan secara terus-terang tentang keadaan kemunduran orang Melayu. Kemudian pada awal Kurun ke 20 masalah-masalah mengenai kemiskinan orang Melayu telah disebarkan dengan luas dalam majalah dan akhbar Melayu ketika itu.⁵² Dalam tahun 1920an, masalah kemunduran dan kemajuan bangsa Melayu mendapat perhatian Zaaba pula. Selepas itu muncul sarjana-sarjana Melayu seperti Ungku Aziz dan Syed Hussein Alatas. Rumusan yang jelas di sini ada dua perkara. Pertama, tulisan-tulisan para nasionalis Melayu dan ahli-ahli akademik Melayu tersebut tidak dapat tidak telah menjadi inspirasi terpenting kepada kewujudan Dasar Ekonomi Baru yang difikirkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak beberapa hari sesudah 13 Mei 1969, walaupun ada interpretasi yang mengatakan gagasan ini timbul dalam tahun 1970 hasil dari perbincangan-perbincangan antara Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail serta pemimpin-pemimpin pemuda dan radikal dalam UMNO ketika itu.⁵³ Yang kedua, orang-orang Melayu mempunyai hak sejarah yang *legitimate* untuk menuntut kepada pemerintah supaya taraf hidup mereka diperbaiki atau sejajar dengan pencapaian kaum imigran. Ini cukup

-
- 51 Lim Kiat Siang, *Time Bombs in Malaysia*. Democratic Action Party, 1978.
- 52 Lihat William Roff, *The Origins of Malay Nationalism*. University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967. Juga dalam Khoo Kay Kim, "Malay Society 1874-1920s", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. V, No. 2, September 1974.
- 53 Lihat antara lain J. Bass, (Malaysian Politics, 1968-1970: Crisis and Response, Part 2, Ph.D. Thesis, University Microfilms International Michigan, 1978.

jelas dalam Article 152 dan 153 Perlembagaan Malaysia. Dengan lain-lain perkataan hak perlembagaan bagi orang-orang Melayu untuk menentukan nasib hidup mereka tidak boleh diputar-belitkan sematamata kerana Perlembagaan yang sama memberi hak yang hampir serupa kepada kaum-kaum imigran.

Dalam bukunya "Time Bombs in Malaysia", pimpinan DAP, Lim Kiat Siang, terang-terang mempersoalkan hak orang Melayu dan kaitannya dengan Article 152 di samping berselindung di bawah Article 153(1) dan 153(8) (a) dan sebagainya, untuk memberi kedudukan yang legitimate kepada kaum imigran dalam mempersoalkan Universiti Merdeka. Article 153(1) misalnya menyebut:

*It shall be the responsibility of the Yang Di Pertuan Agung to safeguard the special position of the Malays and natives of any of the States of Sabah and Sarawak and the legitimate interests of other communities in accordance with the provisions of this article.*⁵⁴

Sementara Article 153(8) (a) menyebut demikian:

Notwithstanding anything in this Constitution, where by any federal law any permit of licence is required for the operation of any trade or business, the law may provide for the reservation of a proportion of such permits or licences for Malays and natives of any of the States of Sabah and Sarawak; but no such law shall for the purpose of ensuring such a reservation –

*(a) deprive or authorise the deprivation any person of any right, privilege, permit of licence accrued to or enjoyed or held by him.*⁵⁵

Dalam memajukan tuntutan-tuntutan pelajaran dan penubuhan Universiti Merdeka, Lim Kit Siang juga telah menggunakan Article 153 (4) yang berbunyi:

54 *Federal Constitution Malaysia*, incorporating all amendments up to 1st May, 1977, Reprint No. 1 of 1978, halaman 151.

55 *Ibid.*, halaman 153.

*In exercising his functions under this Constitution and Federal law in accordance with Articles (1) to (3) the Yang Di Pertuan Agung shall not deprive any person of any public office held by him or of the continuance of any scholarship, exhibition or other educational or training privileges or special facilities enjoyed by him.*⁵⁶

Akan tetapi sebagaimana yang telah kita bincangkan pada awal tulisan ini Dasar Ekonomi Baru kerajaan bukan saja bertujuan untuk menyusun semula masyarakat, malahan *rationale* yang tersirat ialah untuk menentukan masyarakat ini tidak digoncang oleh orang-orang Melayu yang mungkin merasa hak sejarah mereka, atau dalam istilah undang-undang disebut sebagai *jus soli*, itu, dicabar oleh kaum imigran yang mendapat kedudukan *jus sanguinis* dan kemudian *jus soli*. Satu testimoni terpenting dari penggoncangan ini telah berlaku dalam tahun 1969. Dari segi sejarah kita telah menyaksikan "Semangat Abdullah" yang berkobar-kobar dalam tahun 1838 lagi, yang bukan saja apa yang setengah-setengah orang sifatkan sebagai 'mencerca' kemiskinan dan kemunduran orang Melayu, malah apa yang lebih signifikan ialah ibarat yang boleh diambil dari teguran Abdullah itu. Satu penafsiran dari tulisan-tulisan Abdullah ialah legitimasi yang diberi kepada kedudukan orang Melayu dalam Perlembagaan Negara. Dengan lain-lain perkataan, Perlembagaan telah memberi pengiktirafan yang baik (sungguhpun tidak lengkap) kepada sejarah kemiskinan orang Melayu, selain dari memperakui hak *jus solinya* yang tidak boleh ditolak-ansur itu. Perlembagaan cuba memberi kedudukan yang kuat kepada orang-orang Melayu dalam Article 153 Fasal (8A) yang berbunyi:

Notwithstanding anything in this Constitution, where in any Universiti, College and other educational institution providing education after Malaysian Certificate of Education or its equivalent, the number of places offered by the authority responsible for the management of the University, College or such educational institution to candidates for any course of study is less than the number of candidates qualified for such places, it shall be lawful for

56 *Ibid.*, halaman 152.

*the Yang Di Pertuan Agung by virtue of this article to give such directions to the authority as may be required to ensure the reservation of such proportion of such places for Malays and natives of any of the States of Sabah and Sarawak as the Yang Di Pertuan Agung may deem reasonable; and the authority shall duly comply with the directions.*⁵⁷

Saya fikir sejak tahun 1838 hingga 1874 (Perjanjian Pangkor) pencapaian orang Melayu dalam pelajaran amat sulit hendak diperkatakan kerana kita tidak mempunyai butir-butir lengkap. Walaupun mungkin ada beberapa orang Melayu di Negeri-negeri Selat yang mendapat pelajaran, tetapi pelajaran mereka tentulah dari sistem yang tidak formal. Demikian juga butir-butir mengenai pencapaian orang Melayu dalam pelajaran sekular selepas Perjanjian Pangkor, kecuali suara seorang dua yang kita hendak dengar dalam Federal Council. Jika kita hendak memberi satu ukuran yang mutlak kepada pencapaian orang Melayu angka yang paling bertanggungjawab ialah sesudah Merdeka. Dalam pada itupun dari angka-angka yang diperolehi dalam tempoh sepuluh tahun selepas Merdeka pencapaian orang Melayu dalam pelajaran boleh dianggap daif atau teruk jika dibandingkan dengan angka pencapaian kaum imigran.

Sebenarnya sejak sebelas tahun yang lepas Universiti Malaya telah mengeluarkan 25,622 orang siswazah. Dari jumlah ini hanya 9,837 atau 38.4% terdiri daripada siswazah-siswazah Melayu dan bakinya (15,785 orang) atau 61.6% adalah siswazah kaum imigran.⁵⁸ Jika jumlah ini dipecahkan mengikut Fakulti maka angkanya akan memberi sedikit pengertian kepada parti-parti pembangkang kaum imigran jika mereka mahu belajar dari sejarah pertentangan kaum 1969 dan dari tekanan perlunya Dasar Ekonomi Baru. Misalnya, siswazah Melayu di Fakulti Kejuruteraan hanya 27 orang (2.5%), Cina 1,024 orang (93.2%) dan India 41 orang (3.7%). Lain-lain keturunan 7 (tujuh) orang.⁵⁹

57 *Ibid.*, halaman 154.

58 Nik Abdul Rashid, "Ke mana Kita?" kertas yang dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ke 30 di Bangi, Selangor pada 30 Julai, 1978.

59 *Ibid.*

Dalam Perkhidmatan Kerajaan Malaysia pada tahun 1977 terdapat 29 Jabatan di mana kaum imigran mengatasi angka bilangan pegawai-pegawai/kakitangan Melayu. Jabatan-Jabatan ini ialah Filem Negara, Perhubungan Perusahaan, Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Buruh, Jabatan Kinia, Jabatan Mergastua, Jabatan Odit, Jabatan Parit dan Taliair, Tenaga Rakyat, Penyiasatan Kajibumi, Kebajikan Am, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Awam, Kementerian Perhubungan, Kementerian Pertahanan, Lembaga Perpaduan Negara, Pemegang Amanah Raya, Penerbangan Awam, Pengangkutan Jalan, Perangkaan, Perkhidmatan Pelajaran, Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Perbendaharaan, Bahagian Penilaian, Perikanan, Pos, Talikom, Ukur dan Urusan Cina. Yang lebih hairan ialah kesemua ini adalah pegawai-pegawai dalam *Division Satu*.⁶⁰

Kedudukan orang Melayu yang bertaraf profesional dalam sektor awam memang menggerunkan jika kita hendak memperhitungkan jangka waktu lebih dari 20 (dua puluh) tahun kita Merdeka. Dari jumlah 6,750 orang profesional dalam perkhidmatan kerajaan, hanya terdapat seramai 1,776 atau 26.4% orang Melayu.⁶¹ Inipun mujurlahlah ada bidang pendidik yang mula hendak dicebur oleh orang-orang Melayu – satu dari kesan teguran-teguran Abdullah dan nasionalis-nasionalis Melayu seperti Zainal Abidin bin Ahmad, Aminuddin Baki, Ungku Omar, Dato Onn, Burhanuddin dan puluhan lagi "*Islamic reformers*" tahun 1920an. Akan tetapi dalam sektor swasta kedudukan bilangan Melayu – kaum imigran yang bertaraf profesional seolah-olah menampakkan adanya saki-baki penjajahan dalam negara yang di gembarkan oleh Pembangkang sebagai "*Malay-rule*" itu. Dalam bidang Perubatan dan Pembedahan kaum imigran berjumlah 1,353 dan Melayu 44 orang. Pergigian pula menunjukkan bahawa hampir seratus persen juga kakitangannya terdiri dari kaum imigran (714 atau 97.5 peratus), manakala orang Melayu 18 orang saja. Dalam perakaunan dan Odit kaum imigran 282 dan orang Melayu 30. Dalam

60 *Ibid.*

61 Lihat Nik Abdul Rashid, "Bumiputera Dalam Pendidikan: Masalah dan Kemungkinan," Kertaskerja yang dibentangkan di Konvensyen Pendidikan Kedua, anjuran Persatuan Bekas Pelajar MPSI dan Negeri Melaka di Melaka 30hb Julai – 1hb Ogos, 1977.

bidang undang-undang terdapat seramai 891 orang peguambela dan peguamcara berbanding dengan seramai 103 orang Melayu. Jurusan Akitek seramai 346 orang kaum imigran dan Melayu hanya seramai 28 orang.⁶²

Sejak Parti DAP bertapak di Malaysia sesudah Parti "god father" nya, iaitu PAP Singapura, berundur dari Tambak Johor, fakta-fakta mengenai kemunduran orang Melayu telah dipejamkan mata oleh DAP yang melaungkan perjuangan 'sama rata' itu. Dalam perjuangannya DAP cuba mewarisi sorak-sorai yang pernah diperjuangkan oleh Lee Kuan Yew dengan slogan "Malaysian Malaysia", tetapi dalam lima belas tahun perjuangannya slogannya lebih condong kepada apa yang seorang sarjana pernah gelarkan sebagai 'Cinaya' atau apa yang kita sekarang kenal sebagai "Chinese Malaysia".

Pilihanraya tahun 1969 yang meledakkan peristiwa berdarah itu masih lagi jelas dalam ingatan kita. Dalam tahun tersebut DAP telah mengeluarkan "The Setapak Declaration" yang memperjuangkan "the ideal of a free, democratic and socialist Malaysia, based on the principles of racial equality, and economic justice, and founded on the institutions of parliamentary democracy."⁶³ Tetapi 'taraf sama rata' apakah yang diperjuangkan oleh DAP apabila parti itu memekakkan telinga terhadap sedu-sedan tangis orang Melayu sejak tahun 1838 itu?

PENUTUP

Saya telah jelaskan intisari Dasar Ekonomi Baru yang terpenting apabila Tun Razak memulakan tugasnya sebagai Perdana Menteri pada 22hb September 1971. Pada keesokan harinya, Allahyarham Tun Razak mengumumkan penubuhan Kabinet barunya. Kabinet barunya inilah yang bertanggungjawab kepada cita-cita pengukuhan kuasa ekonomi yang dipancarkan dalam objektif Dasar Ekonomi Baru. Sekarang hampir sepuluh tahun cita-cita itu cuba direalisasikan oleh pemimpin-pemimpin muda UMNO yang radikal yang dalam zaman Tun

62 *Ibid.*

63 Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, Hodder and Stoughton, London, Second Edition 1976, hal. 394.

Razak adalah *instrumental* kepada dedikasi pengukuhan kuasa politik dan ekonomi orang Melayu. Dalam tempoh tersebut penentang-penentang, sembunyi atau terbuka, terhadap DEB implikasi politik dari dasar-dasarnya bukan menjadi rahsia lagi. Di samping DAP, parti-parti kaum imigran yang bergabung dalam Barisan Nasional juga telah menyatakan protest mereka. Dalam kata-kata Perdana Menteri Dato Hussein Onn sendiri:

You know people, like Lee Yan Lian (a multi-millionaire Chinese who has become the focus of Chinese clans and merchant guilds agitating for more economic clout) and others, who claim they are second class being deprived of what they consider Chinese culture! They still think of the China of 1901. This is also our tragedy. You take people like Tan Lark Sye (The millionaire and moving force behind the Chinese Language Nanyang University in Singapore), and others, half of them millionaires many times over. They say to us: 'You are no good, Malaysia is no good!

*My God! Do they know what happened to the Chinese in Vietnam? This, now this is the kind of thing the Malays have become very sore about.....*⁶⁴

Orang Melayu telah lama "*have become very sore*". Abdullah bin Abdul Kadir Munshi memperkatakannya sejak tahun 1838; reformis-reformis Islam mengulanginya pada permulaan Kurun ke 20; nasionalis-nasionalis Melayu melancarkan gerakan anti sikap dan anti dasar penjajah Inggeris dalam tahun 1930an kerana mengongkong perjuangan mereka untuk memperbaiki nasib jenerasi orang-orang Melayu, dan selepas Perang Dunia Kedua tugas memperjuangkan cita-cita nasionalisme Melayu disambung pula oleh Dato Onn. Sebelum Merdeka, penyelidik-penyelidik Melayu di universiti telah muncul dengan kaedah-kaedah saintifik untuk memperbaiki mutu hidup orang-orang Melayu di luar bandar. Sungguhpun orang Melayu telah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, sepuluh tahun sesudahnya

mereka mulai sedar bahawa antara *political nationalism* dan *economic nationalism* terdapat perbezaan-perbezaan yang amat membimbangkan. Sementara *economic ownership* atau kuasa ke atas ekonomi negara "*is an immigrant race's privilege*", orang-orang Melayu pula berasa tidak yakin terhadap kuasa politik mereka yang mula diancam oleh "*rule taunting of Malay bystanders by Chinese and Indian celebrants*". Kemudian, selepas sepuluh tahun pula, sejak 1969, usaha pemimpin-pemimpin Melayu untuk mengembalikan hak sejarah dan hak perlembagaan menerusi Dasar Ekonomi Baru dianggap oleh kaum imigran apa yang dinamakan, dalam perumpamaan Inggeris, merampas hak Peter untuk diberi kepada Paul. Sepuluh tahun sebelum 1969 penuntut-penuntut Melayu di Universiti Malaya berjumlah hanya 20 peratus dibandingkan dengan penuntut-penuntut kaum imigran. Dan hampir semua jumlah 20 peratus itu tertumpu kepada Jabatan Pengajian Melayu. Ramai di antara mereka sekarang menjadi teknokrat-teknokrat dan pemimpin negara yang merangka dasar-dasar kerajaan. Sekarang sepuluh tahun pula kita telah melintasi zaman sesudah peristiwa 1969 yang perit itu. Segala usaha pucuk pimpinan untuk meletakkan kedudukan orang Melayu pada paras yang dikira-kira boleh meluntur (kalaupun tidak meleburkan sama-sekali) perasaan ketegangan kaum telah tidak diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Sebaliknya, walaupun kedudukan kaum imigran (ekonomi, politik dan kerakyatan dan pelajaran) berlipat-kali ganda lebih baik dan lebih terjamin dari sepuluh tahun yang lalu, Dasar Ekonomi Baru yang berusaha untuk menghapuskan apa yang pada satu ketika dulu dianggap oleh kaum imigran sebagai "*rural mentality*" itu, telah dibesar-besarkan sebagai dasar pro Melayu. Keadaan sebenar bukan saja dikaburkan akan tetapi dilencungkan kerana pengkritik-pengkritik DEB telah kaya-raya dengan DEB itu sendiri.

Sebenarnya, DEB bukan saja suatu ekspresi kolektif yang diinspirasikan oleh seratus tahun kemunduran orang Melayu dan yang diledakkan dari fenomena ketegangan kaum, akan tetapi suatu natijah dari ekspresi nasionalisme Melayu yang berusia 53 (lima-puluh tiga) tahun, dikira dari tarikh Kesatuan Melayu Singapura tahun 1926 hingga sekarang. Dalam konteks perjuangan tahun 1920an itu, maka bolehlah dianggap bahawa perjuangan untuk menegakkan cita-cita DEB ini adalah "Wasiat Nasionalisme Melayu" yang dituntut oleh orang Melayu. Malah, perjuangan sekarang untuk menegakkan apa yang saya namakan sebagai hak sejarah dan hak perlembagaan itu sebenarnya

adalah suatu era, suatu ombak dari perjuangan "New Nationalism" orang-orang Melayu. Kesedaran pemimpin-pemimpin Melayu hari ini terhadap cita-cita dan ombak *Nationalisme Baru* inilah yang akan menentukan nasib dan haluan bangsanya dalam masa dua-puluh tahun atau lebih akan datang. Oleh sebab itu, kita harus merasa mudah untuk memahami mengapa dalam tahun-tahun 1970an ini, yang dimulakan dengan kepimpinan Tun Razak, tekanan pembangunan diberi kepada negeri-negeri Pantai Timur. Kekuatan atau kekokohan politik dan ekonomi orang-orang Melayu mempunyai sumber yang penting dari negeri-negeri ini.

Kita sebenarnya tidak ada jalan kedua. Jika kita melencung maka, untuk meminjam kata-kata ahli sosiologi Peter Worsley: "*Here is one portent of the desperate future awaiting countries which fail to use political independence as a springboard for social transformation.*"⁶⁵ Perubahan, kecil atau besar, mundur atau mara, ofensif atau defensif, radikal atau *defeatist*, *revolutionary* atau *evolutionary*, harus direstui dari puncak piramid kuasa.

65 Peter Worsley, *The Third World*, Weidenfeld and Nicolson, London, Fourth impression 1973, hal. 217.

MENILAI SEMULA PERANAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO

PRAKATA:

Pada 11 Mei 1980 genaplah 34 tahun usia UMNO, dan bagi Pergerakan Pemuda UMNO ia menyambut ulang tahunnya yang ke 32. Ketika UMNO dilahirkan dalam tahun 1946 orang-orang Melayu di Semenanjung sedang menghadapi krisis yang paling besar dalam sejarah mereka. Beberapa peristiwa permulaan yang berlaku di antara bulan Disember 1945 dan 1 April 1946, dalam jangka waktu empat bulan itu, menunjukkan satu bukti yang paling terang mengenai orang-orang Melayu; bahawa mereka sebenarnya menentang kaedah-kaedah apa yang sekarang dikenali dengan *pragmatisme and moderation*. Dengan lain-lain perkataan, semangat kebangsaan orang-orang Melayu adalah kuat dan sikap ini disimpulkan dalam kata-kata "tidak ada tolak ansur". Sesuai dengan keadaan dan situasi yang "revolutionary"¹ pada ketika itu, orang-orang Melayu sebetulnya mendokong satu pendirian yang teguh, terutama apabila berhadapan dengan masalah-masalah kuasa politik dan hak-hak mereka di tanah air mereka sendiri. Bagaimana dalam tahun-tahun selepas merdeka dan selepas 1951 orang-orang Melayu secara perlahan-lahan terjerumus ke dalam ikatan antara kaum dan tidak ekstrimis, adalah satu premis yang

1 Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union To Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-65*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974, hal. 25.

amat menarik untuk dikaji, yang seharusnya melibatkan pimpinan dan pentadbiran politik 12 tahun pertama selepas merdeka.

Sikap serta pendirian orang-orang Melayu yang kukuh dapat dilihat apabila pada 15 Disember 1945 seramai 10,000 orang telah menunjuk perasaan di Kota Baru, sebaik-baik saja Sir Harold Mac-Michael, yang diberi tugas oleh kerajaan Inggeris untuk berunding dengan Raja-raja Melayu mengenai cadangan untuk menubuhkan Malayan Union, tiba di ibu Negeri Kelantan itu. Pada 10 Februari 1946 seramai 15,000 orang Melayu telah menyertai tunjuk perasaan di Johor yang dianjurkan oleh Pergerakan Melayu Semenanjung Cawangan Negeri Johor, yang ketika itu dipimpin oleh Datok Onn bin Jaafar. Kemudian pada 1 Mac 1946, seramai 115 orang wakil dari sejumlah 42 buah pertubuhan-pertubuhan orang Melayu telah bertemu di Kuala Lumpur.² Peristiwa-peristiwa ini dalam sejarah penentangan orang Melayu terhadap percubaan yang menafikan hak-hak mereka adalah hanya detik-detik awal dalam kes Malayan Union. Tetapi tindakan dan bantahan orang Melayu ini berjaya menerapkan pesanan atau mesej bahawa jika Inggeris tidak mengindahkan bantahan-bantahan tersebut, orang-orang Melayu akan mengamuk. Peristiwa-peristiwa ini sengaja disebut untuk mengesahkan bahawa apa yang semestinya benar kepada setengah-setengah pemimpin yang mentadbirkan negara 12 tahun selepas merdeka, tidak semestinya benar pula dalam keadaan dan tuntutan baru orang-orang Melayu sekarang. Secara khusus, kes ini ada pertalian yang erat dengan pandangan-pandangan bahawa jika orang-orang Melayu mendapat seinci lagi dari apa yang telah ada pada mereka hari ini, negara akan menghadapi kekacauan yang hebat. Sebaliknya, sejarah membuktikan bahawa di antara akhir tahun 1945 dan pertengahan tahun 1946 orang-orang Melayu telah siap-sedia untuk menentang pentadbiran Inggeris dengan kekerasan jika dasar-dasar Malayan Union, yang menafikan hak orang-orang Melayu dan Raja-raja Melayu dan yang menyerapkan sebahagian besar hak orang-orang Melayu kepada orang bukan Melayu itu, tidak dibatalkan. Pada ketika itu Parlimen Inggeris di London telahpun memberi amaran kepada kerajaannya tentang kemungkinan orang-orang Melayu akan menentang balas, sebagaimana nasionalis-nasionalis Indonesia pernah memerangi Belanda dan sebagaimana

orang-orang India pernah menentang pentadbiran Inggeris di India.³ Kesimpulannya, apa yang benar di kalangan orang-orang Melayu dalam zaman krisis Malayan Union haruslah benar pula kepada orang-orang Melayu dalam tahun-tahun 1980an. Keduanya, adalah tidak benar dan menyeleweng untuk mengandaikan bahawa orang-orang Melayu tidak akan lebih militan jika peraturan "alliance" di antara kaum dilanjutkan dan jika semangat "tripartite" di kalangan parti-parti politik yang mewakili tiga kaum yang terbesar itu dikekalkan. Sekurang-kurangnya ada dua sebab besar yang memberi alasan kepada pembatalan peraturan-peraturan di atas. *Pertama*, apabila orang Melayu kian sedar bahawa tawar-menawar dalam rangka politik yang ada sekarang tidak berjaya untuk memperbaiki kedudukan mereka dalam bidang-bidang ekonomi dan politik; *kedua*, gerakan komunis di Malaysia yang dipimpin dan dianggotai oleh sebahagian besar orang Cina itu menunjukkan kecondongan untuk menerap lebih ramai pemuda-pemuda Cina dan akhirnya mengancam kesetabilan politik negara yang dipimpin oleh orang Melayu. Perkembangan yang kedua ini akan dapat dilihat sesudah krisis Kampuchea - Vietnam dan Afghanistan - Russia berakhir. Jika sesudah krisis tersebut China Komunis menunjukkan kecondongan untuk membantu komunis dalam negeri, yang dipimpin oleh orang-orang Cina itu, sebagai amalan tradisionalnya, maka kemungkinan orang Melayu akan mendokong dasar-dasar non-kompromi dengan parti-parti politik bukan Melayu mestilah diperhitungkan. Pada akhir dekad 80an ini sebilangan besar pemimpin-pemimpin parti politik yang instrumental kepada pentadbiran politik tahun 1950an dan 60an tidak mempunyai pengaruh lagi. Mereka adalah dari kumpulan pemimpin-pemimpin yang pernah tidak popular kepada golongan muda pada akhir tahun 1960an dahulu. Bermula pada awal tahun 1980an ini tempat-tempat mereka dalam parti dan kerajaan akan diambil-alih oleh golongan yang mahukan perubahan dalam pentadbiran politik. Sejak awal tahun 1970an sebilangan kecil dari kumpulan ini telah berjaya bertapak dalam parti dan kerajaan, tetapi oleh sebab pada awal tahun 1976 beberapa peristiwa besar dalam UMNO telah berlaku, kumpulan ini serta penyokong-penyokong mereka yang menentang kaedah pentadbiran tahun 1950an telah berselisih faham di atas isu-isu di sekitar kepimpinan parti.

3 *Ibid.*, hal. 35.

Pergerakan Pemuda UMNO adalah sebahagian dari pelakun-pelakun yang turut terlibat dalam krisis kepimpinan tersebut. Sungguhpun perselisihan pimpinan tahun 1976 itu tidak berjaya untuk meretakkan pimpinan Pergerakan Pemuda, ia telah menunjukkan suatu kecondongan yang jelas: bahawa Pergerakan Pemuda UMNO sedang menghadapi kemelut "dalam diri" yang melibatkan masalah identiti, objektif, cita-cita dan haluan perjuangan parti. Perkembangan ini mungkin "tangential" dalam pertumbuhan UMNO, tetapi jika ia berterusan Pergerakan Pemuda bukan saja akan gagal untuk memainkan peranan yang lebih besar untuk menentukan carta perjuangan parti, seperti konsolidasi kuasa politik, akan tetapi akan kekal sebagai "kerajaan dalam kerajaan" yang fungsinya sudah tentu akan mempersulitkan perjuangan UMNO.

PERKEMBANGAN SEBELUM AKHIR 1945: SATU MODEL

Sebelum bulan April/Mei tahun 1946 adalah sukar bagi mana-mana jua pemimpin Melayu sekonyong-konyong muncul untuk memimpin seluruh orang-orang Melayu di Semenanjung di bawah satu panji-panji perjuangan. Tetapi dalam bulan April 1946 Datok Onn bin Jaafar telah berjaya memimpin lebih daripada 40 buah pertubuhan orang Melayu yang mewakili lebih kurang 80 peratus orang Melayu yang berminat dengan perkembangan politik ketika itu. Sungguhpun angka ini tidak begitu dipersetujui oleh setengah-setengah ahli akademik kerana mereka menganggap hanya penghulu-penghulu dan pegawai-pegawai saja yang sebenarnya terlibat⁴, adalah sukar untuk dinafikan bahawa pada umumnya seluruh orang Melayu telah dapat merasa kesan dari cadangan untuk menubuhkan Malayan Union itu. Walau bagaimanapun, adalah penting kita mengambil ingatan bahawa pegawai-pegawai pentadbir Inggeris sedar sejak tahun 1930an orang-orang Melayu tidak pernah bersatu dalam merealisasikan cita-cita politik. Dalam tahun-tahun 1930an beberapa buah pertubuhan semi politik telah muncul tetapi hampir kesemuanya mendokong aliran-

4 Gordon P. Means, *Malayan Politics*, Hoddre and Stoughton, London, edisi kedua, 1976, hal. 100 dan 115.

aliran yang berbeza. Keadaan seperti ini berterusan sehingga selepas Perang Dunia Kedua, sehinggalah UMNO dapat ditubuhkan. Dalam pada itupun, beberapa buah pertubuhan-pertubuhan politik telah muncul dengan pemimpin-pemimpinnya menganut bermacam-macam aliran dan faham, dari nasionalisme kepada komunis dan, pada akhir tahun 1940an, muncul sayap agama dalam UMNO yang kemudian menubuhkan sebuah parti yang berasingan dan dikenali dengan Persatuan Islam Setengah Melayu atau Parti Islam Se Malaysia atau PAS. Perkembangan dalam perpaduan orang-orang Melayu umumnya dalam merealisasikan cita-cita politik jelas menunjukkan bahawa sebagai satu bangsa mereka telah berpecah. Oleh itu apabila Inggeris pulang ke Tanah Melayu pada akhir tahun 1945, mereka mendapati bahawa apa yang berlaku pada akhir tahun 1930an masih lagi benar selepas Perang. Sebetulnya, percubaan Inggeris untuk memaksakan Malayan Union ke atas orang-orang Melayu dan sekaligus memperakui Tanah Melayu sebagai hak yang sah bagi orang-orang bukan Melayu itu adalah usaha yang dilakukan dalam sedar, iaitu berdasarkan perpecahan dalam barisan orang Melayu sendiri. Inggeris cuba mengambil kesempatan dari perpecahan dalam kesatuan orang Melayu.

Sejarah telah membuktikan bahawa sehingga akhir 1945 bantahan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union adalah kecil, lemah dan tidak berkesan.⁵ Kerajaan Inggeris sedar bahawa rata-rata orang Melayu berasa terhutang budi kepada tentera-tentera Inggeris apabila mereka masuk semula ke Tanah Melayu selepas Jepun mengisytiharkan penyerahan diri. Pada waktu yang sama, pemimpin-pemimpin Melayu tradisional berasa bimbang terhadap tindak-balas Kerajaan Inggeris kerana panglibatan mereka (orang-orang Melayu) sebagai "tali-barut" tentera Jepun semasa penduduk Jepun. Di antara pemimpin-pemimpin ini yang dianggap membantu Jepun ialah Sultan Johor dan Tengku Abdul Rahman dari Kedah.⁶ Raja-raja Melayu pula tidak sabar untuk mendapatkan pengesahan British dalam jawatan masing-masing dan demikian juga halnya dengan pegawai-pegawai Melayu yang lain — kesemuanya tidak sabar dan menunggu dengan penuh harapan untuk mendapatkan cop (chop) Inggeris bahawa mereka bersih dari tuduhan British Intelligence. Kelambatan dan kelemahan dalam tindakan dan

5 Mohamed Noordin Sopice, *Op. cit.*, hal. 22.

6 *Ibid.*

tindak-balas orang Melayu terhadap sebarang rancangan Inggeris untuk mengubah pentadbiran politik selepas Perang adalah juga kerana tekanan rejim Jepun ke atas aktiviti politik orang Melayu. Di samping itu, sultan-sultan juga dinasihatkan oleh MacMichel supaya tidak memberitahu sesiapa mengenai tindakan menurun tanda-tangan perjanjian Malayan Union.⁷ Orang-orang Melayu pada umumnya pula menganggap mereka akan diberitahu oleh pemimpin-pemimpin mereka mengenai apa saja perkembangan setelah Inggeris berkuasa semula di Tanah Melayu.

Akan tetapi menjelang April 1946 perubahan telah berlaku dengan cepat. Dalam masa yang singkat UMNO telah berubah dari sekumpulan pertubuhan Melayu kepada sebuah parti politik yang kukuh. Yang lebih penting, UMNO telah wujud sebagai sebuah sistem perhubungan politik yang berkesan.⁸ Orang-orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan dengan sendirinya menjadi pemimpin-pemimpin UMNO. Menerusi jawatan mereka dalam perkhidmatan kerajaan mereka menggunakan struktur pentadbiran Negeri-negeri Melayu untuk tujuan mobilisasi politik orang-orang Melayu. Dengan ini pegawai-pegawai kanan dalam perkhidmatan kerajaan telah dapat menyusun orang-orang Melayu dalam jabatan-jabatan kerajaan di peringkat jajahan dan daerah, yang kemudian mendapat pertolongan penghulu-penghulu untuk mengumpul sokongan di peringkat bawah. Dengan cara ini struktur kuasa masyarakat Melayu tradisional telah bertukar menjadi sebuah parti politik yang besar dan menyeluruh.⁹

Sebenarnya perkembangan politik pada akhir tahun 1945 dan awal 1946 telah memperakui bahawa perpecahan di kalangan orang Melayu dan dalam barisan mereka mendatangkan banyak mudarat kepada kuasa politik dan masa depan mereka. Sebagaimana yang telah disaksikan, perpecahan dalam barisan perpaduan Melayu dengan mudah diambil kesempatan oleh musuh-musuh untuk melemahkan daya fikiran dan tindakan yang berkesan. Dalam situasi krisis kesatuan pimpinan boleh pecah kerana terdapat pandangan-pandangan bebas untuk menjaga kepentingan diri sendiri dan tidak kepentingan kolektif. Kehadiran orang-orang yang berpengaruh dan kedudukan yang baik

7 *Ibid.*

8 *Means, Op. cit.*, hal. 100.

9 *Ibid.*

dan terjamin dalam situasi seumpama itu boleh menjejaskan kepentingan umum, kepentingan rakyat dan kepentingan negara, jika mereka (a) gagal mengenai pripriti dan membuat pilihan dan (b) gagal menterjemah sesuatu situasi ke dalam satu tindakan yang padu dan berkesan untuk umum. Pada beberapa tempat dalam sejarah perjuangan parti, Pergerakan Pemuda UMNO telah melalui pengalaman-pengalaman ini dengan kesan-kesan yang tidak mudah hilang dari lipatan masa. Barangkali yang lebih penting dari model 1945/46 itu ialah komunikasi, bukan dailog. Dailog tanpa komunikasi yang berkesan, licin dan "sustained" atau berkelan sama tidak berfaedah dengan komunikasi tanpa dailog yang jujur dan bersefahaman antara dua pihak. Pada masa-masa yang sudah ada dailog antara Pergerakan Pemuda UMNO dan badan induknya, tetapi tidak ada komunikasi. Lebih kerap dari tidak, dailog-dailog seumpama itu adalah demonstrasi dari satu pihak untuk menunjukkan kekuatan atau "show of strength" kepada pihak yang lain. Perhubungan adalah *in communicado*. Seperti yang telah berlaku seketika di antara bulan Disember 1945 dan April 1946, rakyat atau orang-orang Melayu umumnya hampir tidak mengetahui apa yang telah terjadi antara wakil Inggeris dan Raja-raja Melayu. Jika tidak kerana syak-wasangka setengah-setengah Raja-raja Melayu terhadap Inggeris ketika itu, dan jika Raja-raja Melayu itu sendiri memikirkan taraf dan kedudukan mereka lebih penting dari kesejahteraan orang-orang Melayu, nescaya tidak ada sejarah UMNO yang boleh kita perkatakan pada hari ini. Perkembangan pada awal tahun 1946 juga menunjukkan bahawa orang Melayu tidak akan bertolak ansur untuk memberi sokongan bulat dan kuat kepada pemimpin-pemimpin mereka, jika isu-isu yang meminta sokongan mereka itu melibatkan hak-hak mereka, melibatkan kuasa politik dan perkara-perkara yang ada sangkut-paut dengannya serta masa depan mereka di tanah air mereka sendiri. K. J. Ratnam dengan tepat sekali menyebut semangat orang-orang Melayu ketika itu demikian: "*What in fact proved to be literally overwhelming was the party's success in writing the entire Malay community into a determined and demonstrative political army.*"¹⁰

10 K. J. Ratnam. *Communalism and the Political Process in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, Reprint. 1967, hal 145.

PERGERAKAN PEMUDA DAN PARTI-PARTI POLITIK SELEPAS PERANG:

Untuk memahami sifat-sifat dan ciri-ciri perjuangan Pergerakan Pemuda UMNO, kita harus memahami titik-tolak dalam perjuangan UMNO itu sendiri dan kemunculan parti-parti politik Melayu dan bukan Melayu sekitar 1940an, terutama selepas 1945. Asal-usul dan peranan kebanyakan parti-parti politik selepas 1845 boleh difahami dengan mengikuti latar belakang percubaan Inggeris untuk melaksanakan eksperimen pentadbiran politik di Tanah Melayu. Kita telah menyaksikan bahawa akibat percubaan Inggeris untuk melaksanakan cadangan-cadangan Malayan Union dan mengikis hak-hak istimewa orang Melayu, nasionalisme telah diledakkan oleh masyarakat itu untuk menentang usaha-usaha penjajah. Dalam kesibukan orang-orang Melayu mempertahankan maruah bangsa dan keturunannya, golongan-golongan lain dari kalangan bukan Melayu juga telah muncul untuk memperjuangkan apa yang pada ketika itu mereka sifatkan sebagai hak-hak mereka. Inggeris sudah tentu bertindak sebagai juara dalam melaksanakan cita-cita masyarakat bukan Melayu — komunis dan bukan komunis. Akan tetapi, pada setiap waktu dalam saat-saat yang tidak tenteram dan tidak bertahuan itu, orang Melayu terus-menerus menguasai pentas politik.

Memang pada asal lahirnya lagi UMNO adalah sebuah parti politik orang Melayu yang memperjuangkan hak-hak bagi masyarakat orang Melayu. Pada pokoknya UMNO ialah sebuah parti politik perkauman Melayu. Tidak ada tolak-ansur mengenai sifat dan perjuangannya ini. Malah, dalam zaman pendudukan Jepun lagi orang-orang Melayu telah berusaha untuk mewujudkan sebuah "Kerajaan Melayu" dalam sebuah entiti politik yang lebih luas. Oleh sebab itu, pendirian orang Melayu selepas Perang sedikit-sebanyak telah dipengaruhi oleh kedudukan mereka dalam menghadapi masyarakat bukan Melayu dalam zaman Jepun. Sungguhpun pada ketika itu ada kecondongan untuk menganggap bahawa UMNO hanya berminat untuk memulihkan semula *status quo* tradisional dan mungkin tidak berminat untuk mewujudkan perubahan dalam masyarakat Melayu, pandangan ini adalah bersifat sementara dan berpandukan keadaan-keadaan dan halangan-halangan pada ketika itu. Pandangan kita di sini bukan bermakna bahawa UMNO pada ketika itu mungkin bersetuju dengan nasionalis-nasionalis anti-feudal, tetapi sebaliknya UMNO mungkin

bersetuju dengan formula-formula yang lain dari republikanisme dan berbeza dari keperluan-keperluan yang hanya berminat untuk memulihkan *status quo*. Dalam menghadapi "bahaya dari gunung" dan bahaya memberi kerayatan kepada orang-orang bukan Melayu, UMNO bukan tidak mungkin akan merujuk kepada formula dari gabungan unsur-unsur dari *status quo* dan unsur-unsur dari republikanisme. Satu faktor penting dalam perkembangan awal UMNO ketika itu ialah kejayaan pemimpin-pemimpinnya meyakinkan Raja-raja Melayu terhadap akibat dari rancangan-rancangan Inggeris. Malah, pemimpin-pemimpin Melayu ketika itu telah memberi amaran kepada Raja-raja Melayu bahawa mereka (Raja-raja) tidak akan mempunyai pengikut dari kalangan orang-orang Melayu sekiranya Raja-raja Melayu enggan patuh kepada nasihat mereka.¹¹ Keadaan ini dengan jelas menunjukkan bahawa UMNO ialah sebuah parti politik yang asalnya mendokong perkauman Melayu. Untuk mengetahui keadaan dan fikiran orang Melayu pada ketika itu, iaitu dalam tahun 1948 - tahun Pergerakan Pemuda UMNO lahir - satu senarai perkembangan di kalangan masyarakat bukan Melayu dan dalam parti-parti politik Melayu yang lain adalah penting.

Pada akhir tahun 1948 Datok Onn bin Jaafar telah pergi ke London untuk meminta dari Inggeris supaya penyertaan orang Melayu dalam pentadbiran Persekutuan diperbesar. Ini termasuk meminta Inggeris melantik orang Melayu sebagai ketua bagi beberapa jabatan dalam pentadbiran awam dan melantik seorang pemimpin Melayu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Datok Onn juga meminta Inggeris supaya memberi 10 juta paun dalam jangka waktu lima tahun untuk projek-projek pembangunan ekonomi bagi orang Melayu. Permintaan ini dengan jelas membuktikan bahawa sejak tahun 1948 lagi orang Melayu telah mula memikirkan unsur-unsur politik dan ekonomi dalam pentadbiran kerajaan dan bagaimana kedua-duanya boleh memperkokohkan kuasa politik orang Melayu. Tuntutan Datok Onn ini menyebabkan orang Cina tidak begitu senang. Misalnya, telah ada percubaan di kalangan orang-orang Cina ketika itu untuk memisahkan Pulau Pinang dari pentadbiran Persekutuan. Orang-orang Cina yang mempunyai bilangan penduduk yang lebih ramai dari orang Melayu di Pulau Pinang dan Province Wellesley mula menentang cadangan-

11 *Ibid.*

cadangan untuk mengembalikan pentadbiran politik kepada orang Melayu¹². Walau bagaimanapun, percubaan orang Cina untuk memisahkan Pulau Pinang dari pentadbiran persekutuan telah bermula lama sebelum 1948.

*The Penang secession movement of 1948-9 was not a sudden bolt out of the blue. Its roots may be traced to the period even before the Federation of Malaya was formed and to the dissatisfactions revolving around the dismantling of the Straits Settlements, Penang's inclusion in the Malayan Union, her projected inclusion in the Federation, and other issues which were seen to be related to them.*¹³

Penubuhan UMNO dalam tahun 1946 sebenarnya mendapat tentangan politik yang serious dari kalangan orang bukan Melayu, yang tidak dapat disangkal lagi mempengaruhi pandangan-pandangan politik Datok Onn bin Jaafar dan kemudian Tunku Abdul Rahman Putra. Dalam bulan Disember 1945, iaitu pada ketika orang Melayu mula-mula menentang Malayan Union, sebuah parti politik yang bernama *Kesatuan Demokratik Malaya* atau *Malayan Democratic Union (MDU)* telah ditubuhkan. Ketika ditubuhkan parti ini bersifat tidak perkauman tetapi lama-kelamaan ia telah berkembang dan perlahan-lahan menjadi sebuah parti politik yang memperjuangkan hak-hak orang bukan Melayu. Ketika UMNO ditubuhkan, MDU telah meletakkan kedudukannya sebagai penentang yang kuat kepada parti orang-orang Melayu itu dengan harapan perjuangan orang-orang bukan Melayu akan memberi kesan kepada nasionalisme Melayu yang sedang merebak ketika itu. Dalam bulan Disember 1946, parti MDU memberi sumbangan yang tidak sedikit kepada penyubuhan *All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA)*. Yang lebih penting dalam perkembangan MDU untuk menentang pengaruh UMNO ialah parti-parti yang menjadi gabungan/ahli AMCJA. Parti-parti tersebut ialah *Parti Kebangsaan Melayu (PKM)*, *Persatuan Kesatuan Sekerja Se Malaya* (yang kemudian terjatuh ke

12 *Ibid.*, hal. 146.

13 Mohamad Noordin Sopiee, *Op. cit.*, hal. 57.

tangan komunis), *Kongres Kesatuan Malaya, Malayan Peoples' Anti-Japanese Army Old Comrades Association, Malayan New Democratic Youth, Angkatan Wanita Sedar dan Angkatan Pemuda Insaf*.¹⁴ Sebagai sebuah parti politik yang dianggotai oleh orang-orang bukan Melayu dari Negeri-negeri Selat, terutama Singapura, pandangan MDU terhadap orang-orang Melayu adalah kritis. John Eber, salah seorang pemimpinnya, telah mengkritik bukan saja orang-orang Melayu akan tetapi juga Raja-Raja Melayu sebagai saki-baki feodal yang tidak sesuai dengan demokrasi¹⁵. Mereka telah memperjuangkan hak sama rata bagi semua kaum dan mendokong kemasukan kesatuan sekerja dan buruh dalam parti-parti politik¹⁶. Satu perkembangan yang menarik dalam MDU ialah parti ini telah dipengaruhi oleh *Parti Komunis Malaya (PKM)*¹⁷, dan pada awal tahun 1950an ia telah dikaitkan dengan *Parti Tindakan Rakyat (PAP)* Singapura di bawah pimpinan Lee Kuan Yew. Sebaik-baik saja PAP ditubuhkan dalam bulan November 1954, komunis di Singapura telah diarahkan menyusup dalam parti itu dan memperkembangkannya (PAP) sebagai platform untuk memperjuangkan objektif-objektif Parti Komunis Malaya. Menurut Means, Lee Kuan Yew sendiri nampaknya telah mempelawa komunis dalam partinya tetapi pada masa yang sama berusaha untuk menentukan bahawa PAP tidak dikuasai oleh komunis.¹⁸

*Under Lee Kuan Yew's leadership, the Party seemed to welcome Communist support while seeking to prevent the party's capture by the pro-Communists operating within it. At one point he even announced that the PAP did not differ from the Communists in the "ultimate objectives" of "building a socialist Malaya", but did that the PAP differed on the question of methods to be employed.*¹⁹

14 Ratnam, *Op. cit.*, hal. 147.

15 Means, *Op. cit.*, hal. 83.

16 *Ibid.*

17 Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades - A Study of the Communist United Front in Malaya, 1945-48*. Times Books International, Singapore, 1979, hal. 133.

18 Means, *Op. cit.*, hal. 284.

19 *Ibid.*

Pada akhir tahun 1946 sebuah lagi parti yang memperjuangkan nasionalisme Melayu telah ditubuhkan. Parti ini ialah *Parti Kebangsaan Melayu Se Mal'ya (PKM)* yang ditubuhkan oleh Mokhtaruddin Lasso, seorang anggota komunis. Beliau dilahirkan di Indonesia dan mendapat latihan politik dari Parti Komunis Indonesia dan di Moscow. Dalam pimpinannya ia telah memperkenalkan tokoh-tokoh komunis seperti Sultan Djenain, Abdullah C. D. dan Rashid Mydin dalam politik kiri di Tanah Melayu. PKM mempunyai dua sayap politik yang penting dalam usahanya untuk mendapatkan keanggotaan di kalangan orang-orang Melayu. Cawangan-cawangan ini ialah *Angkatan Pemuda Insaf (API)* dan *Angkatan Wanita Sedar (AWAS)*. Sayap pemudanya, API, dipimpin oleh Ahmad Boestaman, manakala sayap wanitanya, AWAS, dipimpin oleh Shamsiah Sutan Pakeh²⁰. Pada dasarnya PKM memperjuangkan penubuhan "Malaya Merdeka" dalam lingkungan Indonesia Raya. Tetapi apabila Dr. Burhanuddin Al-helmi mengambil-alih kepemimpinan dari Mokhtaruddin Lasso, PKM telah cuba menerima konsep Malayan Union.²¹ Pada akhir tahun-tahun 1960an, PKM telah menubuhkan *Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)* iaitu gabungan pertubuhan-pertubuhan dan parti politik Melayu untuk membincangkan cadangan Inggeris untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Sebetulnya, PUTERA sendiri adalah sebuah badan gabungan parti-parti politik Indonesia yang ditubuhkan oleh Sukarno dalam tahun 1943. Ketika dianjurkan di Tanah Melayu oleh PKM, Pusat Tenaga Rakyat adalah bertujuan untuk menghalang cadangan-cadangan Perjanjian Persekutuan dengan mengemukakan cadangan-cadangannya sendiri kepada Inggeris. Dalam usaha-usaha ini PUTERA telah terlibat dengan gerakan kiri dan dipengaruhi oleh komunis. Pada akhir tahun 1948 kegiatan PUTERA disyakki dan dalam tahun 1950 badan induknya, PKM, diharamkan. *Adalah penting diperhatikan bahawa pada akhir tahun 1948 orang-orang Melayu telah menghadapi satu lagi ancaman mengenai nasib mereka sendiri di Tanah Melayu. Keadaan ini dalam sejarah politik orang Melayu menimbulkan krisis perlembagaan, kerana pertubuhan-pertubuhan politik Melayu yang lain juga*

20 Lihat kertaskerja Alias Mohamed, "Akar dan Asas-Asas Perjuangan Parti Islam Se Malaysia (PAS) 25 Tahun: Nasionalisme, Sosialisme dan Islam," *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, Pada 8 - 10 September 1979, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

21 Means, *Op. cit.*, hal. 90 dan 96.

mengambil kesempatan dari keadaan seperti itu untuk mempengaruhi nilai-nilai politik mereka ke atas pentadbiran Inggeris. Golongan-golongan lain, seperti parti-parti dan persatuan-persatuan politik Cina, yang terdiri dari nasionalis-nasionalis yang mengkiblatkan China dan taat kepada Queen, golongan komunis PKM dan sosialis, kesemuanya memberi corak kepada fikiran serta identiti perjuangan UMNO pada masa itu. Tidak kurang penting dalam situasi yang gawat itu ialah pengaruh dari orientasi Islam, seperti Hizbul Muslimin atau MATA.

PKM yang ditubuhkan dengan resminya pada tahun 1946 itu sebenarnya telah menolong mencetuskan dua lagi gerakan politik di Tanah Melayu. Parti-parti ini ialah *Barisan Tani Se Malaya* dan *Majlis Islam Tertinggi* (MATA). Atas sebab-sebab yang tidak jelas, MATA kadang-kadang dikenali sebagai Hizbul Muslimin dan dipimpin oleh Abu Bakar Al-Bakir, seorang guru dan pengasas sekolah Agama Maahad Il-Ihya Asshariff Gunung Semanggul²². MATA memberi tumpuan yang besar kepada pentadbiran Islam di negara ini. Menurut pertubuhan ini, Raja-raja Melayu tidak layak untuk membuat keputusan-keputusan mengenai Islam dan ia menuntut supaya pemusatan pentadbiran Islam diwujudkan²³. Pendek kata, cabaran terhadap UMNO dan percubaannya untuk mendapatkan simpati Inggeris adalah banyak, dari golongan-golongan nasionalis yang berkiblatkan kepada Sukarno dan yang mencari tapak serta panduan dalam Islam kepada golongan-golongan sosialis dan komunis. Di kalangan masyarakat Cina Parti UMNO mendapati masyarakat tersebut dibantu oleh Inggeris. Dalam konteks antarabangsa, UMNO dicabar oleh Marxist-Leninist yang didokong oleh sebilangan besar orang-orang Cina. Dalam tahun 1948 Datuk Onn bin Jaafar memikirkan perlu pengaruh UMNO diperbesarkan di kalangan pemuda-pemuda dan wanita. Untuk menentang "bahaya dari gunung" UMNO telah mewujudkan sayap agama dalam parti itu. *Dalam keadaan kekaburan masa depan inilah Pergerakan Pemuda UMNO dilahirkan.* Pada ketika itu Pergerakan Pemuda dipimpin oleh Datuk Hussein Onn, iaitu putera kepada pengasas UMNO itu.

22 Untuk sejarah Abu Bakar Al-Bakir, lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il-Ihya Asshariff Gunung Semanggul 1935-57*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1976.

23 Lihat Y. Mansoor Marican, "Malay Nationalism and the Islamic Party of Malaysia," *Islamic Studies*, No. 1, Vol. XVI, Spring 1977, hal. 296.

PERGERAKAN PEMUDA DALAM TAHUN 1950an:

Datuk Hussein Onn tidak kekal lama sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO yang pertama. Dalam bulan Jun 1951, bersama-sama ayahnya, Datuk Onn bin Jaafar, Datuk Hussein meletakkan jawatan dan keluar dari UMNO untuk menubuhkan Parti Malaya Merdeka (I. M. P. – Independence of Malaya Party). Ketika itu Datuk Hussein tidak lagi menjadi Ketua Pergerakan Pemuda kerana pada tahun sebelumnya beliau telah dipilih menjadi Setiausaha Agung UMNO. Tun Abdul Razak baru saja pulang dari London. Secara kebetulan, sewaktu beliau menghadiri mesyuarat agung Pemuda UMNO di Kelab Sulaiman, namanya telah dicadang untuk memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda yang kosong itu. Tun Razak juga tidak lama memegang jawatan tersebut. Dalam bulan Ogos 1951, beliau telah dicalonkan sebagai Timbalan Presiden UMNO Malaya. Pada masa itu Tun Razak baru berusia 29 tahun. Tun Razak telah memegang jawatan ini selama hampir 20 tahun, sehingga 23 Januari 1970 apabila beliau dilantik menjadi Perdana Menteri menggantikan Tunku Abdul Rahman Putra.²⁴

Satu hal yang amat penting diperhatikan mengenai peranan Pergerakan Pemuda ialah bahawa selama hampir 20 tahun sehingga pada akhir tahun 1960an, sayap kanan UMNO ini adalah solid di belakang pertubuhan induknya. Mula-mula Pergerakan Pemuda telah dipimpin oleh Datuk Hussein Onn. Oleh kerana UMNO dipimpin oleh ayahnya sendiri, maka adalah sukar untuk kita memahami kemungkinan-kemungkinan terdapat isu-isu yang boleh menyebabkan anak dan bapa tidak boleh menyelesaikannya di atas meja makan. Sungguhpun pada akhir tahun 1940 dan awal 1950an Pergerakan Pemuda berada dalam pimpinan Datuk Hussein, dan kerana itu mungkin mudah orang menganggap pergerakan itu tidak kontroversial dan tidak memperjuangkan isu-isu yang boleh menolong memperkokohkan kedudukan UMNO, bukti-bukti di sekitar dua atau tiga tahun perkembangan awalnya menunjukkan bahawa pergerakan itu turut terlibat dalam proses membentuk perlembagaan. Kita boleh menyaksikan bahawa di sekitar akhir tahun 1940an UMNO telah terjerumus dalam krisis

24 William Shaw, *Tun Razak – His Life and Times*, Longman, Kuala Lumpur, 1976, hal. 84.

mewujudkan identiti bangsa. Banyak pertubuhan-pertubuhan politik dan persatuan-persatuan yang mewakili orang-orang Cina dan yang mewakili berbagai-bagai ideologi, telah muncul untuk membantu perjuangan masing-masing. Parti Kebangsaan Melayu (PKM) di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin, misalnya, beberapa kali telah mengancam keutuhan UMNO, sementara objektif-objektif UMNO sendiri telah digoncangkan oleh keadaan dan tenaga-tenaga perkauman yang datang dari Persatuan Islam Se Malaya dan dasar-dasar PKM dan PUTERA-AMCJA. Dalam tahun 1950, dengan pengharaman ke atas PKM dan, terdahulunya, MDU, orang-orang Melayu bolehlah dikatakan telah dapat menyedut nafas semula. Akan tetapi, pada awal tahun 1950an UMNO telah berada di tahap pertama ujian di mana isu-isu mengenai kerakyatan mula dinilai semula oleh orang Melayu. Kesan dari penilaian ini dapat disaksi apabila dalam tahun 1955 Parti PAS telah didaftarkan untuk bertanding dalam Pilihanraya Malaya yang pertama. Jika rekod-rekod mengenai kegiatan Pergerakan Pemuda tidak diperolehi pada masa itu, tanggungjawab ini haruslah dipikul oleh Pergerakan Pemuda kerana tidak mengambil berat dalam sejarah dan perkembangan pergerakan mereka sendiri.

Perkembangan dalam Pergerakan Pemuda di antara tahun 1950-51 tentu tidak kurang menarik. Sungguhpun Tun Razak menjadi Ketua Pergerakan Pemuda hanya untuk lebih kurang setahun, dalam tahun 1951 satu perkembangan yang besar telah berlaku dalam UMNO. Pada bulan Jun tahun tersebut, Datok Onn bin Jaafar telah meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO. Tindakannya ini ada hubungan dengan perkembangan dua tahun sebelum itu. Dalam bulan Januari 1949, sebuah jawatankuasa yang diberi nama *Jawatankuasa Perhubungan Kaum* telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah mengenai kerakyatan, dasar pelajaran, pilihanraya dan perkara-perkara bersabit dengan ekonomi orang Melayu.²⁵ Sementara Jawatankuasa ini tidak pernah berjaya dengan tugasnya untuk mewujudkan sesuatu formula yang tidak perkauman mengenai masa depan Malaya, ia telah memberi pelajaran bahawa tolak-unsur mengenai soal-soal perkauman memerlukan perundingan-perundingan sulit di antara ketua-ketua kaum. Datok Onn bin Jaafar tidak berpeluang untuk mengeksperimen secara berkesan kaedah dan pendekatan ini untuk menyelesaikan masalah-masalah

25 Means, *Op. cit.*, hal. 123.

perkauman. Tetapi selama ini hampir 20 tahun, yang berakhir pada tahun 1969, pendekatan ini telah dirintis oleh Tunku Abdul Rahman Putra dengan akibat-akibat yang buruk kepada negara dan orang-orang Melayu. Kita telah menyaksikan bahawa di antara akhir tahun 1945 dan pertengahan tahun 1946, pendekatan seperti ini hampir-hampir menjerumuskan orang Melayu, jika tidak dengan kewarasan beberapa orang Sultan yang membocorkan rahsia mengenai teknik-teknik MacMichael kepada orang-orang Melayu. Oleh kerana sikap serta pendiriannya yang terbuka Datok Onn, berbeza dengan Tunku Abdul Rahman, telah dua kali membuktikan keikhlasan dirinya. Kali pertama ialah ketika

ia berjuang untuk menumpaskan Malayan Union. Sikapnya pada ketika itu adalah tegas, iaitu berusaha untuk mengembalikan hak-hak tradisional orang Melayu di tanah air mereka sendiri. Pendiriannya terhadap Inggeris adalah kokoh. Oleh sebab itu perjuangannya untuk membela nasib orang-orang Melayu telah berjaya. Tetapi dalam tahun 1951 dan tahun-tahun selepas itu dalam Parti Malaya Merdeka dan Parti Negara, Datok Onn telah menjadi mangsa keikhlasannya sendiri. Dalam sejarah perjuangannya, Datok Onn bin Jaafar telah menampakkan dirinya sebagai seorang pemimpin yang tidak bersedia untuk menentukan nasib masa depan bangsanya dalam perundingan-perundingan di belakang tabir. Dia tidak bersedia untuk mengorbankan cita-cita satu bangsa tanpa persetujuan bangsa itu. Dia mungkin seorang anggota dalam Jawatankuasa Perhubungan Kaum, tetapi dia tidak dapat ber-setuju dengan keputusan-keputusan yang dideraf di belakang mata

dan telinga akhbar. Datok Onn telah bertindak dengan meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO bukanlah kerana dia tidak bersetuju dengan dasar-dasar UMNO itu semata-mata ketika itu, terutama mengenai kemasukan ahli-ahli bukan Melayu dalam parti orang Melayu itu. Itu bukan perkara *bacis*. Yang pokok kepada Datok Onn ialah ia percaya dan yakin kepada perjuangannya pada ketika itu. Dan oleh kerana itu dia tidak sanggup memimpin sebuah perjuangan dengan mata yang sepet, dan yang dasar-dasarnya ia sendiri tidak menyokong. Seperti ayahnya, Datuk Hussein Onn meninggalkan UMNO kerana ia sendiri yakin kepada perjuangan yang hati dan nuraninya sanggup menyokong saja. Ketika itu keyakinannya ialah terhadap fahaman politik yang berbilang kaum, sekurang-kurangnya untuk sementara waktu. Dan dia tidak sanggup, seperti yang dipercayainya hingga sekarang, bertindak seperti kerambit yang makannya serung.

Sewaktu Datuk Onn Jaafar meletakkan jawatan Presiden UMNO Tun Abdul Razak ialah Ketua Pergerakan Pemuda. Dia dipilih menjadi Timbalan Presiden UMNO pada bulan Ogos 1951, iaitu kira-kira dua bulan setelah Datuk Hussein meletakkan jawatan. Pada masa itu Persatuan Islam, sayap agama dalam UMNO, belum lagi meninggalkan UMNO untuk menubuhkan persatuan itu sebagai sebuah parti politik. Tetapi dalam satu sidangnyanya di Kepala Batas dalam tahun tersebut, ia telah menukar namanya menjadi *Persatuan Islam Se Malaya* atau PAS dengan keputusan untuk tidak melibatkan diri dalam politik. Selepas persidangan di Kepala Batas inilah Persatuan Islam mengambil keputusan untuk tidak berkerjasama dengan UMNO²⁶. Pergerakan Pemuda UMNO telah mula bertukar tangan, dari Tun Abdul Razak kepada Tun Sardon Jubir ketika perhubungan antara UMNO dan Persatuan Islam/Ulama sedang mengalami keretakan. Boleh dikatakan pada masa Tun Sardon menjadi Ketua Pergerakan Pemuda, UMNO banyak menghadapi cabaran yang mempunyai potensi untuk memecahkan parti politik itu. Dari PAS saja, yang mula memasuki pilihanraya 1955 untuk menentang UMNO dan akhirnya menjadikan UMNO musuh tradisionalnya, Parti UMNO tidak mungkin begitu yakin terhadap pengundi-pengundi Melayu, terutama di kawasan-kawasan Pantai Timur dan Utara Semenanjung. Keduanya, UMNO menghadapi Parti Negara yang dipimpin oleh Datuk Onn. Dalam Pilihanraya Malaya pertama dalam tahun 1955, pengundi-pengundi Melayu berjumlah lebih dari satu juta orang²⁷. Dari angka ini lebih kurang 60 peratus terdiri daripada pemuda-pemuda yang diperlukan oleh UMNO untuk memenangi keyakinan mereka. Dari segi bilangan calon yang mewakili parti-parti Melayu, Parti Negara meletakkan seramai 29 orang calon Melayu (tidak termasuk 1 Cina), Parti PAS 11, Persatuan Kebangsaan Perak 8 (tidak termasuk 1 Cina dan Liga Melayu Perak 3. UMNO telah meletakkan 35 orang calon Melayu. Selain dari itu, calon-calon bebas meletakkan seramai 16 orang calon Melayu. Sungguhpun di kebanyakan kawasan pilihanraya pertandingan adalah lebih daripada dua penjuru, perebutan adalah serious. Dalam keadaan seperti ini,

26 Y. Mansoor Marican, *The Political Accommodation of Primordial Parties: D.M.K. (India) dan PAS (Malaysia)*, Ph.D. Thesis, University of British Columbia, 1976.

27 Ratnam, *Op. cit.*, hal. 187.

adalah luarbiasa jika Pergerakan Pemuda UMNO tidak memainkan peranan yang besar untuk menentukan yang ia serta UMNO dapat memenangi sebilangan besar pengundi, terutama golongan muda.

Dalam Pilihanraya Umun Pertama 1959, pertandingan antara parti-parti politik Melayu boleh dilihat dari angka calon-calon yang mewakili parti masing-masing. UMNO meletakkan seramai 69 orang calon, PAS 58, dan Parti Negara 10. Ini tidak termasuk 11 orang calon Melayu yang mewakili Sosialis Front²⁸. Dalam pertandingan untuk merebut sejumlah 104 buah kerusi Dewan Rakyat dalam tahun 1959 itu, bilangan calon Melayu saja ialah 159 orang, berbanding dengan hanya 79 Cina dan 23 India²⁹. Dalam pilihanraya tersebut juga satu perkembangan baru telah timbul. Dalam masyarakat Melayu, guru-guru sekolah dan guru-guru agama adalah golongan yang penting dalam menentukan sokongan kepada parti. Oleh itu, kesusahan dan tuntutan mereka tidak boleh dipandang kecil oleh UMNO. Jika tidak, golongan ini akan menyalurkan sokongan kepada PAS. Dalam tahun 1958, sebahagian besar dari guru-guru Melayu telah keluar dari Parti UMNO kerana dakwaan-dakwaan mereka bahawa kerajaan tidak berat tentang dasar pelajaran³⁰. Sungguhpun Tun Sardon Jubir pernah dikatakan mengambil peranan dalam menentukan tarikh Malaya merdeka, mengajak D. N. Aidit bertumbuk kerana kononnya didorong oleh "semangat mahu mempertahankan negara", memeriksa barisan Pemuda UMNO dan sebagainya, peranannya pada akhir tahun 1950an dan awal tahun 1960an tidaklah lebih besar dari menggerakkan tenaga Pergerakan Pemuda untuk memecahkan barisan parti-parti pembangkang Melayu dan bukan Melayu ketika itu. Bahawa dalam saat-saat yang genting dalam tempoh 10 tahun Tun Sardon mengendalikan Pergerakan Pemuda, ia telah berjaya memperkokohkan kedudukan UMNO dengan rakan-rakannya, dengan jelas menunjukkan bahawa ada jasa yang diberikan oleh beliau kepada negara dan keutuhan Pergerakan Pemuda UMNO khususnya.

Sepanjang tahun 1950an Pergerakan Pemuda telah berpengalaman mempunyai tiga orang pemimpin. Bahawa Pergerakan itu bebas dari kontroversi-kontroversi yang boleh mengancam kesetabilan UMNO

28 *Ibid.*, hal. 202.

29 *Ibid.*

30 K. J. Ratnam and R. S. Milne, *The Malayan Parliamentary Election of 1964*, University of Malaya Press, Singapore, 1967, hal. 428.

dengan sendirinya membuktikan bahawa wujud komunikasi yang berkesan di antara Pergerakan membuktikan bahawa wujud komunikasi yang berkesan di antara Pergerakan Pemuda dan induknya, UMNO. Tribute yang penting dalam masa Datuk Hussein Onn, Tun Abdul Razak dan Tun Sardon memimpin Pergerakan Pemuda ialah persefahaman yang sentiasa wujud di kalangan pemimpin-pemimpin Pemuda itu dan pemimpin-pemimpin parti induknya. Tunku Abdul Rahman, Presiden UMNO selepas Datuk Onn Jaafar, Tun Abdul Razak dan Tun Sardon adalah dari "Kumpulan pertama" UMNO yang menubuhkan Kerajaan *municipality* dan kemudian, dalam tahun 1957, Kerajaan Perikatan. Sementara Datuk Hussein Onn pula beruntung kerana ayahnya sendiri adalah pengasas UMNO dan telah memimpin parti politik itu bersama-sama anaknya sendiri. Unsur-unsur "patronage" dalam parti politik orang Melayu masih lagi mustahak untuk mengekalkan kesatuan dalam kolektiviti dalam tindakan-tindakan parti.

KONFLIK NILAI PENGARUH LAMA DAN BARU

Dalam tahun 1964 giliran Datuk Senu Abdul Rahman pula menjadi Ketua Pergerakan Pemuda, setelah dia menang bertanding dengan Tun Sardon Jubir. Datuk Senu ialah Menteri Penerangan ketika itu, dan seperti Tun Sardon, dia bolehlah dianggap sebagai dari "kumpulan pertama" kerajaan yang dipimpin oleh UMNO. Oleh sebab itu, seperti Tun Abdul Razak dan Tun Sardon, adalah luar biasa jika Datuk Senu sebagai Ketua Pemuda dia boleh mengocak pucuk pimpinan UMNO yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman itu. Seperti yang telah dibuktikan sendiri oleh perkembangan-perkembangan dalam pimpinan UMNO 10 tahun sejak akhir 1960an hingga akhir 1970an, Datuk Senu sendiri berdiri teguh di belakang Tunku Abdul Rahman. Walaupun Tunku mengundurkan diri dari pimpinan UMNO, Datuk Senu sentiasa menganggap bahawa pengaruh Tunku masih kuat dalam parti. Semasa Tunku masih memimpin UMNO, Datuk Senu berpeluang menyaksikan sendiri bagaimana Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian ketika itu, telah disingkirkan oleh parti kerana dasar-dasarnya yang tidak selari dengan Tunku Abdul Rahman. Pada akhir tahun 1960an, Datuk Senu sekali lagi berpeluang melihat dengan fikiran yang kritis nasib yang dihadapi oleh Dr. Mahathir Mohamad apabila ia men-

kritik pucuk pimpinan UMNO kerana dasar-dasar yang didokong oleh pucuk pimpinan parti UMNO itu.³¹ Barangkali satu faktor yang tidak boleh diperkecilkan yang bertanggungjawab terhadap wujudnya komunikasi yang stabil antara Pergerakan Pemuda di bawah pimpinan Datuk Senu dan UMNO di bawah pimpinan Tunku ialah kedudukan Datuk Senu sendiri sebagai Menteri Kabinet. Dalam tahun 1970 Tunku Abdul Rahmah telahpun menarik diri dari pimpinan UMNO. Mungkin secara kebetulan, Datuk Senu juga menamatkan pimpinannya dalam Pergerakan Pemuda dalam tahun tersebut. Sebetulnya Datuk Senu perlu mengosongkan Ketua Pergerakan Pemuda untuk membolehkan beliau memegang jawatan Setiausaha Agung UMNO yang baru di bawah pimpinan Tun Abdul Razak. Sungguhpun di bawah pimpinan Datuk Senu selama enam tahun Pergerakan Pemuda tidak memperlihatkan sumbangan-sumbangan yang begitu menonjol, dia telah berjaya mewujudkan "Pemuda Tahan Lasak" yang ditugaskan, antara lain, untuk menentang pengaruh PAS. Tetapi pada awal tahun-tahun 1970an perubahan dalam pimpinan parti telah banyak berubah. Golongan baru dan elit yang lebih radikal (bukan kiri) telah diserapkan ke dalam Parti UMNO. Dalam pemilihan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO tahun 1971, misalnya, tokoh-tokoh yang mendapat tapak dengan mudah dalam UMNO dalam tahun 1950an dan 1960an mula mendapat saingan dari kalangan anggota-anggota parti yang membawa mesej serta nilai baru dalam parti.

In the aftermath of the 1969 crisis, parochial Malay elites continued to move into more powerful positions in the United Malays National Organization. At the 1971 annual meeting of the party, communal moderates found it very difficult to be re-elected to the UMNO Executive Council because of the strong support commanded by those Malay elites who were known as "Malay ultras".³²

Perubahan yang berlaku dalam tahun 1970an adalah satu tahap baru dalam perkembangan parti politik UMNO, sesudah ia berjaya melintasi gegaran 1969 dan, sebelumnya, antara 1963-65, iaitu peringkat

31 Lihat Carl Von Vorys, *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*. Princeton University, New Jersey, 1975.

32 Means, *Op. cit.*, hal. 448.

Konfrontasi dengan Indonesia dan diikuti dengan bunga-bunga perpecahan dan perpecahan itu sendiri dengan Singapura. Sebagai Menteri Penerangan dan Penyiaran, Datuk Senu memainkan peranan yang tidak kecil terutama dalam zaman yang genting ketika Malaysia menghadapi cabaran-cabaran dari Singapura.³³ Apabila Konfrontasi tamat, pandangan-pandangan baru telah muncul mengenai hubungan antara Malaysia dengan Singapura. Di republik itu sendiri timbul kebimbangan bahawa penjalinan semula hubungan antara Malaysia dan Indonesia akan menyebabkan Singapura disingkir dari politik Asia Tenggara. Fikiran tokoh-tokoh politik Singapura tertumpu kepada "penyatuan keturunan Melayu" Malaysia-Indonesia. Lee Kuan Yew misalnya, masih mengingati cadangan-cadangan nasionalis-nasionalis Melayu tahun 1930an dan 1940an. Kebimbangan ini telah diperkokohkan oleh adanya tokoh-tokoh politik Malaysia dan Indonesia yang semakin rancak memperkatakan secara terbuka kemungkinan penyatuan keturunan Melayu. Jeneral Suharto sendiri pernah mencadangkan realisasi Maphilindo.³⁴ Di Malaysia, Datuk Senu secara terbuka membidas Singapura yang berkedudukan seperti Israel di dunia Arab.³⁵ Ketua Pergerakan Pemuda itu juga menuduh pemimpin-pemimpin Singapura menggunakan perkhidmatan tentera tentera Israel sebagai penasihat-penasihat Kerajaan Singapura.³⁶

Pada awal dan pertengahan tahun 1960an krisis mengenai penubuhan Malaysia yang dicituskan oleh rejim Macapagal dan rejim Sukarno, dan isu mengenai kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia, telah memberi sumbangan untuk memperkokohkan pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Akan tetapi, dalam masa yang sama, anggota-anggota UMNO yang terdiri dari intelektual-intelektual yang mendapat kedudukan yang baik dalam parti serta kerajaan telah mengambil kesempatan menilai dengan kritis peristiwa-peristiwa yang telah berlaku. Golongan intelektual dalam Parti UMNO ini mendapat peluang yang lebih besar untuk mengkaji kedudukan mereka secara yang lebih teliti dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum, apabila di antara 1964-65 tanda-tanda perpecahan Malaysia-Singapura semakin jelas

33 *Ibid.*, hal. 344.

34 *Ibid.*, hal. 364.

35 *Ibid.*

36 *Ibid.*

Sebenarnya, apa yang berlaku di antara pentadbiran Kuala Lumpur dengan pentadbiran Singapura telah memberi kesan yang mendalam kepada keadaan perhubungan kaum di Malaysia. Intelektual-intelektual Melayu yang radikal, yang kemudian diberi cap oleh Tunku Abdul Rahman sebagai ultra, telah memulakan proses "melihat ke dalam" dengan tekun. Oleh itu, apabila tragedi 13 Mei 1969 meletus, ia bukanlah satu fenomena politik yang berlaku secara spontan. Tragedi tersebut dengan jelasnya menunjukkan bahawa setelah hampir 20 tahun dalam UMNO, pemimpin-pemimpin yang merombak negara dari belunggu penjajah dalam tahun 1957 telah gagal memahami hasrat anggota-anggota parti dan gagal untuk mengiktiraf tuntutan-tuntutan baru dalam parti. Datuk Senu, sebagai seorang tokoh politik yang taat dan tidak berminat untuk mencipta sejarah mengikut jalan-jalan yang dilalui oleh Abdul Aziz Ishak dan Dr. Mahathir Mohamad, turut digolongkan dalam "kumpulan Tunku". Tetapi ia mengambil masa hampir 10 tahun selepas Tunku untuk sesuatu yang jelas mengenai kecondongannya terbentuk.

Soalan sama ada Datuk Senu mengosongkan Pergerakan Pemuda UMNO dalam tahun 1969 kerana dia tidak lagi popular atau kerana dia diberi jawatan baru sebagai Setiausaha Agung UMNO, tidak mudah dijawab. Barangkali kita boleh memperhitungkan fakta bahawa Datuk Senu tidak menjadi Menteri kerana kalah di kawasannya dalam Pilihanraya 1969, tetapi kita juga harus perhitungkan saluran-saluran lain yang terbuka dalam kerajaan untuk jawatan Menteri kepada Datuk Senu. Bukti-bukti yang ada hanya spekulasi semata-mata. Walau bagaimanapun, sama ada kita bersetuju atau tidak, penarikan diri Datuk Senu dari Pergerakan Pemuda adalah seolah-olah dia terpaksa turun dari satu kedudukan, setelah pemimpin-pemimpin yang dia taati dan damping sejak tahun 1950an itu mula membuka jalan kepada pimpinan baru. Yang harus dipersoalkan ialah taraf dan keefektifan kedudukan antara Ketua Pergerakan Pemuda dan Setiausaha Agung UMNO. Tetapi yang jelas ialah jawatan Ketua Pemuda bukan satu jawatan yang boleh dilantik oleh Presiden Parti, berbeza dengan jawatan Setiausaha Agung. Keduanya, jika Datuk Senu pernah menjadi Menteri dan pada masa yang sama dia memimpin Pemuda, maka apakah hubungannya dengan menjadikannya Setiausaha Agung tetapi tidak menjadi Menteri? Kita tidak bersedia untuk memberi jawapan ini.

Sementara pengunduran diri Datuk Senu dari Pergerakan dan Kabinet menjadi tandatanya-tandatanya yang menarik, kemunculan Dato' Harun Idris, Menteri Besar Selangor, dalam tahun 1970 sebagai Ketua Pergerakan Pemuda telah mencetuskan satu suasana yang tidak boleh diperkecilkan dalam perjuangan UMNO.

Dato' Harun ialah seorang tokoh yang kontroversial dalam tahun 1969. Sungguhpun pada mulanya nama Dato' Harun tidak ditonjolkan sebagai calon Pergerakan Pemuda untuk mengambil-alih pimpinan dari Datuk Senu, dalam tahun 1970 keadaan dalam pimpinan Pergerakan itu telah memperlicinkan jalan-jalan untuk Dato' Harun menyertainya. Sesudah Datuk Senu meninggalkan Pemuda, tokoh-tokoh muda yang pernah memainkan peranan penting dalam parti telah menjadi perhatian Pergerakan itu. Di antaranya ialah Datuk Ali Haji Ahmad dan Datuk Musa Hitam. Datuk Ali ketika itu ialah Timbulan Ketua Pergerakan Pemuda dan merupakan seorang pengikut Datuk Senu yang setia. Jika perkembangan dalam Pergerakan itu tidak mengalami perubahan-perubahan yang dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa pada pertengahan tahun 1960an, dan khususnya tragedi 13 Mei 1969, nescaya dengan mudah Datuk Ali Haji Ahmad akan menjadi pilihan Pergerakan tersebut untuk menggantikan Datuk Senu. Akan tetapi, Datuk Musa Hitam telah berada di tanah air sesudah berada di luar negeri selama setahun. Datuk Musa ialah salah seorang anggota parti yang dianggap oleh Tunku Abdul Rahman sebagai dalam kumpulan ultra. Dia pernah menjadi Setiausaha Politik kepada Tun Abdul Razak dan kemudian dilantik menjadi Menteri Muda kepada Tun. Akibat pandangan-pandangannya yang pada masa itu dianggap radikal terhadap pimpinan Tunku, Datuk Musa telah mengambil "cuti belajar" ke luar negeri.³⁷ Terdahulu dari itu, pada 28 Julai 1969 Datuk Musa telah diberhentikan oleh Tunku sebagai Menteri Muda kepada Timbalan Perdana Menteri.³⁸ Bagi Tunku, Datuk Musa Hitam ialah seorang tokoh yang taat setianya diragui.³⁹ Ketidak-puasan golongan intelektual terhadap pimpinan Tunku berpunca dari teguran teguran terbuka Dr. Mahathir menerusi suratnya kepada Presiden

37 R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Politics and Government in Malaysia*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1977, hal. 173.

38 *Ibid.*, hal. 87.

39 *Ibid.*

UMNO dan Perdana Menteri itu, yang kemudian telah disebar dengan luas ke seluruh negara.⁴⁰ Untuk memutuskan pengaruh Dr. Mahathir di kalangan anggota parti dan intelektual Melayu, Tunku mengambil keputusan untuk mengeluarkan keanggotaan Dr. Mahathir dalam Majlis Kerja Tertinggi (MKT). Tindakan ini diambil oleh Tunku pada 12 Julai 1969, dan dengan itu Dr. Mahathir dibuang dari MKT.⁴¹ Surat Dr. Mahathir dan lima risalah-risalah lain yang mengkritik pentadbiran Tunku juga diharamkan.⁴²

Datuk Musa bolehlah dianggap sebagai menyertai keyakinan dan kepercayaan Dr. Mahathir mengenai pimpinan politik pada masa itu. Bagaimanapun, keyakinan kumpulan ini turut diperkongsi oleh dua orang tokoh veteran dan nasionalis UMNO, yang dalam tahun-tahun 1960an memperjuangkan hak-hak orang Melayu menerusi isu bahasa dan kebudayaan. Mereka ialah Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Tan Sri Syed Jaafar Albar.⁴³ Walaupun kumpulan ini bersimpati dengan Dr. Mahathir dan Datuk Musa, mereka berbeza dengan golongan muda ini sekurang-kurangnya berdasarkan dua perhitungan. Pertama, mereka tidak dianggap tergolong dalam kumpulan intelektual atas alasan-alasan pendekatan mereka terhadap masalah dan perjuangan orang Melayu.⁴⁴ Kedua, mereka mendapat gelaran "ultra" bukan dari Tunku, tetapi dari Lee Kuan Yew. Mereka berkongsi satu platform dengan Dr. Mahathir dan Datuk Musa atas satu alasan, iaitu kesemuanya disifatkan sebagai anti Tunku.⁴⁵ Untuk membuat kesimpulan bahawa kumpulan-kumpulan ini – intelektual dan non-intelektual – berasal dari satu golongan elit dalam susunlapis UMNO boleh mengelirukan. Yang sebenarnya, kehadiran mereka sebagai satu kumpulan dalam memajukan tindakan-tindakan adalah bergantung kepada sesuatu isu. Pada akhir tahun 1960an mereka seolah-olah berkongsi dan mempunyai satu pandangan yang padu terhadap pucuk pimpinan UMNO, sungguhpun amat jelas bahawa dalam tindak-tanduknya Tan Sri Syed Nasir dan Tan Sri Syed Jaafar Albar tidak menyertai golongan intelektual.

40 *Ibid.*

41 *Ibid.*

42 *Ibid.*

43 *Ibid.*

44 *Ibid.*

45 *Ibid.*

Perbezaan ini menyebabkan kita condong membuat kesimpulan bahawa di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO ketika itu, terutama ahli-ahli MKT, terdapat sikap yang berusaha untuk mempertahankan kedudukan mereka yang berpengaruh dalam parti, yang dengannya sejak akhir-akhir tahun 1950an mereka mendapat kedudukan sosial yang terjamin. Perubahan yang lebih besar akan berlaku dalam UMNO ketika itu, jika keputusan-keputusan untuk menyingkirkan Dr. Mahathir dan Datuk Musa tidak dipersetujui oleh anggota-anggota MKT dan tidak mengindahkan akibat dari tindakan seperti itu. Sebagaimana yang telah disaksikan, perkembangan-perkembangan selepas Pilihanraya Umum 1974 menunjukkan bahawa kumpulan non-intelektual, terutama Tan Sri Syed Jaafar Albar, telah muncul sekali lagi, tetapi dengan sikap yang kurang diingini oleh kumpulan intelektual yang terlibat dalam konfrontasi dengan Tunku dalam tahun 1969 dulu. Akan tetapi perbezaan pula dengan keadaan 1969, pucuk pimpinan yang mentadbirkan politik selepas Pilihanraya 1974 itu memberi persetujuan kepada tindak-tanduk intelektual.

Keterangan-keterangan ini perlu untuk memberi latarbelakang yang luas kepada situasi yang dihadapi oleh Datuk Musa sebaik-baiknya saja dia pulang dari London untuk menyertai pertandingan dalam Pergerakan Pemuda ketika itu. Sungguhpun seperti Datuk Musa nasionalis-nasionalis Tan Sri Syed Nasir dan Tan Sri Syed Jaafar Albar diidentifikasi dengan "kumpulan Johor", mereka tidak begitu berminat untuk membina Datuk Musa. Jika laporan-laporan akhbar itu boleh kita jadikan panduan, maka minat Tan Sri Syed Jaafar dan Tan Sri Syed Nasir adalah kepada Datuk Ali Haji Ahmad. Pandangan Tan Sri Syed Jaafar Albar terhadap Datuk Musa, misalnya, dapat disahkan apabila pada pertengahan tahun 1976 akhbar *Utusan Melayu* melaporkan berita-berita di sekitar perbezaan pendapat antara Datuk Musa dan Syed Jaafar Albar. Perlu disebut bahawa dalam tahun 1970 Datuk Musa dan Dr. Mahathir baru dalam proses untuk mendapatkan tempat semula dalam parti dan kerajaan. Oleh itu, adalah biasa bagi pemimpin-pemimpin lama, seperti Tunku Abdul Rahman, untuk menyatakan ketidak-persetujuan mereka terhadap usaha-usaha untuk memulih serta mengembalikan semula imej mereka dalam UMNO.

46 Alias Mohamed, "Political Attitudes in the 1978 General Elections: The Malay Contest For Power" akan diterbitkan di Singapura.

Pandangan Tunku sendiri mengenai golongan intelektual yang pernah tersingkir ini diabadikan oleh beliau dalam akhbar *The Star*. Walau bagaimanapun, dalam kesibukan Pergerakan Pemuda mencari pemimpin mereka, nama Dato' Harun tiba-tiba muncul. Pencalonan Dato' Harun dibuat oleh sebuah cawangan UMNO di Kelantan. Datuk Abdul Samad Idris, yang ketika itu turut dicalonkan untuk menjadi Ketua Pergerakan Pemuda, memberi sokongan kepada pencalonan Dato' Harun. Sungguhpun dalam pertandingan tahun 1970 itu Pergerakan Pemuda tidak mengalami sengkita, ia telah menunjukkan beberapa tanda yang Pergerakan itu akan dihindang penyakit polarisasi. Pertama ialah kontroversi di sekitar Dato' Harun dan Datuk Musa. Pandangan umum condong untuk mempercayai bahawa persaingan bukan antara Datuk Musa dan Dato' Harun, akan tetapi antara Datuk Musa dan tokoh-tokoh muda yang lain. Yang menonjol dalam kumpulan tokoh-tokoh muda ini ialah Datuk Ali Haji Ahmad dan Datuk Shariff Ahmad. Sementara itu, kontroversi di sekitar Dato' Harun pula ialah imejnya yang baik di kalangan orang-orang Melayu dalam tahun 1969. Yang demikian, ketokohnya menyebabkan ia layak untuk mewujudkan persaingan kepada sesiapa juga yang ada kecenderungan untuk menjadi Perdana Menteri. Sungguhpun begitu, adalah tidak jelas bahawa Dato' Harun telah mengancam jawatan Perdana Menteri yang disandang oleh Tun Razak pada ketika itu. Sebagaimana yang terbukti, ancaman kepada pucuk pimpinan parti ialah tendensi Dato' Harun untuk mengelakkan diri dari terikat kepada keputusan-keputusan pucuk pimpinan parti.

Kedua, oleh kerana kedua-duanya — Dato' Harun dan Datuk Musa adalah tokoh-tokoh yang kontroversial, yang kebetulan sama-sama menyertai Pergerakan Pemuda, maka pandangan orang ramai adalah terhadap prestasi mereka dan terhadap haluan yang mereka akan bawa dalam Pergerakan itu. Pada awal tahun-tahun 1970an, pendekatan Dato' Harun kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh parti dan orang Melayu menunjukkan bahawa ia mempunyai caranya yang tersendiri dalam mentadbirkan "sayap pemuda" dalam umno itu. Cara-caranya inilah yang menyebabkan Pergerakan itu beberapa kali ditegur oleh pucuk pimpinan, baik Tun Razak mahupun Tun Dr. Ismail. Walau bagaimanapun, adalah jelas juga bahawa pada awal impinan Dato' Harun dalam Pergerakan Pemuda, ia telah diresmi oleh pucuk pimpinan UMNO. Dalam Persidangan Agung UMNO tahun 1971, misalnya, "golongan baru" yang lebih aktif

dan mempunyai idea-idea yang lebih baik dan representatif telah berjaya menduduki beberapa jawatan dalam MKT. Tiga orang Naib Presiden UMNO dikenali sebagai dari kumpulan baru yang dipimpin oleh Tun Razak. Mereka ialah Tun Sardon Jubir, Datuk Hussein Omar dan Encik Ghaffar Baba.⁴⁷ Sungguhpun beberapa lama Tun Sardon dianggap tokoh dari kumpulan Tunku, dia telah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan, dan oleh kerana itu dia diterima oleh pimpinan Tun Razak.⁴⁸ Sementara itu, Dato' Harun dan Datuk Musa, Ketua dan Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda, disifatkan sebagai golongan "radikal" yang diterima oleh pimpinan baru.⁴⁹ Kesediaan Tun Razak untuk menerima tokoh-tokoh baru dalam pimpinan UMNO memang jelas dalam sikap Tun Razak ketika itu, kerana dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO dalam bulan Januari 1971 Tun Razak tidak sedikitpun menyentuh tentang wujudnya golongan-golongan yang berusaha hendak membawa Pergerakan Pemuda mengikut cara mereka yang tersendiri. Yang jelas dalam ucapan beliau ialah mengenai disiplin parti. Katanya:

Disiplin yang kukuh dan peraturan-peraturan yang tersusun baik akan menjaga lancarnya pentadbiran Parti dan mengelakkan kerumitan-kerumitan yang menghalang atau merosakkan jentera pentadbiran Parti. Dan yang paling mustahak ialah setiap anggota UMNO hendaklah patuh pada disiplin Parti kita.⁵⁰

Kenyataan Tun Razak ini jelas membuktikan bahawa beliau memberi prioriti yang tinggi kepada disiplin Parti UMNO, tetapi bukanlah dengan hasrat untuk mengorbankan kepentingan parti terhadap golongan muda. Dalam ucapannya dalam tahun 1972/73 Tun Razak pernah berkata:

Dengan bertambahnya ahli-ahli ini, terutama dari golongan muda, adalah memberi jaminan akan penyambungan atau "continuity" di dalam parti. Pemilihan ahli-ahli Jawatan-

47 Milne and Mauzy, *Op. cit.*, hal. 174.

48 *Ibid.*

49 *Ibid.*

50 *Berita Minggu*, 24 Januari 1971.

kuasa Pergerakan Pemuda dan Wanita sekarang dengan sendirinya mencerminkan mutu ahli-ahli kedua Pergerakan Parti kita. Penyertaan ahli-ahli seperti ini di seluruh peringkat akan dapat melahirkan pemikiran baru dan juga menimuskan dasar-dasar yang dapat menarik lebih ramai lagi jenerasi muda ke dalam Parti kita.⁵¹

Dalam ucapannya ini, jaminan Tun Razak terhadap Pergerakan Pemuda adalah kukuh. Dia bukan saja memerlukan kedudukan parti diperkuatkan dengan Pergerakan Pemuda sebagai tulang-belakang, malah telah membayangkan bahawa jika Pemuda dikehendaki untuk memainkan peranan yang berkesan, maka fikiran-fikiran baru haruslah diwujudkan dalam Pergerakan itu.

Jika terdapat perubahan yang boleh dianggap radikal dalam Parti UMNO, maka tahun 1972 haruslah menjadi titik-tolak penting. Dalam tahun tersebut UMNO dan cawangan-cawangan Pergerakan Pemuda dan Wanita bagi pertama kalinya mengeksperimen pemilihan ahli-ahli jawatankuasanya tiga tahun sekali. Kali akhir UMNO mengadakan pemilihan ialah dalam bulan Januari tahun 1971. Dalam bulan Mei 1971, Tun Razak telah mengumumkan perubahan ini, di samping menyatakan perlunya parti mewujudkan langkah-langkah baru untuk memperkemaskan disiplin parti, dan juga pengumuman mengenai pemilihan calon-calon untuk Dewan Negeri dan Parlimen yang akan ditentukan oleh MKT.⁵² Ini bermakna sehingga tahun 1975 MKT UMNO tidak mengadakan pemilihan ahli-ahli jawatankuasa parti selama tiga tahun. Dalam masa tiga tahun di antara 1972-75 beberapa perubahan lain telah berlaku. Dalam tahun 1973 Dr. Mahathir telah dilantik menjadi Senator dan pada 6 September 1974 dia dilantik oleh Tun Razak menjadi Menteri Pelajaran Malaysia yang baru.⁵³ Tengku Razaleigh Hamzah, Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, telah dilantik sebagai Pengerusi Petronas dengan kedudukan sebagai seroang Menteri

51 Tun Abdul Razak, "Kajian Y.A.B. Tun Presiden Kedudukan Politik 1972/73", *UMNO 24 Tahun - Penyata 72/73*, Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Kertas Persidangan Bil. 2/24/73.

52 Milne and Mauzy, *Op. cit.*, hal. 174.

53 Kementerian Penerangan dan Penyiaran, "Dr. Mahathir Mohamad - A Brief Biography," September 1975.

Kabinet dalam tahun 1974. Sejak tahun 1970 Tengku Razaleigh menjadi Pengerusi Pernas dan Pengarah Urusan dan Pengerusi Bank Bumiputera.⁵⁴ Tan Sri Ghazali Shafie, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, telah meletakkan jawatannya pada 20 September 1970 untuk membolehkannya dilantik sebagai Senator pada 21 September. Dua hari kemudian, pada 23 September 1970, dia dilantik menjadi Menteri dengan Tugas-Tugas Khas. Dan pada tahun 1971 dia dilantik menjadi Menteri Penerangan di samping menyandang Tugas-Tugas Khasnya. Dalam tahun 1972 dia bertanding dalam pilihanraya kecil Lipis dan, setelah menang, dilantik menjadi Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas. Sejak 13 Ogos 1973 Tan Sri Ghazali menjadi Menteri Dalam Negeri.⁵⁵

Pada akhir tahun 1972, perundingan-perundingan antara PAS dan UMNO telah bermula untuk menubuhkan Kerajaan Campuran. Dan dalam tahun 1973 Tun Dr. Ismail, seorang pemimpin UMNO yang sentiasa disegani oleh Dato' Harun, telah meninggal dunia. Perubahan-perubahan ini dengan sendirinya membayangkan suasana kesibukan dalam pimpinan UMNO untuk mengemukakan tokoh-tokoh baru yang berpotensi dalam *vacuum* politik yang serius. Tun Abdul Razak sendiri berkata demikian pada 29 Jun 1973:

*... Maka kita boleh terus memerintah negara lebih daripada 40 atau 100 tahun, jika dari masa ke semasa kita mengadakan penilaian semula serta menerima perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh zaman, dan jika dari masa ke semasa kita memberi peluang kepada bakat-bakat baru untuk muncul ke hadapan memegang tanggungjawab yang dikehendaki daripada mereka.*⁵⁶

-
- 54 Bruce Ross-Larson, *The Politics of Federalism - Syed Kechik in East Malaysia*, Bruce Ross-Larson Publications, Singapore, 1976, hal. 228.
- 55 Butir-butir mengenai Tan Sri Ghazali berdasarkan "Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie - A Brief Biography," *Kementerian Penerangan dan Penyiaran*, Kuala Lumpur, September, 1975.
- 56 Tun Abdul Razak, "Realiti Politik Masa Hadapan", *Penyata UMNO 1973/74*, Ibu Pejabat umno Malaysia, Kuala Lumpur. Ini ialah ucapan Tun Razak di Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke 24, pada 30 Jun 1973.

Di samping itu, Tun Razak berazam untuk memperkokohkan kedudukan politik orang-orang Melayu, pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan dalam tahun 1971 dan, kedua, menerusi Kerajaan Campuran UMNO-PAS. Kesemua perkembangan ini adalah *landmarks* yang penting dalam pimpinan Tun Razak. Dengan perkembangan yang begitu cepat dalam tempoh yang singkat, golongan-golongan tertentu dalam parti dengan mudah menuduh pimpinan Tun Razak sebagai memulakan daya usaha untuk memisalkan pimpinannya dengan pimpinan Tunku Abdul Rahman. Golongan yang menyertai Tunku merasa diri mereka tidak begitu diberi perhatian oleh pentadbiran Tun Razak. Tun Razak terpaksa menjawab kepada tohmah-tohmah seperti ini. Dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Parti pada 24 Jun 1971 Tun Razak berkata:

Bagaimanapun, janganlah pula diertikan bahawa pimpinan baru UMNO yang saya ketua sekarang ini merupakan satu titik pemisahan dalam perjalanan Parti kita. Perubahan yang berlaku hanyalah pada pucuk pimpinan dan bukan pada tubuh badan UMNO. Sudah sewajarnya bagi semua kejadian Tuhan mengalami perubahan.⁵⁷

Jika dalam pemilihan MKT tahun 1974 Datuk Abdul Samad Idris, ketika itu menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, secara kebetulan bertanding dengan Dato' Harun untuk memegang jawatan Ketua Pergerakan, kita tentulah berasa terlalu awal untuk menuding jari kepada Tun Razak sebagai bertanggungjawab kepada persaingan tersebut. Tuduhan yang mengatakan Tun Razak memainkan peranan dalam meletakkan Datuk Abdul Samad sebagai saingan Dato' Harun telah bermula sejak bulan Jun 1974 itu lagi. Tetapi Tun Razak sendiri telah menafikan tuduhan tersebut.⁵⁸ Sungguhpun dalam pemilihan itu Dato' Harun telah menang, episod ini dalam Pergerakan Pemuda UMNO telah menandakan bahawa perpecahan mula berlaku.⁵⁹

57 Tun Abdul Razak, "Tun: Kita mesti baiki jentera parti dengan kehendak masa," *Berita Minggu*, 24 Januari 1971.

58 Milne and Mauzy, *Op. cit.*, hal. 192.

59 *Ibid.*

Jika kita hendak mencari sesuatu sebab yang jelas yang mendorong orang ramai menaruh keyakinan bahawa perhubungan antara dua pihak adalah tegang, maka kita hendaklah merujuk kepada bukti-bukti yang terbit dari kenyataan-kenyataan kedua belah pihak. Keterangan yang agak jelas, yang kita boleh gunakan sebagai panduan, ialah kenyataan Tun Dr. Ismail. Nampaknya, perhubungan yang tegang telah timbul antara pimpinan Tun Razak dan Pergerakan Pemuda sejak tahun 1972 lagi. Kenyataan Tun Dr. Ismail mengenai Pergerakan Pemuda adalah tegas ketika itu. Menurut beliau:

Di masa-masa kebelakangan ini, pemuda-pemuda telah memberikan jiwa baru dalam perjuangan, nampaknya semangat yang berkobar-kobar – sungguhpun ada kalanya menimbulkan ribut dan kontroversi.

Kepada saya, ini adalah tanda Pemuda sebagai tenaga dinamis dan progresif menggambarkan keinginan untuk mencipta masyarakat adil dan makmur.⁶⁰

Akan tetapi Tun Dr. Ismail tidak berpuas hati dengan kata-kata yang lembut. Seterusnya dia berkata:

Saya berharap supaya Pemuda khasnya jangan selalu cepat reacting towards events atau bertindak terhadap peristiwa, tetapi berusaha untuk menyalurkan pendapat dan tindakan atau initiating ideas and actions yang menurut perhitungan dan pendapat mereka boleh memberikan pimpinan dalam lingkungan kegiatan tertentu. Idea-idea yang baik yang disalurkan kepada saluran tertentu adalah seratus kali ganda lebih baik daripada ucapan-ucapan dan kenyataan emosional yang hanya boleh menaikkan semangat serta menjadi sensation dalam akhbar-akbar saja.⁶¹

60 Tun Dr. Ismail, "Tindakan Baru Pemuda Wanita UMNO", *UMNO 24 Tahun – Penyata 72/73*, kertas Persidangan Bil. 2/24/73.

61 *Ibid.*

Memang tidak syak lagi bahawa Tun Dr. Ismail telah menemui sasarannya, iaitu Dato' Harun. Tidak seorang pun pemimpin dalam Pergerakan Pemuda itu yang boleh dianggap berkebolehan membuat ucapan-ucapan yang sensational dan emosional dalam akhbar-akhbar, selain Dato' Harun. Tun Dr. Ismail juga bercakap panjang-lebar mengenai disiplin parti. Katanya, "... Pemuda sebagai sayap kanan hendaklah mengetahui bahawa kita sebagai anggota Parti hendaklah sentiasa patuh dan menjunjung tinggi dasar yang ditentukan oleh Parti dan Kerajaan. Oleh itu Pemuda bertanggungjawab mempertahankan dasar yang ditentukan ini dan melaksanakannya.⁶² Bagi Dr. Ismail, Pergerakan Pemuda seolah-olah telah hanyut dari parti induknya.

Saya faham bahawa kadang-kadang terdapat 'missing link' di antara Parti dan pemerintah, bagaimana Pemuda berasa keciwa dengan pelaksanaan yang diharap menurut dasar Parti. Saya tahu bahawa Pemuda ingin supaya suara mereka yang lantang itu boleh didengar dan syor-syor mereka dapat dipertimbangkan walaupun tidak dijalankan. Dalam hubungan ini, kita dapati kadangkala tidak ada machinery yang boleh menentukan supaya hal ini diselaras untuk dikaji selanjutnya.

Saya setuju Parti kita mengadakan satu sistem supaya suara Pemuda tidak ditekan atau diabaikan dan sebaliknya didengar dan diberi peluang supaya mereka dapat bertindak sesuai dengan kehendak dan keinginan dalam lingkungan yang ditentukan oleh Parti.⁶³

Kenyataan Tun Dr. Ismail ini tidak syak lagi menunjukkan bahawa Pergerakan Pemuda telah cuba menyuarakan ketidak-puasan hati mereka menerusi saluran-saluran yang tidak dipersetujui oleh parti. Dato' Harun juga berkemungkinan menegur dasar-dasar parti dan kerajaan yang dianggap tidak sesuai diteruskan oleh parti selepas 1969. Dalam ucapannya itu Tun Dr. Ismail telah memberi tekanan yang besar kepada peranan parti dalam kerajaan. Salah satu kenyataan Tun Dr. Ismail yang bernas dalam ucapan tersebut ialah: "Ahli-ahli Parti

62 *Ibid.*

63 *Ibid.*

Kerajaan tidak berhak menggunakan Parti dan Kerajaan secara yang zalim semata-mata kerana ia menjadi ahli Parti Kerajaan. Dalam demokrasi 'there is no law for bad Government.' Perlu diingat bahawa dalam tahun 1975 isu mengenai parti dan kerajaan, siapa menguasai siapa, parti menguasai kerajaan atau kerajaan menguasai parti, telah timbul semula, iaitu sesudah Tun Dr. Ismail meninggal dunia dan tidak berkesempatan untuk mempertahankan dasar-dasar yang telah dirintis oleh beliau dari kecaman-kecaman Pergerakan Pemuda. Dalam tahun 1972 itu nampaknya telah muncul pemimpin-pemimpin dalam Pergerakan yang berusaha untuk mempersoalkan kebijaksanaan pucuk pimpinan mentadbirkan parti. Misalnya kata Tun Dr. Ismail: "Telatah membesar-besarkan kegagalan usaha-usaha parti dan Kerajaan patutlah dikurangkan.... Pergerakan Pemuda tidak harus menjadi *pressure group* secara terbuka kerana dalam demokrasi tekanan datang dari pembangkang."⁶⁴ Tun Dr. Ismail tidak bersetuju dengan cara-cara Pergerakan yang gemar membuat ulasan-ulasan mengenai pentadbiran parti dalam akhbar-akhbar. Amalan Pergerakan Pemuda ketika itu ialah membocorkan rahsia-rahsia kepartian sehingga ia menampakkan dirinya sebagai sebuah parti pembangkang dalam UMNO. Kata Tun Dr. Ismail: "Mustahaklah kita membezakan soal-soal prinsip dari soal-soal detail. Soal-soal detail tidak harus diperbahaskan di khalayak ramai dan cara-cara bertindak patutlah mengikut saluran Parti dan tidak meminjam tradisi-tradisi asing yang menyentuh pendirian dan keutuhan pimpinan."⁶⁵ Bahawa Dr. Ismail telah mengkritik cara-cara Pergerakan Pemuda menyelesaikan masalah yang ada sangkut-paut dengan parti menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin Pergerakan ketika itu seolah-olah tidak mungkin dapat diletakkan di bawah pengawasan parti induk lagi. "Golongan-golongan yang radikal," menurut Tun Dr. Ismail, "seperti pemuda-pemuda patut meniru akan cara-cara hidup Timur dan menyesuaikan diri dengan keadaan serta tidak mengambil sesuatu yang tidak diterima oleh orang ramai." Beliau kemudian menyeru Pergerakan Pemuda supaya bersikap *action-oriented* dan bukan *publicity-oriented* atau bergerak sebagai "anggota oposisi dalam Kerajaan."⁶⁶

64 *Ibid.*

65 *Ibid.*

66 *Ibid.*

ASAS-ASAS PERJUANGAN PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) 25 TAHUN: NASIONALISME, SOSIALISME DAN ISLAM

MUKADIMAH

Dalam kertas ini saya menggunakan "perjuangan 25 tahun" Parti Islam Se Malaysia atau PAS dengan maksud kepentingan dan kemudahan periodisasi. Sungguhpun rekod sejarah menunjukkan bahawa parti ini telah wujud sejak sebelum 1951 ia tidak didaftar sebagai sebuah parti politik sehingga dalam saat-saat akhir pilihanraya Malaya yang pertama dalam tahun 1955.¹

Dalam masa awal penubuhannya PAS banyak bergantung kepada sokongan pelajar dan guru-guru di sekolah-sekolah pondok di mana mereka belajar/mengajar membaca Al-Quran dan kitab. Dalam tahun-tahun 1950an dan awal 1960an ramai pemimpin-pemimpin induknya datang dari Kolej Islam Malaya di Kelang, Selangor, dan dalam kegiatan-kegiatannya Parti PAS bergantung kepada pertubuhan-pertubuhan agama seperti badan-badan dakwah untuk mendapatkan sokongan moral dan tenaga. Di samping itu hampir semua surau-surau dan masjid di seluruh tanah air telah dijadikan platform-platform oleh imam-imam yang menyokong parti itu untuk menyebarkan pengaruh PAS baik secara langsung mahupun secara berselindung. Hal ini kerap

1 Lihat Y. Mansoor Marican, *The Political Accommodation of Primordial Parties - DMK (India) and PAS (Malaysia)*. Thesis Ph.D., University of British Columbia, 1976.

berlaku dalam tahun-tahun 1960an lebih-lebih lagi pada akhir tahun 1950an. Majlis Agama Islam negeri-negeri juga adalah di antara birokrasi keagamaan yang menjadi tumpuan pengaruh Parti Islam. Pegawai-pegawai agama majlis-majlis berkenaan memainkan peranan penting dalam melaksanakan objektif dan cita-cita PAS. Penyokong-penyokong PAS yang bertugas di majlis-majlis tersebut menggunakan peluang ini dengan mudah kerana kedudukan mereka sebagai perantara di antara pemimpin-pemimpin PAS dan rakyat desa, dan penyambung perjuangan Parti Islam iaitu majlis-majlis yang dimaksudkan.²

Oleh kerana sifat dan orientasi keagamaannya bercorak Islam maka adalah menjadi suatu kebiasaan yang termesti bagi Parti Islam untuk mencorakkan perjuangan parti terhadap minat pemimpin-pemimpin agama Islam di semua peringkat. Tujuan ini terpenuhi apabila struktur Parti Islam dirangka begitu rupa sehingga ia menyerupai suatu sistem di mana nilai-nilai keagamaan (Islam) seolah-olah menjadi teras dalam prinsip perjuangannya. Malah untuk memperkuatkan kedudukan dan identitinya sebagai sebuah parti politik yang berteraskan keIslaman satu bahagian yang dikenali dengan nama Dewan Ulama diwujudkan dalam struktur parti tersebut. Dalam konteks perlembagaan parti dan keutuhan parti itu keseluruhannya, Dewan Ulama mempunyai signifikan yang besar. Memang tidak dinafikan bahawa pada masa akan datang kekuatan parti ini bergantung kepada Dewan Ulama sebagai tulang belakang perjuangan. Sejak sesuku kurun yang lalu bahagian ini dalam Parti Islam memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti keIslamannya. Dan sejak tiga tahun yang lalu Parti Islam atau PAS telah mendokong satu strategi politik yang baru, yang berlandaskan "kebangkitan" gerakan dakwah di kalangan belia-belia dan sebuah pertubuhan beliau yang terbesar di negara ini. Sementara kebangkitan ini mewakili satu dimensi baru dalam pola politik, terutama sekali dalam gerakan politik PAS, bukanlah tujuan kertas ini untuk membincangkan pengaruhnya di kalangan belia-belia Islam. Yang lebih penting dalam kajian ini ialah sumber-sumber kemunculannya, teras ideologi serta orientasi kepimpinan.

2 Gordon P. Means, *Malaysian Politics*, Hodder and Soughton, London, 1976, hal. 226.

NASIONALISME DAN KOMUNIS

Parti Islam atau PAS telah ditubuhkan pada 23 Ogos 1951. Pada masa itu PAS belum wujud sebagai sebuah parti politik. Ia lebih merupakan sebuah "persatuan". Akan tetapi sejarah perkembangan parti ini boleh dikesan pada seawal-awalnya tahun 1930an apabila nasionalis-nasionalis Melayu yang radikal mula dipengaruhi oleh perjuangan anti British di Timur Tengah dengan semangat reformisme Islam. Oleh kerana perubahan telah mula berlaku di Indonesia pada pertengahan tahun 1930an, maka kiblat politik orang-orang Melayu turut berubah dari Timur Tengah ke Indonesia. Dalam tahun 1930an cadangan-cadangan atau fikiran-fikiran untuk menterjemahkan perjuangan Islam ke dalam tindakan politik belum ketara. Sungguhpun memang ada fikiran-fikiran orang Melayu ketika itu yang memikirkan politik tanah air dari kacamata Islam dan sebaliknya yang melihat Islam dari kacamata politik, kesemuanya masih bersifat gagasan.³ Oleh sebab itu apabila nasionalis-nasionalis Indonesia memperjuangkan kemerdekaan tanah air mereka dari Belanda, maka orang-orang Melayu yang berpendidikan sekular dan agama telah menemui alasan yang paling baik pada masa itu untuk memperjuangkan cita-cita nasionalise. Maka dalam tahun 1937 mereka menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM).

Dasar Kesatuan Melayu Muda ialah menentang penjajahan, menolak feudalisme dan menuduh elite Melayu yang berpendidikan Inggeris sebagai kaum-kaum borjuis-feudalis, dan mengecam keras orang-orang Cina. Rancangan politik jangka panjang KMM ialah untuk menyatukan seluruh rumpun Melayu di kepulauan Melayu dalam satu politik yang diberi nama "Melayu Raya". Oleh kerana sikapnya yang anti British, maka pemimpin-pemimpin KMM telah bekerjasama dengan PKM/MCP. Langkah ini diambil oleh KMM bukan kerana ideologi tetapi kerana kemudahan-kemudahan yang dijangka oleh Ibrahim Yaacob, pemimpin KMM, boleh menyelesaikan kesulitan

3 Lihat di antaranya Alias Mohamed, *Intelijensia Melayu Kelantan*, Penerbitan Mohd. Nawil, Kota Baru, 1977; Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Pakatan Keluarga Tuan Tabal, Kota Baru, 1977, dan Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad II-Ihya Asshariff Gunung Semangul 1934-1957*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1976.

KMM untuk mendapatkan kemerdekaan dari Jepun. Jika disedar bahawa pemimpin-pemimpin PKM/MCP sendiri curiga terhadap KMM maka adalah sukar untuk mengesahkan penglibatan sebenar KMM dalam perjuangan komunis di Tanah Melayu. Nampaknya terdapat dua peristiwa penting yang menyokong fakta bahawa penglibatan ahli-ahli KMM dalam PKM/MCP bukan kerana ideologi. Pertama orang-orang Melayu yang menyertai PKM telah keluar beramai-ramai dari organisasi komunis itu apabila pemimpin-pemimpin Cina dalam PKM/MCP bertindak melakukan keganasan terhadap orang Melayu di dalam dan di luar organisasi komunis tersebut. Peristiwa ini berlaku dalam bulan Ogos dan September 1945. Keduanya ialah apabila Ibrahim Yaacob sendiri telah mengecam Lai Tek, orang perantara PKM/MCP kerana tidak jujur dalam perjanjian untuk bergabung tenaga menentang askar-askar British selepas kekalahan Jepun. Dalam persetujuan ini Ibrahim Yaacob dikatakan mengikat janji dengan MPAJA, gurila-gurila yang dipimpin oleh komunis, untuk menentang British bersama-sama tenteranya, PETA (Pembela Tanah Air). Ibrahim Yaacob menjadi pegawai pemerintah yang berpangkat Lieutenant-Colonel dalam PETA ketika itu.⁵

Sementara penglibatan sebenar KMM dalam perjuangan komunis tidak boleh diakui pada peringkat ini, seseorang yang hendak mengkaji sejarah perjuangan dan perkembangan parti-parti politik Melayu harus mengambil perhitungan yang serius terhadap dasar-dasar yang didokong dan tindakan-tindakan yang telah diambil. Radikalisme dalam masyarakat Melayu, umpamanya, bukanlah suatu fenomena yang baru ketara sesudah penubuhan Kesatuan Melayu Muda. Ia mempunyai sejarah yang kokoh di negara ini. Perkembangannya dapat dikesan sejak kurun ke 19. Bahawa corak perjuangan radikalisme dalam masyarakat Melayu berubah-ubah bukanlah suatu ciri yang boleh dianggap mutlak yang seharusnya melambangkan kelemahan masyarakat itu sendiri. Sebetulnya perubahan-perubahan dalam ciri perjuangan atau penentangan terhadap sesebuah kuasa yang lebih dominant dalam masyarakat Melayu sejak zaman tradisional lebih

4 Lihat Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades: A Study of the Communist United Front in Malaya, 1945-48*, Times Books International, Singapore, 1979, hal. 62.

5 Lihat *ibid.*, hal. 62-63. Butir-butir mengenai kerjasama KMM-PKM di hal. 58.

banyak bergantung kepada keadaan sosio-politik sesuatu zaman itu. Beberapa peristiwa penderhakaan rakyat/pembesar terhadap raja sejak zaman Melaka adalah suatu *epitome* yang selain dari cuba mendedahkan kegelisahan individu/rakyat terhadap ketidak-adilan raja, adalah juga suatu bentuk demonstrasi mengenai sesuatu ketegangan antara individu/rakyat dengan raja atau individu dengan pembesar, atau kadang-kadang antara pembesar dengan raja. Oleh kerana perkembangan atau kemajuan fikiran di kalangan rakyat belum sampai ke tahap moden, maka pada kebiasaannya ketegangan seumpama itu juga tidak melibatkan intelek. Akan tetapi bermula dari zaman pengaruh Revolusi Perusahaan di barat corak penentangan pribumi di negara-negara mereka sendiri terhadap kuasa penjajah turut berubah. Ini bermakna rakyat pribumi turut menggunakan intelek dan kekuatan tenaga kumpulan (organisasi) untuk menentang kuasa yang lebih dominant, yang juga menggunakan intelek dan organisasi seperti kerajaan, tentera dan sebagainya. Dalam usahanya untuk menjelaskan perubahan dalam corak perjuangan puak kiri Melayu, misalnya, Profesor Khoo Kay Kim telah menyatakan sesuatu yang hampir sekali dengan keadaan pertubuhan-pertubuhan radikal Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Katanya:

*Malay political attitude towards politics was noticeably different. The early resentment among sections of the traditional ruling class towards British intrusion in Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang died down after a trial of strength in those states had revealed the futility of armed resistance. This experience, however, did not, as we shall soon see, discourage similar attempts in other states which came under British political domination at a later date.*⁶

Kenyataan ini pada dasarnya cuba mengesahkan perubahan dalam cara-cara masyarakat pribumi memajukan tuntutan mereka kepada penjajah. Dalam keadaan di mana intelek tidak dipergunakan sepenuhnya tuntutan-tuntutan pribumi diikuti dengan kekerasan. Akan tetapi

6 Khoo Kay Kim, *The Beginnings of Political Extremism in Malaya, 1915-1935*. Thesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973, hal. 73.

dalam tahun 1930an kekerasan tidak berguna untuk menentang sebuah kuasa yang telah lebih seratus tahun sebelumnya mahir dalam kelengkapan tentera dan teknologi untuk menentang musuh. Bahawa Kesatuan Melayu Muda (KMM) tidak berupaya menentang Inggeris dengan pasukan PETA secara bersendirian apabila Jepun menyerah dalam tahun 1945 adalah bukti yang nyata yang menerangkan mengapa KMM menggunakan intelek sepenuhnya dalam perjuangannya menentang Inggeris, dan sebelumnya, Jepun. Dengan lain-lain perkataan KMM telah menggunakan ideologi untuk melemahkan kuasa-kuasa tersebut. Dalam zaman pemerintahan Jepun Ibrahim Yaacob telah menggunakan ideologi yang sama yang diperjuangkan dalam zaman British. Akan tetapi di antara 1941 hingga 1945 ideologi tersebut tidak lagi diacu kepada Jepun secara terbuka sebagaimana yang pernah diperbuat oleh KMM sebelum kemasukan Jepun. Pemimpin-pemimpin intelektual dalam KMM telah bekerjasama dengan Jepun dengan tujuan untuk mendapat kemerdekaan bagi Malaya dalam lingkungan republik Indonesia.⁷ Dengan tujuan yang sama, di samping menahan kemaraan tentera Inggeris dalam tahun 1945, Ibrahim Yaacob dan pemimpin-pemimpin Cina dalam PKM/MCP saling guna-memperguna pertubuhan politik masing-masing. Walaupun MPAJA dan PETA gagal bergabung tenaga pada akhirnya untuk mematahkan serangan Inggeris, apa yang penting kepada perjuangan KMM ialah bahawa ia mempunyai kemampuan yang luarbiasa untuk bersetuju dalam pakatan dengan komunis. Siapa yang memperalatkan siapa dalam masa pakatan tersebut adalah suatu perkara yang memerlukan kajian yang mendalam, sungguhpun komunis cenderung kepada strategi ketenteraan zaman China klasik seperti *'the next highest form of generalship is to conquer the enemy by alliance'*.⁸ Sebaliknya jika kita berpegang kepada reaksi Ibrahim Yaacob terhadap pembelotan yang dilakukan oleh PKM/MCP dalam persetujuan MPAJA-PETA untuk menentang Inggeris,⁹ pihak yang cuba diperalatkan oleh Ibrahim ialah PKM/MCP.

Di peringkat ini adalah sesuai jika kita mengingatkan diri sendiri bahawa sejak sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua lagi orang Melayu telah berpecah kepada dua pihak. Golongan pertama yang

7 Chean Boon Kheng, *Op. cit.*, hal. 58.

8 *The Art of War* (Military Manual), hal. 26.

9 Cheah Boon Kheng, *Op. cit.*

bersifat kanan ialah tokoh-tokoh yang berpendidikan Inggeris. Merekalah yang bertanggungjawab menganjurkan persidangan Pertubuhan-Pertubuhan Melayu Seluruh Semenanjung yang bertujuan untuk mencapai kata sepakat dalam memperjuangkan cita-cita nasionalisme Melayu. Slogan mereka ketika itu ialah "Malaya untuk orang Melayu". Golongan kedua yang bersifat kiri ialah yang dipimpin oleh Ibrahim Yaacob yang telah dibincangkan di atas. Ibrahim lahir di Kertau dalam daerah Temerloh, Pahang dalam tahun 1911. Dia memulakan pelajarannya di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim dalam tahun 1929. Ketika di maktab inilah Ibrahim dipercayai menjalinkan hubungan dengan pemimpin-pemimpin politik Indonesia, yang terdahulu dari ini lari dari negara Majapahit itu akibat kegagalan pemberontakan 1926-7 yang dipimpin oleh Komunis.¹⁰

Ada sumber yang mengatakan bahawa di maktab perguruan inilah Ibrahim telah dipengaruhi oleh Komunis. Di antara pemimpin-pemimpin komunis yang ditemui oleh Ibrahim Yaacob ialah Tan Malaka, iaitu wakil Komunis Antarabangsa (Comintern) bagi Asia Tenggara, Alimin, Musso dan Sutan Djenain. Djenain ialah seorang anggota Parti Komunis Malaya yang sangat aktif. Malah dikatakan bahawa sesudah pertemuannya dengan Sutan Djenain inilah Ibrahim menjadi semakin berminat dalam politik.¹¹ Akan tetapi sumber lain pula condong untuk menafikan yang Kesatuan Melayu Muda mempunyai cita-cita komunis.¹² Orang Melayu yang pertama yang menjadi anggota komunis bukanlah pelajar-pelajar dari Maktab Perguruan Sultan Idris.¹³ Memanglah diakui bahawa maktab perguruan ini menjadi pusat kegiatan politik sebelum Perang Dunia Kedua, dan oleh kerana kedudukan maktab ini sebagai pusat kegiatan politik bagi pelajar-pelajar Melayu maka dengan sendirinya pelajar-pelajar tersebut dikatakan terlibat dalam kegiatan komunis.¹⁴ Pelajar-pelajar SITC mula-mula bergiat dalam politik pada akhir tahun 1920an. Pada peringkat awalnya mereka telah dipengaruhi oleh guru-guru mereka

10 N. J. Ryan, *The Making of Modern Malaya, and Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hal. 212.

11 *Ibid.*

12 Khoo Kay Kim, *Op. cit.*, hal. 125.

13 *Ibid.*, hal. 126.

14 *Ibid.*, hal. 123.

sendiri, termasuk guru besar SITC iaitu O.T. Dussek, yang sering menggalakkan pelajar-pelajarnya supaya bangkit untuk mempertahankan tanah air dan supaya orang-orang Melayu sebagai satu bangsa tidak hilang di muka bumi.¹⁵ Di antara guru-guru di SITC yang berpengaruh sekali ialah Abdul Hadi bin Haji Hassan dan Harun bin Mohd. Amin. Cik Gu Abdul Hadi mengajar sejarah sementara Harun dalam tahun-tahun kebelakangan ini lebih dikenali dengan nama penanya Harun Aminurashid.¹⁶

Perkembangan politik di Indonesia dalam tahun-tahun 1920an tidak boleh dikesampingkan untuk mencari sumber pengaruh politik di kalangan pelajar-pelajar SITC ketika itu. Kemasukan majalah dan suratkhbar dari Indonesia ke Tanah Melayu telah memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar-pelajar tersebut di maktab perguruan. Dalam tahun 1926 satu persidangan kebangsaan bagi pemuda-pemuda Indonesia telah dilangsungkan dan di antara resolusinya ialah ikrar untuk mempertahankan "satu bangsa, satu nusa, satu bahasa — Indonesia dengan satu bendera Sang Merah Putih; satu lagu kebangsaan — lagu Indonesia-Raya".¹⁷ Parti Nasional Indonesia (PNI) yang dipimpin oleh Sukarno mempunyai pengaruh yang tidak sedikit di kalangan pelajar-pelajar SITC. Majalah-majalah yang membawa pesan perjuangan rakyat Indonesia disiarkan dalam *Bintang Timor*, *Bintang Hindia*, *Pandji Islam*, *Pandji Pustaka* dan *Suluh Rakyat Indonesia* dapat dibaca oleh pelajar-pelajar tersebut dengan mudah.¹⁸ Contoh pengaruh perjuangan rakyat Indonesia ke atas pelajar-pelajar SITC itu dapat dilihat apabila pelajar-pelajar maktab guru itu seperti Ibrahim Yaacob (Pahang), Mohd. Isa Mahmud (Melaka), Hassan Haji Abdul Manan (Selangor) dan Yaakub Mohd. Amin (Pahang) menjadi ahli PNI. Pelajar-pelajar ini juga telah menubuhkan Persatuan Pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris dalam tahun 1929 dengan bantuan Abdul Karim Rashid (Selangor), Muda Mohd. Amin (Trengganu), Mohd. Said bin Ayub (Perak), Abdul Majid (Negeri Sembilan) dan Mohd. Nor bin Ahmad (Pulau Pinang).¹⁹ Persatuan ini kemudian dikenali dengan nama Persatuan Pelajar Malaya-Borneo. Dengan pimpinan Ibrahim Yaacob

15 *Ibid.*

16 *Ibid.*

17 *Ibid.*, hal. 124.

18 *Ibid.*

19. *Ibid.*

golongan ini kemudian dibantu oleh pelajar-pelajar lain untuk menubuhkan Kesatuan Melayu Muda hampir 10 tahun kemudian iaitu pada bulan Ogos 1938.²⁰

Sementara pemimpin-pemimpin KMM mungkin tidak mempunyai kecondongan komunis, hubungannya dengan PKM/MCP di antara 1942-5 bukan lagi menjadi rahsia. Akan tetapi pada ketika itu PETA (di mana ahli-ahli KMM berselindung) dan MPAJA, yang dipimpin oleh komunis Cina, sedang menghadapi musuh bersama (common enemy) – sama ada Jepun atau British. Dalam pada itupun masing-masing curiga-mencurigai antara satu sama lain. Dalam zaman Jepun misalnya, PETA mendapat kerjasama dari Jepun tetapi dengan tujuan (Jepun) untuk menentang Inggeris. Malah KRIS atau *Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung*, kemudian dikenali dengan nama *Kesatuan Rakyat Istimewa*, ditubuhkan dengan restu pemerintahan Jepun. Sebaliknya PKM/MCP menubuhkan MPAJA untuk menentang Jepun. Tujuan ini direstui pula oleh British, dan oleh kerana itu dalam zaman pemerintahan Jepun PKM/MCP mendapat bantuan British.²¹

Kemunculan anggota-anggota komunis Melayu/Indonesia dalam barisan politik Melayu menarik minat pengkaji-pengkaji. Walaupun setakat ini boleh dikatakan belum ada suatu kajian yang lengkap mengenai kegiatan anggota-anggota komunis Melayu dalam pertubuhan politik, bahan-bahan yang ada merupakan maklumat penting kepada perkembangan politik masa itu. Menurut Profesor Khoo Kay Kim, pada akhir tahun 1920an telah muncul kegiatan-kegiatan politik yang bersifat sekular dan berbeza dengan penentangan anti-British seperti dalam peristiwa Pemberontakan Kelantan 1915 dan dalam kes Haji Abdul Rahman Embong di Trengganu beberapa tahun kemudian.²² Kegiatan-kegiatan anti-British yang bersifat sekular dalam tahun 1920an pada dasarnya dipengaruhi oleh ideologi Barat seperti sosialisme dan komunisme.²³ Walau bagaimanapun penglibatan golongan ini pada akhir tahun 1920an tidaklah begitu ketara. Akan tetapi dalam tahun 1930an perubahan telah mula berlaku.²⁴

20. *Ibid.*, hal. 125. Fn (20) Sumber-sumber lain menyebut KMM ditubuhkan dalam tahun 1937.

21. Cheah Boon Kheng, *Op. cit.*

22. Khoo Kay Kim, *Op. cit.*, hal. 111.

23. *Ibid.*

24. *Ibid.*, hal. 112.

*Until the mid-1920s, there was no sign of the serious involvement of Malays in any extremist political movement. They did not respond to the Khilafat cause. The Kaum Muda continued its struggle mainly for reforms but did not become organized to carry out political agitation against the British though, as it has been shown earlier, on the basis of their writings, they were clearly anti colonial in outlook. In later years they were drawn into the communist movement.*²⁵

Selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama beberapa orang Arab di Jawa telah menjalankan pakatan-pakatan sulit anti British. Pada 8 Julai 1919 misalnya satu perjumpaan telah diadakan di rumah Sheikh Sayyid bin Salim Moshabi di Weltevreden, Jawa yang dihadiri oleh Manggosesj dan Konsul Turki, Refet Bey. Perjumpaan ini telah memutuskan untuk menjalankan propaganda anti British di tanah-tanah jajahan Inggeris menerusi seorang yang diberi nama Ali bin Awad bin Sunkar. Ali Sunkar melawat Pulau Pinang dalam bulan Julai dengan ditemani oleh Sayyid Abdullah bin Salim Alatas dan Sheikh Taliff. Rombongan ini berusaha mencari jalan untuk menubuhkan sebuah sekolah Arab di Pulau Pinang.²⁶ Ali Sunkar mempunyai perhubungan dengan beberapa orang Arab dari Mekah yang pernah tinggal di Jawa. Orang-orang Arab ini aktif dalam Parti Turki Muda (Young Turk Party). Mereka dikatakan bekerja kepada sebuah pertubuhan yang digelar *Al-Irshad* yang dianggap oleh British sebagai sebuah parti politik orang Arab yang anti Inggeris. Pertubuhan ini mempunyai kecondongan politik terhadap pakatan *Pan-Islamism* dan *Bolshevism*.²⁷ Adalah menarik untuk mengetahui bahawa *Al-Irshad* telah dianggap oleh pegawai-pegawai Belanda sebagai sebuah pertubuhan yang memperjuangkan "taraf sama rata" dalam masyarakat Islam. Ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang Arab dari golongan *Sheikh* yang bertentangan dengan kepentingan yang diperjuangkan oleh orang Arab golongan *Sayyid*. Golongan *Al-Irshad* mempunyai seorang pemimpin yang terkemuka di Sudan iaitu Ahmad Surkati. Mereka mendapat sokongan besar dari seorang jutawan yang

25 *Ibid.*

26 *Ibid.*

27 *Ibid.*, hal. 112-3.

bernama Sheikh Omar Manqush (Manggosesj).²⁸ Seperti perjuangan Kaum Muda dalam tahun 1920an, pengikut-pengikut *Al-Irshad* menumpukan kegiatan terhadap fungsi ta'kulan (reason) dan terhadap perjuangan menentang segala macam amalan karut dalam Islam (superstitions). Kegiatan *Al-Irshad* dianggap oleh penentang-penentang-nya sebagai pengikut *Muktazilah*.²⁹ Mazhab ini lahir dalam zaman Kerajaan Umayyah dan berkembang hingga ke zaman Kerajaan Abbasiyah. Mazhab ini diasaskan oleh Huzaifah Wasil bin Atak al-Ghazali setelah ia mengasingkan diri dari gurunya, Hassan Basri, kerana perselisihan pendapat mengenai soal-soal orang Islam yang berdosa besar. Mazhab Muktazilah berpendapat bahawa agama itu berakar pada dua pokok, iaitu Al-Quran dan akal manusia. Oleh yang demikian mereka mewakili golongan rasional dan kritis terhadap hadis Nabi (s.a.w.) dan cara penafsiran Al-Quran.³⁰ Pemikiran mazhab ini telah mempengaruhi umat Islam, ulama-ulama dan pemimpin-pemimpin negara. Khalifah-khalifah Abbasiyah seperti al-Maamun, al-Muktasim dan al-Wasik telah mengakui mazhab Muktazilah sebagai mazhab negara. Sekitar zaman pengaruh Muktazilah inilah munculnya golongan Ahli-Sunnah seperti Abu Hanapiah, as-Shafie, Malik dan Ahmad bin Hanbal.³¹

Dalam tahun 1921 seorang pemimpin Sarikat Islam yang terkenal, Haji Agoes Salim, telah menaruh minat terhadap Tanah Melayu. Dalam suratnya kepada seorang yang bernama Haji Ibrahim bin Sidin, dia memberitahu bahawa jika Haji Ibrahim bersetuju dia (Haji Ibrahim) bolehlah menubuhkan Sarikat Islam di Tanah Melayu.³² Dalam tahun 1927 Negeri Johor telah menjadi pusat orang-orang pelarian komunis akibat tindakan Belanda di Indonesia. Haji Agoes Salim dikatakan menaruh minat terhadap Negeri Johor dalam tahun tersebut.³³ Malahan, dalam bulan Ogos 1926 Tan Malaka dipercayai berada di Batu Pahat dan pada 31 Ogos tahun tersebut satu mesyuarat

28 *Ibid.*, f.n., hal. 113.

29 *Ibid.*

30 Haji Dusuki bin Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1976, hal. 232.

31 *Ibid.*

32 Khoo Kay Kim, *Op. cit.*, hal. 113.

33 *Ibid.*, hal. 114.

anggota-anggota revolusi Sumatra telah diadakan di Singapura. Mesyuarat tersebut berjaya menubuhkan Sarikat Dagang Indonesia. Badan ini dijangka ditubuhkan di Pulau Pinang dan mempunyai cawangan di Kota Tinggi. Di samping itu Alimin dan Musso mempunyai tempat berlindung di Muar.³⁴ Sungguhpun pelarian-pelarian komunis Indonesia ke Tanah Melayu sudah bertapak pada pertengahan tahun 1920an, mereka mendapati sukar untuk mempengaruhi orang-orang Melayu tempatan supaya menyertai perjuangan komunis. Misalnya, dalam tahun 1925 Tan Malaka dikatakan berusaha untuk mendapatkan maklumat mengenai golongan manakah di kalangan penduduk di Tanah Melayu yang dianggap boleh dipengaruhi oleh komunis.³⁵ Perhubungan di antara komunis-komunis Indonesia dengan penduduk tempatan yang terdiri daripada orang-orang Melayu tidak dapat dikesan. Ketibaan pengikut-pengikut komunis dari Indonesia sebaliknya dibantu oleh anggota-anggota komunis Indonesia sendiri yang tinggal di Tanah Melayu. Misalnya, dalam tahun 1926 rumah seorang bangsa Jawa di Singapura telah digunakan sebagai alamat surat-menyurat anggota-anggota komunis Indonesia. Rumah tersebut dipunyai oleh Abdul Ghaffar bin Abdul Rahman, seorang broker jumaah haji ke Mekah.³⁶

Sebelum pemberontakan 1926 di Sumatra beberapa orang anggota komunis di Jawa telah berada di Singapura. Mereka ialah Musso, Winanta, Boedisoejitro dan Soebakat, sementara Tan Malaka berada di Pulau Pinang ditemani oleh Hasanoesi. Alamat surat-menyurat mereka ini di Singapura diubah kepada sebuah rumah yang disewa oleh Sheikh Abdullah Dahlan. Sheikh ini pernah menjawat kedudukan Sheikh-ul-Islam di Negeri Kedah.³⁷ Seorang yang bernama Haji Salleh Surati dari Semarang dan anaknya, Haji Safie, yang menjadi broker jumaah haji, turut terlibat dalam menguruskan pusat kegiatan komunis Indonesia di Singapura.³⁸ Malah Haji Salleh dipercayai bertanggungjawab memberi tempat tinggal kepada Raden Semaoen dalam tahun 1922.³⁹ Dalam tahun 1926 semasa di Singapura salah seorang

34 *Ibid.*, f.n.

35 *Ibid.*, hal. 117.

36 *Ibid.*

37 *Ibid.*

38 *Ibid.*, hal. 117.

39 *Ibid.*, hal. 117-8.

pemimpin Parti Komunis Indonesia, Sutan Perpateh, sering pergi ke sebuah rumah kedai menjual songkok di Arab Street. Kedai ini dipunyai oleh Haji Ali bin Haji Semaoen. Sutan Perpateh dikatakan sangat aktif di Province Wellesley, Kedah dan Perak "to collect subscriptions and to interest Javanese as well as local Malays in communism".⁴⁰ Apa yang lebih menarik ialah bahawa Sutan Perpateh selalu ditemani oleh seorang broker jumaah Haji yang bernama Haji Abdullah Halim dari Pulau Pinang. Haji Abdul Halim ialah menantu kepada Muhammad Tahir Jalaluddin yang dikenali juga dengan nama Sheikh Tahir Jalaluddin, iaitu seorang pemimpin Kaum Muda.⁴¹ Walau bagaimanapun, usaha-usaha Sutan Perpateh untuk menarik keahlian orang Melayu dalam komunis tidak berjaya.⁴²

PERKEMBANGAN DI KALANGAN "MALAY LEFTISTS"

Dalam sepucuk suratnya kepada Boedisoejitro, pemimpin Komunis Indonesia Tan Malaka berkata, antara lain: "*In brief, if one looks for a movement in the F.M.S., it is not to be sought from the Malays. It will certainly come from the Chinese and Klings, whatever sort of movement it may be*".⁴³ Akan tetapi dalam tahun 1926 Boedisoejitro telah berusaha menubuhkan sebuah kelab di Kalang District, Singapura. Dalam usaha ini Boedisoejitro telah menemui Omar bin Haji Samad dari Sumbawa Road. Lain-lain orang yang terlibat dalam usaha-usaha untuk menubuhkan kelab tersebut ialah seorang yang bernama Haji Jaafar, iaitu seorang sahabat Abdul Ghaffar dari No. 84, Onan Road, Singapura, dan Syed Mahdar.⁴⁴ Rumah tersebut yang diduduki oleh Haji Ghaffar di Onan Road sebenarnya menjadi pusat kegiatan komunis dari Indonesia.

40 *Ibid.*, hal. 118.

41 *Ibid.*

42 *Ibid.*

43 Dipetik oleh Khoo Kay Kim dalam C.O. 273/535, Guillemard to Amery, 7 December 1925; encl. MBPL, No. 44 Oct. 1926 item 306, *ibid.*, hal. 119.

44 *Ibid.*

Dalam tahun 1925 Inggeris di Tanah Melayu mula memberi perhatian kepada sebuah majalah yang diterbitkan di Mesir iaitu *Seruan Azhar*. Ketua Pengarang majalah tersebut ialah Janan Al Taib dari Bukit Tinggi, Menangkabau, Sumatra, sementara penolong pengarangnya ialah Othman bin Abdullah dari Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, apa yang menarik dari perkembangan "gerakan kiri" di Tanah Melayu ialah bahawa dalam tahun 1922 sebuah pertubuhan pelajar-pelajar Indonesia dan Malaya yang pertama telah ditubuhkan di Kaherah, Mesir dan diberi nama *Jam'iah Al-Khairiah*.⁴⁵ Dalam bulan Oktober 1925 Othman bin Abdullah dikatakan menjadi salah seorang penggerak utama persatuan itu yang bertanggungjawab terhadap penerbitan *Seruan Azhar*. Othman bin Abdullah disebut sebagai "seorang pelajar yang kaya".⁴⁶ Sungguhpun *Seruan Azhar* menitikberatkan masalah-masalah agama, majalah ini mendapat perhatian luar biasa di Tanah Melayu kerana kecondongannya terhadap "a new and aggressive spirit of cover political discussion."⁴⁷ Perbincangan-perbincangan mengenai soal-soal politik tertumpu kepada perkara yang melibatkan konsep-konsep seperti *Pan-Islamism*, *Pan-Malayanism* (penyatuan Indonesia dengan Malaya), dan nasionalisme yang bersifat anti penjajah.⁴⁸ Sungguhpun pada ketika itu kesedaran secara meluas dan terperinci terhadap *Pan-Islamism* di Malaya belum wujud, kecuali kesedaran untuk melakukan perubahan di kalangan orang Melayu, mereka menaruh minat yang besar kepada kemungkinan-kemungkinan ke arah penyatuan Indonesia-Malaya. *Seruan Azhar* sebenarnya memainkan peranan yang penting ke arah matlamat ini.⁴⁹ Rencana pengarang yang pertama majalah tersebut, yang ditulis oleh seorang yang bernama Mahmoud el Jounousij, telah menyeru rakyat Sumatra, Jawa, Borneo, dan Malaya supaya bersatu "dengan satu jiwa untuk kemajuan dan kemakmuran."⁵⁰ Dalam bulan Disember 1927 *Seruan Azhar* telah mengulas keadaan di Indonesia bagi sepanjang tahun 1927. Katanya,

45 Lihat William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 88.

46 *Ibid.*

47 *Ibid.*

48 *Ibid.*, hal. 88-89.

49 *Ibid.*, hal. 89.

50 *Ibid.*

dalam tahun tersebut sengketa antara Kaum Muda dengan Kaum Tua telah berubah menjadi sengketa mengenai komunis dan non-komunis.⁵¹ *Seruan Azhar* dan sebuah lagi majalah yang berpengaruh waktu itu, iaitu *Pilihan Timour*, telah sekata dalam pandangan mereka terhadap perlunya pandangan-pandangan diubah kepada soal-soal politik yang melibatkan komunis dan non-komunis.⁵² Oleh sebab itu bukanlah suatu perkembangan yang menghairankan apabila Othman Abdullah kemudian menceburkan diri dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM).⁵³

Dalam bulan Mei 1926 seorang yang bernama Muhammad Yunus bin Abdul Hamid diberi perhatian oleh Inggeris kerana dianggap mempunyai perhubungan dengan komunis.⁵⁴ Dalam sepucuk suratnya dalam tahun itu kepada Abdul Ghaffar yang tinggal di No. 84, Onan Road, Singapura, Muhammad Yunus dikatakan bertanya kepada Abdul Ghaffar tentang nama bakal suratkhbar yang Abdul Ghaffar hendak terbitkan, kemudian mencadangkan kepada Abdul Ghaffar nama nama seperti "Fajar Timor" dan "Fajar Islam".⁵⁵ Pada waktu itu Muhammad Yunus ialah penerbit dan pengarang suratkhbar *Idaran Zaman*.⁵⁶ Muhammad Yunus kemudian menjadi Pengarang suratkhbar *Saudara* (1928) yang pertama yang diasaskan oleh Sayyid Shaykh Al-Hadi, pemimpin Kaum Muda. Tetapi dalam bulan Mei 1926 itu Muhammad Yunus menjadi Pengarang suratkhbar *Malaya*.⁵⁷ Satu perkara yang penting disebut ialah bahawa semasa Muhammad Yunus memegang teraju *Saudara* suratkhbar ini (*Saudara*) "*became one of the most influential newspapers in Malaya and a powerful and uncompromising critic of Malay life*".⁵⁸ Sejauh mana Muhammad Yunus dikatakan mempunyai keccondongan komunis tidak diketahui, walaupun hubungannya dengan rumah yang menjadi pusat kegiatan komunis itu boleh dikesan.

51 *Ibid.*, hal. 90.

52 *Ibid.*, hal. 224.

53 *Ibid.*

54 *Ibid.*, hal. 121.

55 *Ibid.*

56 *Ibid.* Lihat juga William R. Roff, *Op. cit.*, hal. 83 dan 165.

57 Khoo Kay Kim, *Op. cit.*, hal. 121.

58 Roff, *Op. cit.*, hal. 166.

PARTI KOMUNIS MALAYA DAN ORANG MELAYU DALAM TAHUN 1920AN

Kemunculan pergerakan komunis di Malaya lebih merupakan kebetulan dari sesuatu yang dirancang.⁵⁹ Pada awal tahun 1924 seorang pemimpin Komunis Indonesia, Alimin, telah singgah di Singapura dalam perjalanannya ke Persidangan Buruh Pan Pasifik yang dijadual diadakan di Canton dalam bulan Jun tahun tersebut. Di persidangan itu Alimin dikatakan berkemungkinan membuat laporan kepada Comintern mengenai kegiatan komunis di Singapura. Ini didasarkan kepada fakta bahawa dalam tahun 1925 Tan Malaka, yang menjadi ketua wakil Comintern bagi seluruh Asia Tenggara, telah menggesa Parti Komunis China (CCP) di Canton supaya anggota-anggota komunis menyusup dalam kumpulan-kumpulan Sayap Kiri di Singapura.⁶⁰ Tidak lama selepas itu anggota-anggota Comintern Indonesia mulai cergas di Malaya. Dalam tahun 1925 akibat kegagalan pemberontakan komunis di Jawa, pemimpin-pemimpinnya seperti Tan Malaka, Soebakat dan Tamin, dan kemudian Alimin dan Musso mencari perlindungan di Singapura.⁶¹ Perkembangan yang menarik di Singapura ialah bahawa pada waktu itu telah timbul niat pemimpin-pemimpin komunis tersebut untuk menghasut orang-orang Melayu supaya menyertai komunis. Usaha ini dilakukan sebagai langkah untuk mengimbangi bilangan anggota komunis dari golongan orang Cina.⁶² Akan tetapi usaha ini tidak berjaya. Sementara itu Biro Timur Jauh Comintern yang berpusat di Shanghai berusaha untuk menyusupkan anggota-anggota komunis yang berpengalaman dalam Jawatankuasa Revolusi Malaya di bawah Kuomintang (Parti Kebangsaan China). Dalam tahun-tahun berikutnya agen-agen Comintern dikatakan berjaya dalam tugas-tugas penyusupan terutama di Singapura dan Kuala Lumpur.⁶³ Tetapi satu masalah lain timbul. Pada akhir tahun-tahun 1920an Kerajaan Kebangsaan Negeri China telah mengharamkan Komunisme. Anggota-anggota komunis

59 Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1971, hal. 28.

60 *Ibid.*, hal. 28-29.

61 *Ibid.*, hal. 29.

62 *Ibid.*

63 *Ibid.*, hal. 30.

yang bergiat di Malaya dihantar balik ke negeri China oleh Inggeris di mana mereka dibunuh oleh Kerajaan Nasionalis. Perkembangan ini telah menyebabkan Comintern berusaha memikirkan strategi baru. Oleh itu Persidangan Kesatuan Sekerja Pan-Pasifik yang dilangsungkan di Shanghai dalam bulan Ogos 1929 telah diberitahu tentang kesukaran untuk menyusun rancangan dan menyatu-padukan golongan-golongan tertentu dalam kesatuan sekerja. Adalah penting diingat bahawa salah satu dari tujuan komunis ialah untuk menggunakan kesatuan-kesatuan sekerja sebagai pusat-pusat kegiatan mereka secara berselindung. Oleh kerana komunis antarabangsa menghadapi tekanan-tekanan kerajaan Inggeris di tanah-tanah jajahan, maka mereka mengambil keputusan menyusun semula kegiatan komunis supaya pimpinannya tidak dimonopoli oleh orang-orang Cina Seberang Laut. Langkah ini diambil kerana pemimpin-pemimpin Cina yang diketahui oleh Inggeris bergiat dalam pergerakan komunis akan dihantar balik ke negeri asal mereka. Comintern mahu supaya kekosongan itu dipenuhi oleh orang tempatan, dan di Tanah Melayu, oleh orang Melayu.⁶⁴ Di Singapura satu persidangan buruh yang diberi nama Kongres Buruh Persekutuan Nanyang telah diadakan. "*A clue to Comintern designs at the time, calling for a broader organization of other races and a de-emphasis of Chinese pre-eminence, is found in the tone of the Congress*".⁶⁵ Penekanan baru ialah ke arah untuk meramaikan anggota komunis yang terdiri dari orang Melayu. Seorang wakil ke persidangan itu disebut sebagai berkata perlunya pekerja-pekerja Melayu digalakkan menyertai kesatuan sekerja di bawah pimpinan Persekutuan Buruh Malaya. Wakil itu disebut sebagai mengingatkan persidangan bahawa "*the main point to bear in mind is that the Malay worker must be reached and recruited*...."⁶⁶ Parti Komunis Malaya, sebagaimana yang telah disedari oleh Comintern pada awal-awalnya, dan sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Tan Malaka sendiri kepada Comintern dan Boedisoejitro terdahulu dari ini, menghadapi kesulitan untuk mendapatkan keahlian komunis di kalangan orang Melayu. Walau bagaimanapun, dalam tahun-tahun akhir 1930an perubahan telah

64 *Ibid.*, hal. 37-39.

65 *Ibid.*, hal. 40.

66 *Ibid.* Disebut oleh Hantrahan dalam *Pan-Pacific Monthly*, No. 38 (September - October, 1930).

berlaku. Dalam hal ini Parti Komunis Malaya mendapat bantuan dari pemimpin-pemimpin komunis Indonesia seperti Tan Malaka, Musso, Soebakat dan Boedisoejitro.⁶⁷ "After the war, the MCP opened its doors wider to Indian-educated groups who were former INA and KMM members respectively".⁶⁸ Malah dalam masa pemerintahan Jepun orang Melayu telah mewujudkan hubungan dengan Parti Komunis Malaya.

*The most important contacts between the MCP and the Malays had been established during the war. We have the personal account of the KMM leader, Ibrahim Yaacob, in which he claims that the KMM had contacts with Lai Tek through Tan Mai Sang, Lai Tek's side, and Sutan Djenain, the Indonesian communist in the MCP who was a close friend of the KMM leaders.*⁶⁹

Ibrahim Yaacob dikatakan bersetuju untuk bekerjasama dengan PKM dalam usaha mereka menentang Ingeris sekiranya Jepun menyerah kalah.⁷⁰ Akan tetapi, sebagaimana yang telah dikatakan, sejauh manakah perhubungan itu boleh mempengaruhi ideologi KMM? Atau adakah KMM itu sendiri boleh dipengaruhi oleh komunis? Ada dua perkara yang perlu diperhatikan Pertama, Parti Komunis Malaya berusaha untuk mewujudkan *Republik Malaya*,⁷¹ sementara Kesatuan Melayu Muda berjuang untuk mewujudkan *Melayu Raya*. Yang kedua, kegagalan komunis di Negeri China sendiri menyebabkan Parti Komunis China (CCP) mengguna kaedah baru, iaitu dengan menyusup dalam Nationalist Party (Kuomintang).⁷²

67 Cheah Boon Kheng, *Ibid.*, hal. 58-59.

68 *Ibid.*, hal. 62-63.

69 *Ibid.*, hal. 62-63.

70 *Ibid.*

71 Hanrahan, *Op. cit.*, hal. 48.

72 *Ibid.*, hal. 40. Untuk pengetahuan sepintas lalu mengenai espionage yang dijalankan oleh komunis sila lihat Richard Deacon, *The Chinese Secret Service*, Ballantine Books, New York, 1974.

SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA: SOSIALISME NASIONALIS

Walaupun sesudah Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu pemimpin-pemimpin KMM, PETA dan KRIS telah ditangkap kerana bersubahat dengan Jepun, cita-cita perjuangan pemimpin-pemimpin Melayu sebelum 1945 terus disambung. Tugas ini diambil-alih oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmy, dia sendiri salah seorang anggota yang terawal dalam KMM. Dr. Burhanuddin dilahirkan di Kota Baru, Perak dalam tahun 1911. Dia mula-mula belajar di Indonesia dan kemudian mendapat ijazah perubatan homeopathy di India. Dalam tahun 1937 dia menjadi wartawan bagi suratkhbar (?) *Kehidupan Dunia Akhirat*, menjadi pengarang majalah *Taman Bahagia* (1937) dan di antara tahun 1937 dan 1940 mengajar di Madrasah Aljunied, Singapura. Dalam zaman pemerintahan Jepun Dr. Burhanuddin ialah seorang "pegawai tinggi" dalam pentadbiran tentera itu.⁷³ Lebih kurang dalam tahun 1942 Dr. Burhanuddin pernah memberi sumbangan kepada hal ehwal agama yang diselenggarakan oleh Hizbul Muslimin di Taiping bersama-sama Abu Bakar al-Baqir.⁷⁴ Dalam perundingan dengan Jepun untuk menubuhkan kerajaan di Malaya nama Dr. Burhanuddin telah dicadangkan untuk menyertai kabinet KRIS-Jepun bersama-sama dengan Datuk Onn bin Jaafar, Abdul Rahman Yassin, Datuk Abu Samah, Ibrahim Yaacob dan lain-lain.⁷⁵ Dr. Burhanuddin mahir dalam dua bahasa, Melayu dan Arab, serta sedikit-sedikit bahasa Inggeris.

Pada akhir tahun 1945 apabila Jepun mengisytiharkan kekalahan, Ibrahim Yaacob mengambil peluang yang terbuka ini untuk mengelak dari Inggeris dengan melarikan diri ke Indonesia. Oleh kerana Dr. Burhanuddin merupakan salah seorang yang terawal menyertai KMM dan KRIS, maka tugas-tugas pimpinan KRIS terus diambil-alih oleh Dr. Burhanuddin. Akan tetapi Dr. Burhanuddin tidak

73 Means, Op. cit., hal. 95. Lihat juga K. J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1965, hal. 228. Ratnam bagaimanapun menyatakan bahawa Burhanuddin dilahirkan di Kota Baru, Kelantan. Hal ini adalah satu kesilapan.

74 Nabir bin Haji Abdullah, "Ustaz Abu Bakar al-Baqir Dalam Kenangan", dalam *Malaysia in History*, No. 2, 1976, hal. 32.

75 *Ibid.*

lama dengan KRIS kerana beberapa hari kemudian KRIS diharamkan oleh Inggeris. Walau bagaimanapun dalam bulan Oktober 1946 sebuah pertubuhan politik yang diberi nama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah ditubuhkan dengan Mokhtaruddin Lasso sebagai presidennya yang pertama. Dalam tempoh beberapa bulan saja anggota-anggota KMM, PETA dan KRIS telah bertemu semula dalam PKMM dan Dr. Burhanuddin sekali lagi memimpin salah sebuah parti politik Melayu yang terawal ini apabila dia mengambil-alih dari Mokhtaruddin.⁷⁶ Mokhtaruddin sebenarnya telah dilahirkan di Indonesia. Menerusi hubungannya dengan Parti Komunis Indonesia terdahulu dari ini Mokhtaruddin telah dapat pergi ke Moscow di mana dia dikatakan mendapat latihan ideologi dan kepimpinan komunis.⁷⁷ Mokhtaruddin datang ke Singapura sebagai seorang wartawan mewakili suratkhbar di Indonesia. Dia kemudian menjadi anggota Parti Komunis Malaya dan dalam masa perang Jepun Mokhtaruddin mengetuai bahagian orang Melayu dalam "Kesatuan Anti Jepun" yang ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya.⁷⁸ Dalam masa pimpinannya-lah PKMM dipengaruhi oleh Parti Komunis Malaya. Misalnya, Sutan Djenain, Abdullah C.D. dan Rashid Mydin menjadi anggota Parti Komunis.⁷⁹ Malahan tidak lama selepas Perang Jepun Mokhtaruddin Lasso, yang telah lama aktif di Perak, berusaha untuk menubuhkan sebuah parti politik Melayu. Ini dilakukannya dengan mempengaruhi kakitangan suratkhbar *Suara Rakyat* di Ipoh. Pengarang suratkhbar tersebut pada waktu itu, Ahmad Boestamam, telah diminta mempengerusi mesyuarat bagi parti politik yang dicadangkan. Mokhtaruddin juga cuba mengguna *Suara Rakyat* dengan sumbangan wang yang diperolehi dari Parti Komunis Malaya.⁸⁰ Di mesyuarat untuk menubuhkan parti politik berkenaan Mokhtaruddin Lasso telah membawa sahabat-sahabatnya seperti Arshad Ashaari, Baharuddin Tahir, Rashid Mydin dan Abdullah C.D.⁸¹ Dalam mesyuarat inilah Parti Kebangsaan

76 Means, *Op. cit.*, hal. 89.

77 Ibid, hal. 96. Lihat juga Alias Mohamed, *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilemma*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1978, hal. 94-95.

78 Means, *Ibid.*, hal. 96.

79 Cheah Boon Kheng, *Op. cit.*, hal. 57.

80 *Ibid.*, hal. 63.

81 *Ibid.*, hal. 64.

Melayu Malaya mula disebut. Nama parti ini dicadang oleh Ahmad Boestamam, yang tidak mempunyai kecondongan komunis, sementara Arshad Ashaari, seorang anggota komunis, mencadangkan nama Parti Sosialis Malaya.⁸² Akan tetapi mesyuarat telah memutuskan untuk memberi nama Parti Kebangsaan Melayu Malaya kepada pertubuhan politik yang dicadangkan oleh Boestamam.⁸³ Dasar-dasar PKMM diisytiharkan di pembukaan parti ini di Ipoh pada 30 November 1945. Perjuangannya yang terpenting ialah untuk berusaha ke arah penyatuan Malaya-Indonesia.⁸⁴ Tidak ada perkara "Islam" yang disebut dalam perjuangan parti ini. Sebaliknya mesyuarat pada 30 November itu telah mengeluarkan 8 (lapan) resolusi dan diterima oleh anggota-anggota parti. Apa yang menarik ialah bahawa tujuan-tujuan nombor 2, 3, 5, dan 6 yang diperjuangkan oleh PKMM adalah sama dengan tujuan-tujuan nombor 4, 6, 7 dan 8 yang diperjuangkan oleh Parti Komunis Malaya.⁸⁵ Malah dikatakan bahawa rancangan "lapan perkara" PKMM telah diinspirasikan oleh rancangan "sembilan perkara" Parti Komunis Malaya.⁸⁶ PKMM mempunyai dua cawangan lain untuk melengkapi dasar-dasar perjuangannya, iaitu API atau Angkatan Pemuda Insaf dan AWAS atau Angkatan Wanita Sedar. API dipimpin oleh Ahmad Boestamam. Akan tetapi yang menarik ialah AWAS kerana sayap wanita dalam PKMM ini dipimpin oleh seorang anggota Parti Komunis iaitu Shamsiah Sutan Pakeh.⁸⁷

Pada dasarnya penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah didorong oleh keazaman untuk mendapat kemerdekaan dari Inggeris. Tetapi pada akhir tahun 1946 apabila Inggeris meminta parti ini mengirimi seorang wakilnya untuk menduduki jawatankuasa bagi membincang masalah kerakyatan dalam Malayan Union, PKMM menghantar sebuah memorandum kepada Kerajaan menyeru supaya sebuah kerajaan "united Malaya" diwujudkan di bawah pemerintahan sebuah kerajaan pusat.⁸⁸ PKMM juga mencadangkan supaya kerajaan

82 *Ibid.*

83 *Ibid.*

84 *Ibid.*

85 *Ibid.* Lihat hal. 26 dan 63.

86. *Ibid.*, hal. 26.

87 Ryan, *Op. cit.*, hal. 214.

88 Means, *Op. cit.*, hal. 89.

yang dicadangkan itu mewujudkan sebuah majlis perundangan di mana tiga suku anggota-anggotanya terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih dan separuh dari jumlah anggota-anggota ini hendaklah orang Melayu.⁸⁹ Cadangan dalam memorandum ini sebenarnya bertentangan dengan dasar-dasar anti British yang telah didokong sendiri oleh parti ini terdahulunya, sehingga ia memberi implikasi bahawa sebarang "pemerintahan bersyarat" dari Inggeris tidak akan diterima oleh PKMM. Dengan memorandum tersebut PKMM menerima (a) "pemerintahan bersyarat: iaitu dengan bersetuju menerima tiga suku anggota-anggota majlis terdiri dari ahli-ahli yang dipilih, dan dari jumlah tiga suku ini PKMM menghendaki separuh saja anggota terdiri dari orang Melayu. Ini bermakna bilangan orang Melayu yang dipilih dalam majlis yang dicadangkan itu hanya satu-per-tiga, dan (b) sesuku lagi ahli majlis adalah anggota-anggota yang mungkin dilantik. Oleh kerana PKMM tidak menyatakan bilangan orang Melayu dari golongan anggota yang dilantik, maka bolehlah dianggap untuk sementara bahawa mungkin tidak ada orang Melayu yang akan lantik oleh Inggeris untuk menduduki Majlis Perundangan Persekutuan yang dicadangkan itu. Secara essensi orang Melayu akan mempunyai perwakilan sebanyak lebih kurang 30 peratus dan penyertaan ini tidak sesuai dengan tujuan-tujuannya yang lain dalam piagam parti itu, seperti cadangan untuk mewujudkan Bahasa Melayu sebagai bahasa resmi kerajaan. Dengan lain-lain perkataan, cadangan PKMM mengenai bahasa resmi adalah satu cadangan yang mungkin sudah dijangka oleh pemimpin-pemimpinnya tidak akan dilayan oleh Inggeris – parti itu sendiri hanya mempunyai penyertaan 30 peratus saja dalam Majlis Perundangan. Oleh sebab itu sebarang langkah untuk merealisasikan tuntutan orang Melayu tidak mungkin akan tercapai. Walau bagaimanapun, cadangan PKMM mengenai penyertaan orang Melayu dalam kerajaan yang dibentuk oleh Inggeris boleh dianggap sebagai "agresif" dilihat pada masa itu.

Pada akhir tahun 1945 PKMM telah berjuang untuk menjadikan Malaya sebahagian dari "Indonesia Raya" (Greater Indonesia). Tujuan ini sekali gus memperlihatkan rancangannya untuk mencakup keseluruhan bangsa-bangsa bumiputera keturunan Melayu ke dalam entiti politik yang baru. Akan tetapi adalah tidak jelas sama ada PKMM mahu rancangan itu dilaksanakan menurut perhitungan agama atau ras.

89 *Ibid.*

Soal ini amat penting kerana ia menyentuh rancangan-rancangan pemimpin-pemimpin Melayu dari *Parti Islam Se Malaysia (PAS)* sejak tahun 1950an hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, satu soal yang tidak kurang penting yang timbul dalam masa PKMM dipimpin oleh Dr. Burhanuddin ialah kesanggupannya untuk menyertai cadangan Inggeris untuk menubuhkan Malayan Union. Dikatakan bahawa Dr. Burhanuddin telahpun menunjukkan kecondongannya kepada penubuhan Malayan Union semasa dia masih memimpin KMM lagi.⁹⁰ Pada awal ini kita telah menyaksikan bagaimana KMM telah menentang "borjuis-feudalis" dan pemimpin-pemimpin tradisional yang disokong oleh Inggeris,⁹¹ dan bagaimana PKMM, yang memperjuangkan cita-cita KMM dahulu itu berusaha hendak menubuhkan "republik" yang pasti akan menafikan peranan Raja-Raja Melayu. Malah PKMM telah menyetujui penubuhan Malayan Union yang dicadangkan oleh British "because it believes that the creation of the Union would not only reduce the powers of the Malay Rulers, but would eventually do away with the Sultanate system altogether."⁹² Rancangan Inggeris untuk menubuhkan Malayan Union juga dianggap boleh melicinkan usaha-usaha PKMM untuk mempercepatkan penubuhan sebuah kerajaan republik di bawah lingkungan Indonesia Raya.⁹³ Tetapi sikap pemimpin-pemimpin PKMM terhadap Malayan Union akhirnya berubah apabila mereka sedar tentangan-tentangan orang Melayu yang hebat terhadap rancangan Inggeris tersebut.⁹⁴ Dilemma yang dihadapi oleh

90 *Ibid.*, hal. 90 dan 96.

91 Lihat Robert L. Winzeler, "The Social Organization of Islam in Kelantan", dalam William R. Roff (ed.), *Kelantan-Religion, Society and Politics in A Malay State*, Oxford University press, Kuala Lumpur, hal. 259-271, dan Clives. Kessler, *ibid.*, hal. 272-310; C. S. Kessler, *Islam and Politics in a Malay State: Kelantan 1838-1969*, Cornell University Press, Ithaca, 1978, dan Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hal. 317, terutama mengenai toleransi Belanda terhadap pemimpin-pemimpin tradisional, yang ada persamaan dengan sikap Inggeris terhadap pemimpin-pemimpin tradisional di Malaya hingga hal ini menjadi kemarahan KMM.

92 Cheah Boon Kheng, *Op. cit.*, hal. 14.

93 *Ibid.*

94 *Ibid.* Untuk perbincangan mengenai penyertaan Dr. Burhanuddin dalam rancangan Malayan Union sila lihat Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region, 1945-65*, Penerbit Universiti Malaya, 1974.

Dr. Burhanuddin dan PKMM yang dipimpinnya amat jelas pada waktu itu. Penyertaan PKMM dalam Pan-Malayan Council of Joint Action (PMCJA), misalnya, bukan saja pertentangan dengan dasar-dasar yang pernah diatur oleh KMM dan PKMM sendiri, malah bertentangan dengan nasionalisme yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu dalam Parti Islam (PAS) yang dia sendiri mengambil-alih tidak lama kemudian. Pada 22 Disember 1946 PMCJA ditubuhkan iaitu hasil dari perisytiharan British terdahulu dari itu bersetuju dengan Sultan-sultan dan UMNO untuk membatalkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu. Perisytiharan ini ditentang oleh komunis, PKMM dan anggota-anggota yang radikal dalam *Malayan Democratic Union (MDU)*. Untuk mencapai tujuan-tujuannya Parti Komunis menggunakan *Persekutuan Kesatuan-Kesatuan Sekerja Se Malaya* (Pan Malayan Federation of Trade Unions – PMFTU), *Liga Belia Demokratik Baru* (new Democratic Youth League), *Persatuan Bekas-Bekas Perajurit MPAJA* atau *Ex-MPAJA Comrades' Association* dan *Persekutuan Wanita-Wanita* yang dikuasai oleh komunis. Pertubuhan-pertubuhan ini bergabung dengan PKMM, MDU dan MIC untuk menubuhkan *Barisan Bersatu* (United Front) yang diberi nama *Council of Joint Action* atau CJA.⁹⁵ Oleh kerana CJA menumpukan kegiatannya di Singapura maka mesyuarat 22 Disember 1946 itu merasakan perlu diperluaskan kegiatannya di Malaya. Di mesyuarat ini PMCJA diwujudkan.⁹⁶ Dari segi keanggotaan, PMCJA mempunyai alasan untuk dicurigai. Majlis ini didatangi oleh komunis dan juga sosialis seperti John Eber, pemimpin MDU. Pengerusinya ialah Tan Cheng Lock yang pada masa itu seorang pemimpin Persatuan-Persatuan Cina, Negeri-negeri Selat.⁹⁷

Keahlian Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) tidak lama dalam majlis tersebut dan tidak menyertai mesyuarat kedua PMCJA tersebut yang diadakan pada 6 Januari 1947.⁹⁸ Sungguhpun demikian adalah mustahak diketahui bahawa perasmian PMCJA sebenarnya diadakan di ibu pejabat PKMM. Tetapi dalam bulan Ogos 1947 PMCJA bertukar nama menjadi *All-Malaya Council of Joint Action* (AMCJA)

95 *Ibid.*, hal. 86–7.

96 *Ibid.*, hal. 39.

97 *Ibid.*

98 *Ibid.*, hal. 41.

kerana tentangan *Dewan Perniagaan Cina* (Singapore Chinese Chamber of Commerce dan Associated Chinese Chamber of Commerce) terhadap nama "Pan Malayan" yang dianggapnya sebagai dikuasai oleh komunis. PKMM pula dikatakan menentang nama "Malayan" kerana nama ini diguna oleh orang Melayu untuk orang bukan Melayu sahaja.⁹⁹ Sementara itu PKMM telah berjaya menubuhkan sebuah gabungan parti-parti politik Melayu yang diberi nama *Pusat Tenaga Rakyat* (PUTERA), yang bertujuan menentang cadangan-cadangan untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu.¹⁰⁰ Sejumlah lebih kurang 100 buah pertubuhan telah menyertai gabungan ini. Badan gabungan tersebut sebenarnya diinspirasikan oleh pergerakan kebangsaan Indonesia. Dalam tahun 1943 Sukarno pernah menggabungkan beberapa buah pergerakan politik ke dalam sebuah badan gabungan yang terbesar yang juga diberi nama PUTERA.¹⁰¹ Satu perkembangan yang menarik ialah bahawa sementara PKMM menarik diri dari PMCJA pada awal tahun 1947, parti ini seolah-olah "sirih pulang ke gagang" apabila PUTERA yang ditubuhkannya itu bergabung dengan AMCJA untuk menjadi United Front.¹⁰²

Bahawa perjuangan kebangsaan Melayu (Malay nationalism) yang dipelopori oleh tokoh-tokoh radikal Melayu menghadapi dilemma yang hebat di antara 1930an dan 1948 tidak boleh dinafikan. Masalah-masalahnya tertumpu kepada orientasi kepimpinan, *approach* kepimpinan dan ideologi. Nasionalis-nasionalis Melayu telah cuba memandang ke Indonesia untuk mendapat panduan dalam cita-cita politik. Akibatnya massa Melayu tempatan yang tidak biasa dengan sistem sosial dan ekonomi Indonesia memindah kepada pemimpin-pemimpin tradisional dan Raja-Raja Melayu untuk perlindungan dan *salvation*. Dari segi *approach* kepimpinan, dari awal-awal tahun 1930an lagi pemimpin-pemimpin tradisional telah dialienasikan oleh nasionalis-nasionalis kerana dianggap penyokong *status quo*. Keadaan ini ada kaitannya dengan ideologi dan orientasi kepimpinan. Sungguhpun penerimaan orang Melayu terhadap soal-soal yang bersangkutan-paut dengan agama adalah mudah, dalam tahun 1930an nasionalis-

99 *Ibid.*, hal. 39.

100 *Ibid.*, hal. 41.

101 *Ibid.*

102 Cheah Boon Kheng, *Op. cit.*, hal. 87-89.

nasionalis Melayu telah dikongkong oleh pengaruh sosioalisme-komunisme Indonesia untuk mereka menyedari bahawa tradisi ism-ism ini adalah sesuatu yang alien kepada massa rakyat. Sebenarnya hal ini dari satu segi disebabkan oleh "one-way traffic" dari segi mobiliti dan penerimaan pemikiran. Dengan lain-lain perkataan, rata-rata orang Melayu tidak berpindah ke Indonesia sebagaimana orang Indonesia berhijrah ke Malaya akibat pemberontakan-pemberontakan komunis di Jawa dan kemudian di Sumatra. Oleh yang demikian penerimaan adalah lambat dan hanya di kalangan nasionalis-nasionalis didikan sekular hal ini benar. Kalangan agama Islam Indonesia yang ada kecondongan komunis dan tinggal sementara di Malaya pada awal tahun 1920an, menjadi pasif apabila mendapati bahawa reseptiviti di kalangan penduduk tempatan adalah sukar dan lambat. Pada pokoknya, kegagalan nasionalis-nasionalis Melayu adalah kerana terdapat kekosongan dalam pemikiran massa yang hendak disuntik oleh nasionalis-nasionalis tersebut. Selepas Perang Dunia Kedua kita telah menyaksikan suatu perlumbaan yang hebat di kalangan nasionalis-sosialis-komunis untuk mengidentifikasikan massa dengan perjuangan masing-masing. Akan tetapi kesemuanya gagal kerana mereka tidak berjaya mengidentifikasikan permintaan-permintaan rakyat, iaitu pengiktirafan terhadap perhubungan antara pemimpin-pemimpin tradisional dan rakyat jelata dan sensitiviti massa terhadap agama dan ethnisiti. Pada awal tahun 1950an tugas ini masing-masing dipikul oleh UMNO dan Parti Islam.

PARTI POLITIK ISLAM

Semangat kebangsaan Melayu tidak lahir dari satu *vacuum*. Sejak sebelum awal abad ke 20 lagi perkembangan-perkembangan di Timur Tengah, terutama di Turki, telah mula menempuh Tanah Melayu. Pada awal abad ke 20 tidak kurang dari 100 orang penuntut-penuntut Melayu berada di Kaherah.¹⁰³ Kemudian bermula dari awal tahun 1920an pergerakan nasionalis di Indonesia menjadi sumber terpenting kepada perjuangan orang-orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan.

103 Lihat Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, *Op. cit.*

Pada tahap awal perkembangannya nasionalisme Melayu telah disuarakan menerusi persatuan-persatuan dan sekolah-sekolah agama serta melalui bahan-bahan bacaan dan sastera Islam.¹⁰⁴ Akan tetapi oleh kerana dasar Inggeris condong kepada hirarki tradisional, perkembangan dalam kemajuan nasionalisme Melayu telah membenarkan nasionalis-nasionalis mengambil peranan utama memperjuangkan cita-cita kemerdekaan. Sehingga pada akhir tahun 1940an penyertaan elita agama dalam politik hanya terhad kepada nasionalis-nasionalis yang mempunyai kecondongan terhadap sosialisme dan nasionalisme Indonesia. Keadaan ini telah diperlicinkan oleh kehadiran pengaruh nasionalisme Indonesia di mana nasionalis-nasionalis Melayu yang memimpin PKMM mendapat perangsang dan inspirasi. Perkembangan ini mengakibatkan berlakunya pengalienasian terhadap struktur tradisional dalam penyertaan mereka dalam *mainstream* politik. Milne dan Mauzy, misalnya, menyebut tentang suatu *alignment* dalam struktur tradisional di mana telah wujud "*an alliance of traditional forces that was unbreakable*".¹⁰⁵ Walau bagaimanapun, pakatan antara "*rural-centred Islam*" di kalangan massa dan "*sub-ruling class*" di satu pihak dan "*traditional ruling class*" di satu pihak yang lain, mengalami proses yang kritis apabila satu golongan baru mula muncul untuk memberi pimpinan kepada "*sub-ruling class*" dan agama.

Sungguhpun "elita agama" dipercayai muncul dari Majlis Islam Tertinggi (MATA),¹⁰⁶ ia mempunyai akar yang kokoh dalam perkembangan nasionalisme Melayu sejak tahun 1930an. Dalam bulan Februari 1950 UMNO telah menganjurkan satu persidangan alim-ulama di Johor Baru. Persidangan ini telah berjaya menubuhkan *Persatuan Ulama Se Malaya*. Kemudian pada tahun berikutnya satu mesyuarat kali ketiga telah diadakan di Kepala Batas, Pulau Pinang. Mesyuarat ini sebenarnya dikunjungi oleh tokoh-tokoh Hizbul Muslimin yang pada akhirnya berjaya mewujudkan satu tenaga baru dalam pimpinan Islam. Terdahulu dari ini, pada akhir tahun 1940an, Hizbul Muslimin telah diharamkan oleh Inggeris kerana dianggap subversif. Sebenarnya Datok Onn bin Jaafar memainkan peranan penting dalam menghalang cita-cita

104 Lihat R. S. Milne and Diane K. Mauzy, *Politics and Government in Malaysia*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1978, hal. 25.

105 *Ibid.*, hal. 26.

106 Y. Mansoor Marican, *Op. cit.*

Hizbul. Salah seorang tokoh utama Hizbul Muslimin ialah Abu Bakar al-Baqir,¹⁰⁷ yang pernah menyertai KMM dan kemudian PKMM. Pada awal tulisan ini kita telah menyaksikan bagaimana KMM telah disusupi oleh komunis Indonesia dan kemudian apabila PKMM ditubuhkan seorang tokoh penting komunis, Mokhtaruddin Lasso, telah muncul sebagai presidennya yang pertama. Dr. Burhanuddin, yang muncul dari sayap ulama PKMM, menjadi presiden kedua PKMM. Seorang lagi tokoh komunis yang menjadi anggota PKMM ialah Musa Ahmad, sekarang dikatakan menjadi pengerusi Parti Komunis Malaya. Kita juga telah menyaksikan tujuan-tujuan PKMM yang dianggap menyerupai tujuan-tujuan Parti Komunis Malaya dan bagaimana PKMM di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin, pada mulanya merestui Malayan Union dan bekerjasama dengan PMCJA dan AMCJA yang disokong oleh komunis.¹⁰⁸ Pada akhir tahun 1940an apabila Inggeris bertindak ke atas tokoh-tokoh nasionalis dan juga komunis pertubuhan-pertubuhan politik, termasuk Hizbul Muslimin, mulai kehilangan pimpinan. Akan tetapi "elita agama" mulai muncul semula apabila Persatuan Ulama Se Malaya mengadakan mesyuaratnya yang ketiga di Kepala Batas pada tahun 1951 itu. Di persidangan ini Persatuan Ulama Se Malaya ditukar menjadi *Persatuan Islam Se Malaya*, dan memakai sengkatan *PAS*. Nama Persatuan Islam Se Malaya ditukar menjadi *Parti Islam Se Malaysia* apabila parti itu mengadakan sidang agungnya dalam tahun 1971.¹⁰⁹

Pada tahap-tahap perkembangan awalnya Persatuan Islam (PAS) memainkan peranan sebagai sebuah pertubuhan sukarela, tetapi ahli-ahlinya dibenarkan mengambil bahagian dalam parti-parti politik. Pada awal tahun 1954 ahli-ahli PAS dilarang dari menjadi ahli parti-parti politik, dan dalam tahun 1955, sehari sebelum pencalonan pilihanraya ditutup, Parti Islam didaftarkan sebagai sebuah parti politik yang sah.¹¹⁰ Adalah menarik untuk diperhatikan bahawa dalam pilihanraya 1955 isu mengenai "Islam" tidak menjadi ciri terpenting dalam

107 Lihat Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad II-Ihya Asshariff Gunung Semanggul, 1934-1937*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1976.

108 Lihat Mansoor Marican, *Op. cit.*, hal. 36-37.

109 *Ibid.*, hal. 39.

110 Mansoor Marican, *ibid.*, hal. 40.

perjuangannya. Pada masa itu Parti Islam diselubungi oleh dua perkembangan di dalam dan di luar parti. Pertama, ia mengalami perubahan dalam pimpinan. Haji Abbas Alias, presidennya yang kedua, tidak mempunyai kewibawaan kepimpinan yang baik.

*Although the PMIP was able to draw strong support in the rural coastal districts, it suffered from its inability to attract Malays in other parts of the country. It did not have a nationally prominent figure as its leader to appeal to the more educated and sophisticated urban Malay. The lone PMIP member in the Legislative Council was colourless and ineffective.*¹¹¹

Sementara itu, parti ini baru saja mengalami krisis apabila Haji Ahmad Fuad, presidennya yang pertama, menarik diri dari menyertainya berikutan dari kegagalan Haji Ahmad untuk memujuk Persatuan Islam supaya menyertai "National Conference" yang ditaja oleh Dato' Onn bin Jaafar. Keduanya, PAS berhadapan dengan isu-isu politik yang mengancam survival orang Melayu. Keputusan UMNO untuk memberi *jus soli* kepada MCA dalam tahun-tahun selepas 1952 menyebabkan pemimpin-pemimpinnya mendaftarkan PAS sebagai sebuah parti politik yang tersendiri. Perkembangan ini juga mendorong Persatuan Islam untuk berjuang dengan slogan: *bangsa, agama dan tanah air*.¹¹²

*In specific terms the party was staunchly Malay nationalist while in more symbolic ideological terms the party combined Islamic modernist traditions with elements of socialism. Islam served as the unifying force of the party.*¹¹³

Kelemahan parti ini pada awal penubuhannya telah diatasi apabila Dr. Burhanuddin sekali lagi muncul untuk memimpin PAS dalam bulan Disember 1956. Dr. Burhanuddin telah menggunakan dua isu penting untuk mengatasi kesilapan-kesilapan KMM dan parti

111 Means, *Op. cit.*, hal. 227.

112 Milne and Mauzy, *Op. cit.*, hal. 143.

113 *Ibid.*

yang dipimpinnya selepas KMM iaitu PKMM. Pertama ialah nasionalisme Melayu yang agresif dan kedua agama Islam, tetapi dengan tidak meninggalkan sama-sekali idea penyatuan dengan Indonesia.¹¹⁴ Dari satu segi soal-soal yang diputuskan oleh Dr. Burhanuddin untuk diperjuangkan oleh PAS merupakan *volte-face* dari isu-isu yang ditimbulkan semasa dia memimpin PKMM. Jika dalam tahun-tahun 1940an Dr. Burhanuddin berkecondongan untuk memisahkan politik dengan agama, dalam pimpinannya PAS telah menjadikan agama sebagai dasar terpenting. Malah agama, baginya, adalah suatu obligasi politik. Dari pimpinannya dan konsepsi Islam vis-a-vis politik dan sebaliknya inilah Datuk Haji Mohamad Asri bin Haji Muda, presiden keempat PAS, menyambung perjuangan.

PENUTUP

Secara umum tradisi objektif-objektif perjuangan dalam Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya disambung dan dipelihara oleh Parti Islam. Sementara PAS tidak dipengaruhi oleh komunis, bukti-bukti menunjukkan bahawa dua buah parti politik Melayu yang terbesar yang mengasaskan penubuhannya, KMM dan PKMM, telah dipengaruhi oleh sosialis dan komunis. Sungguhpun pemimpin-pemimpinnya seperti Ibrahim Yaacob dan Dr. Burhanuddin tidak mempunyai kecondongan komunis, mereka telah berjaya mengidentifikasikan perjuangan dengan fahaman sosialisme *albeit* pergerakan nasionalis Indonesia. Pada satu-satu ketika, seperti kata Milne dan Mauzy, anak partinya (offshoot), PAS, "... *combined Islamic modernist traditions with elements of socialism*". Dalam tahun 1960an, misalnya, Parti Islam telah menyertai *regime* Sukarno apabila pemimpinnya, Dr. Burhanuddin dan Dato' Abu Hanafiah, dituduh memainkan peranan untuk menubuhkan kerajaan buangan di Karachi.¹¹⁵ Dalam tahun 1963 Kerajaan PAS di Kelantan

114 Means, *Op. cit.*, hal. 227.

115 Lihat *Malaysian Information Department* press release 2/65/117 pada 13 Februari, 1965 dan *Stratis Times* (editorials) 30 Januari dan 19 Februari 1965.

telah menentang penubuhan Persekutuan Malaysia dengan membawa kes itu ke mahkamah,¹¹⁶. Dalam tahun 1978 PAS menarik keluar dari Barisan Nasional. Kecondongan *separatism*, antara lain, dan dalam konteks yang lain, dapat dikesan sejak dari zaman perkembangan KMM dan PKMM. Bahawa pemimpin PAS sekarang ialah seorang anggota API (PKMM) dan Hizbul Muslimin boleh mengesahkan kontinuiti dalam tradisi objektif perjuangan KMM dan PKMM.

116 Lihat B. Simandjuntak, *Malayan Federalism, 1945-63*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, Mohamad Noordin Sopic, *Op. cit.*, Hal. 171-2, dan Robert O. Tilman, *The Centralization Theme in Malaysian Federal-State Relations*, Occasional Paper No. 39, May 1976, Institute of Asian Studies, Singapore, 1976.



MALAYSIA-SINGAPORE
RELATIONS
